

"KEWAJIPAN kita bersama ialah meningkatkan terus pencapaian kita di bidang-bidang ilmu dan teknologi moden, termasuk juga bidang-bidang perniagaan dan perusahaan." - Titah Kebawah DYMM di Majlis Sempena Sambutan Jubli Perak baginda Menaiki Takhta anjuran bersama Dewan Perniagaan Tianghwa dan Dewan Perniagaan Negara pada 16 November 1992.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



DARI Afi bin Malik, dari Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Sebaik-baik pemimpin kamu ialah yang kamu kasihinya mereka dan mereka mengasihinya kamu dan mereka mendoakan kamu dan kamu mendoakan mereka." - (Riwayat Al-Iman Muslim).



ككل قرار ممرينته نكارا

KEKAL KARAR MEMERINTAH NEGARA

Empat dekad memerintah

Kebawah DYMM membawa mercu kejayaan negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 5 Oktober. - Empat dekad memerintah negara, keamanan, keharmonian dan kemajuan negara telah banyak dikecapi oleh rakyat dan penduduk di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Baginda yang ditabalkan menjadi Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Ke-29 pada 5 Oktober 1967, berjaya meneruskan gaya kepimpinan ayahanda baginda Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, yang mengutamakan kepentingan rakyat dan negara.

Kemuncak pencapaian negara dalam tempoh

Oleh : Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn

40 tahun baginda di atas takhta ialah pencapaian kemerdekaan Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang merdeka lagi penuh berdaulat pada 1 Januari, 1984.

Tidak seperti negara-negara lain di mana kemodenan bergantung kepada nilai-nilai tradisi, Negara Brunei Darussalam terus bersandarkan kepada falsafah Melayu Islam Beraja (MIB). Adat resamnya masih kukuh dan dipertahankan lebih lagi Brunei adalah antara negara Islam yang didasari oleh Ahli Sunnah Waljamaah.

Berkat kepimpinan bijaksana baginda, negara lebih matang di segi politik, ekonomi dan pembangunan. Antara pencapaiannya termasuklah

pelaburan besar industri minyak dan gas, pembinaan bangunan-bangunan kerajaan dan swasta, penerokaan kawasan-kawasan komersial, penubuhan rancangan-rancangan perumahan negara dan kemudahan-kemudahan asas.

40 tahun di bawah pemerintahan baginda, negara didorong kepada usaha mempelbagaikan ekonomi telah merangsang pertumbuhan sektor persendirian. Pembangunan ini menjurus kepada usaha menjadikan negara sebagai pusat dagangan dan pelancongan di rantau ini di samping membuka pasaran luar negara seperti yang ditekankan dalam rancangan kemajuan negara.

Ekonomi negara terus kukuh dengan pendapatan per kapita sekitar US\$18,000.00. Keadaan sosioekonomi yang baik dan penjagaan kesihatan yang komprehensif dan percuma membuat rakyat dan penduduk terus menikmati taraf hidup yang tinggi.

Indikator kesihatan yang sejagat mencatatkan kadar kematian anak damit menurun dari 36.07 peratus bagi setiap seribu kelahiran kepada 7.04 peratus dan jangka hayat meningkat kepada usia 74.02 peratus bagi lelaki dan 77.03 peratus bagi wanita pada tahun 2005.

Pendidikan percuma menjadi teras pemba-

ngunan negara apabila peruntukan S485 juta bertambah berlipat ganda dalam tempoh satu dekad. Sejumlah 152 buah sekolah telah dibina di seluruh negara dengan nisbah seorang guru bagi setiap 13 murid. Kadar celek huruf juga naik kepada 98.09 peratus dan hampir semua kanak-kanak fasih berbahasa Melayu dan Inggeris.

Sistem pendidikan semakin moden apabila semua sekolah dilengkapi peralatan komputer dan internet manakala Universiti Brunei Darussalam sendiri sudah berjaya melahirkan lebih 10,000 orang graduan.

Pembangunan infrastruktur semakin giat dilakukan dengan keadaan lebu raya yang cukup baik, selamat di serata daerah selain tidak ada cukai pendapatan dikenakan, tetapi kerajaan memberi subsidi bahan-bahan keperluan asas seperti beras, gula dan minyak kenderaan dalam usaha membantu mereka yang berpendapatan rendah.

Beberapa perusahaan mega menjadi sandaran industri berat di negara ini di samping memberikan keutamaan bidang perikanan, pertanian dan perladangan sebagai sumber ekonomi. Pelaburan Air Dalam Muara bagi pengangkutan laut dijangka menjadikan negara sebagai pusat perdagangan dan pelancongan rantau.

Lihat muka 24



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, raja dan ketua negara yang dikasihinya rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Negara mampu bersaing dengan negara maju

Oleh : Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 5 Oktober. - Dalam tempoh 40 tahun pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, negara ini telah mengalami perubahan yang banyak dari hasil usaha baginda dalam menaikkan taraf negara untuk mampu bersaing dengan negara-negara yang membangun dan maju sehingga menjadikan Negara Brunei Darussalam dapat bersaing dengan negara-negara lain di dunia ini.

Berkat kepimpinan dan daulat baginda itu juga Negara Brunei Darussalam dikenali sebagai sebuah negara Islam yang aman damai dan mempunyai kestabilan politik serta ekono-

mi yang kukuh dan mantap, menarik hati negara-negara luar bagaimana hal ehwal agama Islam berkembang dan maju menjadi contoh kepada orang lain.

Perkembangan agama sangat menonjol, dapat dilihat dalam semua bidang, termasuk bidang pendidikan agama, bidang kebajikan dan sosial serta amalan-amalan beragama yang sangat terjaga dan tersusun.

Perkara tersebut dinyatakan dalam Khutbah Jumaat di masjid-masjid seluruh negara bertepatan genapnya 40 Tahun Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Lihat muka 24

ANTARA KANDUNGAN

Hasrat Negara:

Al-Qur'an
landasan yang tepat
- Muka 2

Majlis Khatam
Al-Qur'an
di Istana Nurul Iman
- Muka 4

16,186 fakir miskin
terima agihan zakat
- Muka 5

40 Tahun Menaiki
Takhta -
Majlis Kesyukuran
dan Doa Selamat
- Muka 8

40 Tahun Menaiki
Takhta - Doa Selamat
dan Kesyukuran Khas
- Muka 9

Majlis Khatam Al-
Qur'an Semarakkan
Sambutan 40 Tahun
Kebawah DYMM
Menaiki Takhta
- Muka 12 & 13

Kedaulatan
negara sentiasa
terpelihara di bawah
kepimpinan bijaksana
- Muka 4 ANEKA

TAHUKAH AWDA

"KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diputerakan pada 15 Julai 1946 di Istana Darussalam, Bandar Brunei (Bandar Seri Begawan). Baginda mendapat pendidikan awal secara tuisyen persendirian di Istana Darul Hana dan menuntut di Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam. Baginda seterusnya melanjutkan pelajaran di Sekolah Jalan Gurney, Kuala Lumpur dan di Victoria Institution, Kuala Lumpur dengan menyertai pasukan Kadet Victoria Institution. Baginda diisytiharkan menjadi Duli Pengiran Muda Mahkota pada 14 Ogos 1961. Baginda meneruskan pelajaran di Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin dan memasuki Akademi Tentera Diraja Sandhurst, United Kingdom sebagai Pegawai Kadet ditauliahkan pangkat Kapten dalam pasukan Coldstream Guards." - Sumber dari Dirgahayu 1995 dan buku bertajuk 'Memimpin Rakyat Kekal Bahagia'.

ISTANA NURUL IMAN AKAN DIBUKA SELAMA TIGA HARI

MENJUNJUNG Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana, Grand Chamberlain mengumumkan bahawa sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1428 Hijrah, Istana Nurul Iman akan dibuka selama tiga hari, mulai dari Hari Raya Kedua dari jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari jam 2.00 petang hingga 4.00 petang bagi membolehkan orang ramai mengadap dan menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja.



10 OKTOBER 2007 BERSAMAAN 1428 رمضان 28

HARI RAYA - JAMBATAN MEMUPUK KEAKRABAN BERKELUARGA

HARI Jumaat atau Sabtu, umat Islam di Negara Brunei Darussalam akan dapat menyambut Hari Raya Aidilfitri bagi tahun 2007. Sesungguhnya kita amat beruntung kerana dapat merayakannya dalam suasana negara aman, damai, makmur dan sejahtera. Semua itu berpunca daripada rahmat Allah Subhanahu Wata'ala di samping keadaan politik negara yang stabil dengan adanya kepimpinan mantap dan berwibawa yang kita nikmati hingga sekarang.

Jangka masa dua tiga hari ini, tentunya, umat Islam amat sibuk menyediakan pelbagai persiapan menyambut hari yang mulia itu. Persiapan itu amat ketara bilamana orang-orang kitani sibuk ke sana ke mari membekali-bekal di gedung-gedung perniagaan. Jalan-jalan raya utama di ibu negara saban hari sentiasa dibanjiri oleh kenderaan sehingga lewat malam. Pusat-pusat membeli-belah 'diserbu' oleh pelbagai lapisan masyarakat untuk berbelanja. Senario yang sudah menjadi kelaziman dan budaya orang Brunei yang sudah tebal meresap sejak zaman-berzaman yang tidak mungkin dapat dihilangkan.

Namun demikian, dalam apa keadaan sekalipun, walau sesibuk mana jua, kewajipan untuk mengeluarkan zakat fitrah jangan dilupakan. Berbelanja tidak dilarang, tetapi kewajipan kepada Allah jangan diabaikan, maklum saja sedang siuk berbelanja terlupa zakat fitrah.

Konsep Hari Raya bertindak sebagai 'titian' bagi kita semua umat Islam meningkatkan hubungan silaturahmi dan perpaduan kalangan orang-orang Brunei. Perayaan setahun sekali ini menuntut agar kita jadikan Hari Raya sebagai 'jambatan' memperkukuh hubungan keakraban berkeluarga. Sesuatu yang dituntut dalam ajaran Islam.

Jambatan yang dimaksudkan melalui konsep ziarah-menziarahi, kunjung-mengunjungi sahabat handai, keluarga dan rakan taulan. Perkara ini dirasakan perlu melihat konsep bedangsanak semakin hari semakin terhakis dan tidak lagi menjadi keutamaan dalam kehidupan harian. Melalui Hari Raya ini, konsep bedangsanak dan berkeluarga mustahak kita perkukuhkan terutama kalangan para belia. Agar dengan itu, golongan sedemikian dapat terus menyambung tradisi orang-orang Brunei yang mengutamakan kesejahteraan berkeluarga sungguhpun era globalisasi menghambat kehidupan.

Perpaduan dan persaudaraan hendaklah kita gembleng bersama dengan menguatkan konsep Melayu Islam Beraja (MIB) yang menjadi pasak dalam kehidupan berbangsa dan bernegara. Semboyan kunjung-mengunjungi dan bermaaf-maafan perlu dipupuk dan dihidupkan sentiasa dalam melayari kehidupan harian bukan sahaja semasa musim perayaan tetapi berterusan setiap tahun.

Dalam kita berpesta menyambut Hari Raya nanti hendaklah sentiasa berwaspada, jangan sampai terkeluar dari batasan agama Islam. Pesta-pesta yang melulu dan menjolok mata yang didasari dengan tari-menari dan hiburan-hiburan melampau yang mengkhayalkan hendaklah kita hindari sama sekali. Kita perlu ingat Hari Raya bukanlah 'pasport' untuk kita merayakan sesuka hati tanpa batasan sehingga bertentangan dengan norma-norma kehidupan orang-orang Brunei.

Selain itu mustahak juga diingati dengan sentiasa mengutamakan keselamatan di jalan raya. Berhati-hati, waspada dan berhemah tinggi semasa memandu. Janganlah kita berlumba-lumba untuk cepat sampai ke destinasi yang dituju. Kita tidak mahu kemeriahan Hari Raya bertukar menjadi kedukaan. Begitu juga, kita hendaklah waspada semasa meninggalkan rumah dengan sentiasa mengunci rumah dan memastikan suis lampu ditutup demi mengelakkan kebakaran serta elemen-elemen yang memudahkan 'tetamu' yang tidak diundang memasuki rumah bagi mengelakkan sebarang kecurian.

Sempena Hari Raya, saban tahun, Istana Nurul Iman dibukakan selama tiga hari bagi memberi peluang kepada lapisan rakyat dan penduduk menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat-kerabat diraja baginda. Molek rasanya bagi rakyat mengambil kesempatan untuk berinteraksi dengan raja yang kita kasih sebagai tanda kasih sayang terhadap baginda.

Kita jadikan Aidilfitri titik tolak yang bermakna bagi meningkatkan solidariti perpaduan sejati serta memperbaharui langkah dan tindakan dalam memacu pembangunan negara demi masa depan bangsa Brunei yang gemilang dan cemerlang.

SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDILFITRI

HASRAT NEGARA

AL-QUR'AN LANDASAN YANG TEPAT

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaan Aalibiee Wasabbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat menikmati kemanisan bulan Ramadan yang mulia ini dan sekali gus dapat sekali lagi berkumpul untuk memperingati Peristiwa Nuzul Al-Qur'an.

Sumber ilmu terpenting bagi umat Islam ialah Al-Qur'an. Kecemerlangan tidak dapat dipisahkan daripada Al-Qur'an. Ia adalah petunjuk ke arah itu.

Allah Subhanahu Wata'ala menyifatkan Al-Qur'an sebagai petunjuk yang 'Aqwam'. Kalimat Aqwam itu bermaksud jalan yang paling benar, paling adil dan paling tepat. Maka mereka yang menjadikan Al-Qur'an sebagai rujukan, pasti akan beroleh kecemerlangan, kejayaan dan keselamatan.

Jalan ke arah kecemerlangan, kejayaan dan keselamatan itu memerlukan peta yang lengkap. Al-Qur'an adalah peta yang dimaksudkan itu. Tidak terdapat sebarang bengkok di dalamnya. Ia adalah cahaya yang menerangi semua jalan.

Orang-orang Arab di zaman jahiliah adalah golongan yang tidak bertamadun. Namun selepas

mereka memeluk Islam, cara hidup mereka berubah sehingga dapat membina sebuah tamadun yang gilang-gemilang. Perubahan ini tidak syak lagi dirangsang oleh Al-Qur'an.

Oleh itu, pada hari ini apabila kita menginginkan kecemerlangan, maka Al-Qur'an adalah landasannya yang tepat.

Al-Qur'an berperanan membetulkan akidah kita dengan memberikan peringatan supaya menyembah Allah, supaya ikhlas dan bulat hanya kepada Allah semata-mata, khasnya dalam ibadat dan juga dalam semua kegiatan kehidupan yang lain-lain. Inilah syarat kejayaan dan

kecemerlangan yang sebenar-benarnya, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Haj, ayat 77, tafsirnya:

"Wahai mereka yang beriman, ruku' dan sujudlah serta beribadatlillah kamu kepada Tuhan kamu dan buatlah kebaikan semoga kamu beroleh kejayaan."

Umat Islam tidak akan mencapai kecemerlangan sekiranya mereka meninggalkan ibadat kepada Allah. Kerana kecemerlangan itu adalah bulat-bulat daripada Allah. Bagaimanakah Allah akan mengurniakan kepada kita, jika kita tidak mahu menyembah-Nya.

MATLAMAT ibadat ialah mencari keredaan Allah. Apabila Allah reda, insya-Allah semua pintu kebajikan akan terbuka.



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1428 Hijrah / 2007 Masihi pada hari Jumaat (Malam Sabtu) 17 Ramadan 1428 / 28 September 2007 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.

Penyembahan terhadap Allah itu sama ertinya dengan melakukan keta'atan dalam semua perkara kehidupan. Di samping sembahyang, semua hukum-hukum Allah Ta'ala juga peritulah ditegakkan di dalam diri kita, keluarga dan malah negara.

Matlamat ibadat ialah mencari keredaan Allah. Apabila Allah reda, insya-Allah semua pintu kebajikan akan terbuka.

Inilah harapan kita dalam memburu kecemerlangan. Bukan saja kecemerlangan di dunia malahan juga, lebih utama, kecemerlangan di akhirat.

Yang penting, perspektif kecemerlangan itu janganlah disempitkan sebagai hanya kemajuan duniawi semata-mata, sama seperti orang mendefinisikan tentang kejayaan. Tetapi bagi orang Islam, kecemerlangan dan kejayaan yang sejati itu adalah

kecemerlangan dan kejayaan di akhirat juga.

Ini dapat dilihat dari pendekatan Al-Qur'an sendiri dalam ungkapan-ungkapan tentang kecemerlangan dan kejayaan itu sering menyebutnya sebagai 'fauzan/azeman' (فَوْزَانٌ أَوْعِزَانٌ) atau 'Al-Fauzul 'Azeem' (الْفَوْزُ الْعَظِيمُ) yang bermakna 'Kejayaan Besar'. Apakah dia yang dimaksudkan dengan 'Kejayaan Besar' itu? Tidak lain ialah, memperolehi syurga Allah Ta'ala.

Jadi mudah-mudahan bersempena dengan menyambut Nuzul Al-Qur'an pada tahun ini, kita akan dapat memahami dengan lebih jauh lagi erti kecemerlangan dan kejayaan yang sebenar-benarnya, serta sekali gus akan berusaha untuk mencapainya.

Sekian Wabillahi Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Persefahaman erat sentiasa terjalin di antara Brunei Darussalam - Republik Korea

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Roh Moo-hyun, Presiden Republik Korea dan Tuan Yang Terutama Han Duck-soo, Perdana Menteri Republik Korea bersempena dengan ulang tahun Hari Penubuhan Republik Korea.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan berpuas hati di atas hubungan mesra

dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Korea.

Baginda seterusnya yakin keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berharap semoga TYT Roh Moo-hyun, Presiden Republik Korea sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat

Republik Korea akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu, di dalam perutusan kepada TYT Han Duck-soo, Perdana Menteri Republik Korea, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada TYT bersempena dengan ulang tahun Hari Penubuhan republik tersebut.

Seterusnya baginda berharap semoga TYT Han Duck-Soo akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Doa rakyat untuk raja yang dikasihi

Temu bual dan Foto : Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 5 Oktober. - Hari ini merupakan hari bersejarah bagi rakyat dan penduduk di negara ini dengan genapnya 40 tahun pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan aman sentosa.

Rakyat dan penduduk bersama-sama menadah tangan mensyukuri dan memanjatkan doa agar raja yang dikasihi terus kekal memimpin negara, di samping memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya baginda dan kerabat diraja yang lain mendapat kesejahteraan di dunia dan akhirat.

"Kita tidak menafikan suasana aman damai yang dinikmati ketika ini merupakan hasil kepimpinan yang bijaksana Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam banyak sudut," Awang Safuddin bin Yussof ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI.

Menurutnya, pemerintahan baginda yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang berwawasan berjaya menerajui keunggulan negara sekaligus menyumbang kepada kesejahteraan dan keamanan yang sama dinikmati oleh semua rakyat dan penduduk yang bernaung di bumi Brunei Darussalam ini.

Awang Haris bin Angas pula mengakui keprihatinan baginda dalam hal ehwal kebajikan rakyat memang tidak dapat disangkal lagi dengan golongan tua, anak-anak yatim, fakir miskin juga mendapat perhatian baginda dengan anugerah kurnia-kurnia tertentu.

"Kemudahan asas yang



"KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bijaksana memimpin dalam banyak sudut" ... Awang Safuddin bin Yussof.

menjadi kepentingan seluruh rakyat seperti bekalan elektrik, air, telefon dan prasarana lain sudah tersedia bukan saja kepada penduduk kawasan bandar malah boleh dikatakan menyeluruh sehingga ke kawasan pedalaman. Ini sekaligus dapat meningkatkan taraf kehidupan rakyat," jelasnya.

Imam Haji Tohara bin Haji Ongsang turut mengongkang rasa bangga di atas corak kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri



"KEBAJIKAN rakyat tidak dilupakan" ... Awang Haris bin Angas.

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang meletakkan cara hidup dengan berpegangan ajaran agama Islam sebagai landasan paling utama.

"Keberkatan kepimpinan berlandaskan ajaran betul dengan mentaati hukum-hukum Allah telah memelihara negara kita dari ditimpa sebarang bala bencana malah limpahan rahmat yang dinikmati seluruh rakyat juga memberi kesan yang sangat positif kepada



"AJARAN agama Islam landasan pamerintahan baginda" .. Imam Haji Tohara bin Haji Ongsang.

kehidupan kita," jelasnya.

Sementara itu, bekas Anggota ABDB, Awang Haji Sabri bin Haji Othman pula bangga dengan aspek pertahanan negara yang stabil sekali gus mengukuhkan keselamatan rakyat.

"Sudah terbukti tahap keselamatan negara yang terjamin telah membolehkan rakyat dan penduduk di negara ini melaksanakan tanggungjawab harian mereka dengan sempurna," jelasnya.



"RAKYAT terus nikmat kestabilan negara ..." bekas Anggota ABDB, Haji Sabri bin Haji Othman.

Beliau juga memuji dasar pemerintahan baginda yang tidak mencampuri hal ehwal dalaman negara-negara lain telah membuat negara Brunei Darussalam dihormati di kalangan negara-negara jiran malah antarabangsa.

Awang Shahrul Azlan bin Md. Zain pula menyembahkan tahniah ke atas majlis baginda di atas pemerintahan baginda yang cemerlang menerajui negara dalam semua aspek terutama dalam meningkatkan



"BANGGA Negara Brunei Darussalam dihormati dan dikikrifi dunia" ... Awang Shahrul Azlan bin Md. Zain.

taraf kehidupan rakyat, di samping memacu kegemilangan Negara Brunei Darussalam ke persada dunia.

"Kita bangga, suara gesaan Negara Brunei Darussalam dalam pertubuhan-pertubuhan dunia yang kita sertai telah mendapat perhatian, pengiktirafan dan penghormatan yang tinggi. Ini merupakan hasil corak ketokohan pemerintahan kita yang cemerlang," jelas Awang Shahrul Azlan.

Raja dan pemimpin yang tiada tolok bandingnya

Oleh : Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn



KETUA Kampong Lambak 'B' Mejar (B) Awang Haji Mohammad Jait bin Haji Abd. Wahab ... "Kebawah DYMM merupakan seorang raja dan pemimpin yang tiada tolok bandingnya."



AWANG Mohd. Jufferi bin Sulaiman ... "Kebawah DYMM sebagai seorang raja yang sangat mengutamakan keselamatan dan keamanan negara dan rakyat serta penduduknya."

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 5 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini genap 40 tahun menaiki takhta dengan memimpin dan membawa negara ke era kemajuan dan pembangunan dalam pelbagai bidang.

PELITA BRUNEI sempat membuat beberapa temu bual dengan beberapa orang ramai dan kakitangan awam yang mengulas mengenai kepimpinan baginda semenjak mula ditabalkan menjadi Raja dan Sultan Ke-29 Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman sempena Majlis Khatam Al-Qur'an Khas 40 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Menaiki Takhta.

Mejar (B) Awang Haji Mohammad Jait bin Haji Abd. Wahab yang sekarang bertugas sebagai Ketua Kampong Lambak 'B' menyifatkan Kebawah DYMM sebagai seorang pemimpin atau raja yang tiada tolok bandingnya dengan pemimpin atau raja-raja lain ketika ini.

Katanya, di bawah kepimpinan bagindalah banyak negara-negara lain mengambil contoh tentang bagaimana baginda mendekati rakyat di samping menjalankan tugas sebagai seorang raja dan menadbir negara dengan aman dan tenteram serta penuh keprihatinan dalam banyak hal.

"Di negara ini semenjak baginda menjadi raja dan pemimpin rakyat hidup dalam penuh aman dan kesejahteraan tanpa kejadian kacau bilau di

mana baginda mengutamakan kepentingan rakyat kecil sambil menyediakan kemudahan asas kehidupan yang lebih sempurna," jelas beliau.

Tambahnya, kalau dulu rakyat dan penduduk yang tiada mempunyai tanah dan rumah kediaman yang kekal tapi dengan keprihatinan baginda diadakan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati dan Skim Perumahan Negara dan pengurniaan geran tanah kepada rakyat dan penduduk yang mendiami tapak Tanah Tumpang Sementara (TOL).

Manakala dalam hal pendidikan ujarnya, baginda sangat mengutamanya dengan kerajaan terus-menerus membina sekolah menengah dan rendah bagi menampung pelajar yang terus bertambah selain baginda mewujudkan Universiti Brunei Darussalam, Institut Pengajian Islam Sultan

Hassanal Bolkiah, Institut Tahfiz Haji Hassanal Bolkiah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Kolej Universiti Pengurusan Ugama Seri Begawan serta banyak lagi pusat-pusat pengajian tinggi yang lain.

"Baginda juga berkenan menaikkan gaji Perkhidmatan Awam dan tahun ini mengawalkan pembayaran bonus tahunan kepada setiap penghujung bulan Disember," jelas beliau.

Manakala itu Awang Mohd. Jufferi bin Sulaiman, mantan anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) setelah berkhidmat 15 tahun menyifatkan baginda seorang raja yang memertingkatkan keselamatan dan keamanan negara dengan sering membuat lawatan tidak berjadual kepada markas-markas ABDB dan pasukan Polis

Diraja Brunei bagi memastikan semuanya siap sedia dan terarah.

Sementara itu, bagi Awang Kifli bin Haji Kamis yang telah berkhidmat dengan kerajaan lebih 15 tahun menyifatkan baginda sebagai seorang raja yang peka pada perkembangan dan kemajuan bagi pegawai dan kakitangan awam.

"Baginda sendiri telah memperkenankan kenaikan gaji kepada semua Perkhidmatan Awam termasuk bagi mereka yang bergaji hari," kata Awang Kifli.

Tambahnya, selain itu baginda juga menyediakan tempat tinggal yang selesa kepada mereka yang layak dengan kemudahan rumah-rumah atau flat-flat kerajaan dengan potongan gaji yang amat berpatutan.



AWANG Kifli bin Haji Kamis ... "Kebawah DYMM berkenan menaikkan gaji itu yang sangat-sangat dinantikan oleh setiap warga Perkhidmatan Awam."



AWANG Haji Sazali bin Haji Abd. Rahman ... "Lawatan Kebawah DYMM ke jabatan-jabatan kerajaan mencerminkan keprihatinan baginda untuk melihat Perkhidmatan Awam terus meningkat."

Bekalan daging dan telur mencukupi menjelang Aidilfitri

Oleh : Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Oktober. - Setiap menjelang Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri permintaan terhadap daging kerbau, lembu, ayam dan telur amat tinggi daripada para peniaga tempatan dan orang ramai di negara ini.

PELITA BRUNEI mendapati keperluan dan permintaan terhadap daging mentah, ayam dan telur di bulan Ramadan mencukupi dan memenuhi permintaan tetapi harga sedikit mahal terutamanya daging memandangkan permintaan yang bertambah untuk menyambut kedatangan 1 Syawal.

Perkara ini dijelaskan oleh Penolong Pengarah Jabatan Pertanian, Dr. Dabedding Haji Dullah ketika dihubungi melalui telefon di pejabatnya dimint

mengulas mengenai bekalan daging mentah, ayam dan telur bagi bulan Ramadan dan Syawal nanti.

"Bekalan ayam bagi bulan Oktober ini mengikut perangkaan mencapai lebih 1300 metrik tan manakala pada September lalu banya 1029 metrik tan dan bagi daging beku pula mencapai 650 metrik tan yang didatangkan dari Australia dan India," jelasnya.

Sementara itu tambahannya, bagi memastikan bekalan daging lembu dan kerbau tetap mencukupi sejumlah 678 ekor lembu dan 47 ekor kerbau telah tiba dari Australia pada penghujung September lalu.

Menurut beliau permintaan kesemua bahan mentah itu meningkat setiap menjelang

Ramadan dan Hari Raya dengan jualan yang tinggi di kalangan para pengusaha kecil dan sederhana (SME) manakala suri rumah membelinya dengan jumlah yang banyak dan berulang-ulang.

"Hal ini juga terjadi kepada permintaan telur dengan pengusaha kecil dan suri rumah membeli telur untuk membuat kuih-muih untuk dijual atau dihidangkan ketika Hari Raya nanti dan kegunaan bagi bulan Ramadan sendiri," katanya.

Pada bulan Oktober ini tambahannya, lebih 9.8 juta biji telur

debekalkan oleh para pengusaha telur di negara ini sementara pada September hanya 9.8 juta biji telur yang bekalkan oleh pengusaha.

"Dan pada bulan yang sama hanya 300 ribu biji yang didatangkan dari negara jiran bagi menampung keperluan tempatan dan pihak kami juga bersedia memberikan kebenaran kepada mana-mana pengusaha untuk mengimport telur Oktober ini jika terjadi permintaan yang terlalu tinggi," tambahannya.

Permintaan telur agak tinggi kerana kebanyakan umat Islam menggunakannya bagi membuat

kuih-muih raya yang rata-rata menggunakan 10 hingga 15 biji telur bagi menghasilkan sebiji kek ukuran biasa, belum termasuk penggunaan telur bagi membuat pelbagai jenis biskut dan kuih-muih sama ada untuk Ramadan dan persediaan Syawal selain untuk dijual.

Sekarang telur ayam walaupun mencukupi untuk Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri tetapi harganya sedikit naik dari harga biasa, berbanding beberapa bulan lalu satu set telur 30 biji jenis B boleh diperolehi dengan harga tiga set \$10.00 akan tetapi hari ini harga satu set telur sudah mencecah \$5.20 jenis A dan jenis B pula dijual antara \$4.80 dan \$5.00 setiap set.

Sementara itu, ketika ini pen-

jual daging masih menjual pada harga biasa iaitu daging kerbau \$10.80 sekilogram, kambing \$15.80 dan lembu \$11.90 sementara ayam \$4.10 naik sedikit dari harga biasa.

"Sejak dua tahun kebelakangan ini, sambutan orang ramai terhadap daging kerbau dan lembu tempatan berkurangan disebabkan beberapa faktor antaranya adanya daging beku dari negara luar yang lebih murah khususnya dari Australia dan India," kata seorang penjual daging di Pasar Baru.

Salah seorang peniaga daging tempatan yang sempat ditemu bual wakil PELITA BRUNEI melahirkan kebimbangan ter-

hadap harga daging yang didatangkan dari luar negara yang dijual dengan harga murah berbanding dengan harga daging tempatan.

Jelas beliau, walaupun bekalan daging tempatan naik sedikit kami selaku penjual terpaksa menjual ikut pasaran daging import kerana takut menanggung rugi.

Seperti lazimnya, kedatangan bulan Ramadan dan Aidilfitri menyaksikan penggunaan daging dan ayam sangat menggalakkan berbanding pada bulan-bulan yang lain malah para peniaga gerai berminat mendapatkan daging dan ayam beku kerana lebih murah berbanding harga daging dan ayam tempatan.

Majlis Khatam Al-Qur'an di Istana Nurul Iman

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn
Abu Bakar Haji Abd. Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 September. - Majlis Bertadarus yang diadakan setiap malam sejak bermulanya

bulan Ramadan berakhir dengan Majlis Khatam Al-Qur'an di Istana Nurul Iman di sini.

Majlis dilangsungkan di

hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith.

Majlis bermula dengan

bacaan Surah Al-Faatihah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Tuan Iman Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang

Abdul Hamid bin Bakal dan diikuti dengan bacaan surah-surah khatam yang didahului oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Jumat.

Sementara itu bacaan Tahtim dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim yang juga membaca doa khatam.

Bagi menyemarakkan lagi majlis tersebut, persembahan Dikir Syarafil Anam dan Marhaban disampaikan oleh pegawai-pegawai masjid yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Mat Jaya yang juga membacakan doa dikir.

Sementara itu doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Majlis yang dihadiri oleh Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Pengiran-pengiran Peranakan, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Manteri-manteri Penda-laman, Setiausaha-setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.



MAJLIS Malam Penutup Bertadarus sempena bulan Ramadan yang berlangsung di Istana Nurul Iman dihadiri sama oleh Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet dan para pembesar negara yang lain. - Foto : Hatral Hazmi Abd. Hamid.



PERSEMBAHAN Dikir Syarafil Anam dan Marhaban disampaikan oleh pegawai-pegawai masjid menyerikan lagi suasana Majlis Bertadarus di Istana Nurul Iman. - Foto : Masri Osman.

Berkenan hantar perutusan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Horst Kohler, Presiden Republik Persekutuan Jerman dan Puan Yang Terutama Angela Merkel, Chanselor Republik Persekutuan Jerman bersempena dengan Hari Penyatuan Jerman.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan berpuas hati di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Persekutuan Jerman. Baginda berharap semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berharap semoga Tuan Yang Terutama Horst Kohler, Presiden Republik Persekutuan Jerman sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Republik Persekutuan Jerman akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu, di dalam perutusan kepada Puan Yang Terutama Angela Merkel, Chanselor Republik Persekutuan Jerman, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada PYT sempena Hari Penyatuan Republik Persatuan Jerman. Seterusnya baginda berharap semoga PYT akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Tahanan di bawah Akta KDN dibebaskan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah melimpahkan kurnia pembebasan ke atas seorang tahanan yang sebelum ini ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri mulai 4 Februari 2004 kerana terlibat dalam kegiatan menjual dan membocorkan maklumat Rahsia Kerajaan.

Awang Noordin bin Awang Haji Mohd. Noor dikurniakan pembebasan pada 28 September 2007 setelah menjalani program pemulihan di Unit Tahanan dan Pemuliharaan, Jerudong.

Dalam sumpah ikrar yang beliau lafazkan, beliau telah menyesal akan perbuatan beliau dan telah dengan sukarela membuat pengakuan sumpah taat setia ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda serta akan patuh kepada undang-undang dan peraturan yang berjalan di negara ini.

DPPW berkenan utus tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan juga berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Tuan Yang Terutama Song Min-Soon, kerajaan dan rakyat Republik Korea sempena ulang tahun Hari Penubuhan Republik Korea.

Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan juga berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Tuan Yang Terutama Song Min-Soon, kerajaan dan rakyat Republik Korea sempena ulang tahun Hari Penubuhan Republik Korea.

Dalam perutusan itu, DYTm melahirkan rasa gembira bahawa persahabatan dan kerjasama yang sekian lama terjalin antara kedua buah negara terus meningkat dan berharap kerjasama dengan TYT dapat diteruskan bagi memperkukuhkan lagi hubungan yang sangat berharga itu.

Pada tarikh yang sama Duli Yang Teramat Mulia

Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan juga berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Tuan Yang Terutama Frank-Walter Steinmeier, kerajaan dan rakyat Republik Persekutuan Jer-

man sempena Hari Penyatuan Jerman.

Dalam perutusan itu, DYTm menghargai layanan mesra yang TYT berikan semasa ASEAN mengadakan lawatan ke Nuremberg dan Hamburg tahun ini.

DYTm berharap untuk terus mengukuhkan lagi hubungan persahabatan dan kerjasama yang sangat berharga ini.

Pelatih PPB Bertadarus Al-Qur'an

BERAKAS, Isnin, 17 September. - Bulan Ramadan merupakan bulan yang sangat mulia daripada bulan-bulan lain dan dalam bulan ini juga aktiviti kebajikan dan keagamaan terutama aktiviti Bertadarus Al-Qur'an kerana di bulan ini Al-Qur'an di turunkan dan pahala yang dikurniakan oleh Allah Subhanallah Wa'atala berlipat ganda.

Majlis Pembukaan Program Bertadarus Al-Qur'an Bulan Ramadan Belia anjuran Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang berlangsung di Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Kampong Perpindahan Tanah Jambu di sini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad hadir selaku tetamu kehormat yang juga mendahului acara bertadarus Al-Qur'an.

Turut hadir di majlis itu ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal dan Timbalan Setia-

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

usaha Tetap, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman dan belia-belie serta beliawanis Pusat Pembangunan Belia.

Selain Bertadarus Al-Qur'an, diselenggarakan juga dengan Majlis Membaca Tahliil dan Dou Kesyukuran dan Menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah sempena bermulanya aktiviti program berkenaan.

Majlis Bertadarus Al-Qur'an akan di teruskan di empat-empat daerah di negara ini dengan melibatkan para belia dalam acara keagamaan seperti ini dengan tumpuan Masjid Pekan Seria, Masjid Burong Pingai Berakas, Masjid Kampong Sungai Kelugos, Daerah Tutong dan Masjid Kampong Belais, Daerah Temburong.

Sementara Majlis Penutup Program Bertadarus Al-Qur'an Bulan Ramadan Belia akan berlangsung pada 1 Oktober 2007 di rumah kediaman rasmi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad di Kampong Tanah Jambu.

Keprihatinan dermawan menggembirakan anak-anak yatim



Oleh :
Hezlinawati
Haji Abd. Karim
Foto :
Abdullah
Haji Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 September. - Keprihatinan golongan dermawan sekurang-kurangnya akan dapat meringankan beban di samping memberi kegembiraan kepada anak-anak yatim yang memerlukan perhatian dan bantuan.

Sehubungan itu, pihak Pengurusan dan Pentadbiran, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha mengadakan Majlis Penyampaian Derma kepada anak-anak yatim hospital berkenaan, berlangsung di Dewan Kuliah Hospital RIPAS, di sini.

Penyampaian derma disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

Seramai 48 orang anak yatim menerima derma berupa wang di majlis tersebut.

Derma-derma adalah hasil sumbangan para pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan, pihak swasta (Syarikat Meramin), BKSS dan orang perseorangan.

Juga hadir, Timbalan Menteri Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair bin Haji Abdullah.

Aktiviti berkebakikan itu merupakan acara tahunan yang diadakan di bulan Ramadan sebelum menjelang Hari Raya Aidilfitri.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi bin Haji Osman menyampaikan sumbangan derma kepada sebahagian anak-anak yatim.

16,186 fakir miskin terima agihan zakat



PEMANGKU Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin menyaksikan pengagihan zakat.

Oleh :
Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn
Foto :
Halim Haji Sulaiman

Sementara itu kajian dan penelitian yang dibuat kata Yang Berhormat bertujuan untuk mengenal pasti fakir miskin yang layak untuk mendapat bantuan selanjutnya iaitu berupa bantuan bulanan bagi keperluan asasi dalam bentuk barangan dan wang, bantuan persekolahan anak-anak dan bantuan sewa rumah.

"Setakat ini hasil kajian sehingga 24 September 2007 ada sejumlah 876 keluarga layak diberi bantuan bulanan sama ada berupa barangan keperluan asasi, wang persekolahan anak-anak dan sewa rumah," jelas Yang Berhormat.

Sehubungan itu ujar Yang Berhormat, Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat (BAKAZ), Jabatan Majlis Ugama Islam bersedia menerima permohonan baru atau rayuan untuk dikaji dan diteliti.

"Jika sesiapa merasakan dirinya fakir atau miskin bolehlah berhubung dengan amil-amil yang dilantik di kawasan-kawasan mereka untuk membawa kes mereka kepada BAKAZ," kata Yang Berhormat.

Kadar agihan wang zakat harta kepada asnaf fakir miskin tahun ini adalah sama seperti tahun lepas iaitu sebanyak \$1,200.00 bagi setiap ketua keluarga dan \$360.00 bagi setiap seorang tanggungan yang akan mereka terima selama 12 bulan mulai bulan Oktober ini.

Kadar agihan wang zakat fitrah yang diberikan sekali gus ialah sebanyak \$100 bagi setiap ketua keluarga dan sebanyak \$30.00 bagi setiap seorang tanggungan.

Yang Berhormat menjelaskan, oleh kerana peruntukan Bahagian Fakir Miskin daripada hasil kutipan Zakat Fitrah hanya berjumlah

\$268,632.84 sahaja, sedangkan jumlah yang akan diagihkan kepada fakir miskin seramai 16,186 orang adalah sebanyak \$747,870.00, maka bagi mencukupkannya diambil daripada bahagian asnaf yang tidak wujud semasa pengagihan ini iaitu Asnaf Ibnu Sabil (Musafir) dan Asnaf Al-Gharimin serta daripada baki yang ada daripada Kumpulan Wang Zakat Majlis Ugama Islam.

Peruntukan Bahagian Fakir Miskin daripada hasil kutipan Zakat Harta jelas Yang Berhormat hanya berjumlah \$2,956,070.54 sahaja dan tidak mencukupi bagi pengagihan kepada seramai 16,186 orang fakir miskin yang berjumlah sebanyak \$8,974,440.00.

Maka untuk mencukupkannya tambah Yang Berhormat, ia diambil daripada bahagian Asnaf Ibnu Sabil dan Al-Gharimin yang tidak wujud semasa pengagihan dan lebihan Asnaf Amil dan Muallaf serta baki daripada Kumpulan Wang Zakat Majlis Ugama Islam.

Kutipan zakat fitrah tahun 1427H / 2006M meningkat sebanyak 3.05 peratus dari tahun sebelumnya menjadikan jumlahnya sebanyak \$804,575.10 iaitu bertambah sebanyak \$23,785.13

Zakat harta yang diterima dalam masa setahun sehingga pada 31 Ogos 2007 adalah menurun sebanyak 41.43 peratus dari tahun sebelumnya iaitu sebanyak \$8,868,211.54 menurun sebanyak \$6,271,926.34 (\$6.27 juta).

Seramai 108 orang dengan 331 tanggungan menerima agihan wang zakat berjumlah \$41,460.00 pada majlis itu.

GADONG, Khamis, 27 September. - Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin berkata sejumlah 3,747 keluarga terdiri daripada 16,186 orang fakir miskin telah ditentukan sebagai penerima agihan wang zakat tahun 2007 ini.

Yang Berhormat selaku Pemangku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei Darussalam menambah jumlah agihan ialah sebanyak \$9,722,310.00 (\$9.72 juta) dengan 98 peratus daripada 3,747 keluarga akan menerimanya menerusi akaun bank masing-masing.

Selebihnya bagi mereka yang belum membuka akaun bank jelas Yang Berhormat akan menerimanya menerusi amil-amil yang dilantik atau langsung dari Jabatan Majlis Ugama Islam mulai hari ini.

Yang Berhormat berkata demikian pada Majlis Ramah Mesra Bersama Dengan Penerima-penerima Agihan Zakat berlangsung pagi tadi di Dewan Utama Jame' Asr' Hassani

Bolkiah di sini.

Menurut Yang Berhormat, mereka itu sebahagiannya benar-benar da'if tidak berupaya untuk mendapatkan mata pencarian dan bergantung kepada bantuan-bantuan dan sebahagiannya dan tidak berkecukupan untuk menampung perbelanjaan harian makan dan minum serta keperluan-keperluan seperti persekolahan anak-anak, perumahan, selain pakaian yang selayaknya.

Tugas berat Majlis Ugama Islam ujar Yang Berhormat ialah untuk memastikan wang zakat diagihkan kepada asnafnya yang berhak, sebab itulah kajian dan pertimbangan yang teliti dibuat ke atas setiap permohonan untuk mendapatkannya.

Dalam proses itu tambah Yang Berhormat, terdapat penerima-penerima dalam senarai asnaf fakir miskin pada tahun 2006 yang sudah tidak layak dikategorikan sebagai fakir dan miskin atau sebilangan anggota keluarga mereka digugurkan dari senarai kerana sudah mempunyai mata pencarian dan sum-pamanya.

Delegasi YADIM lawat Pusat Da'wah Islamiah



ROMBONGAN Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan pegawai-pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Ugama yang menghadiri sesi taklimat di dewan Pusat Da'wah Islamiah.

PULAIE, Selasa, 25 September. - Sebelas delegasi daripada Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) diketuai oleh Yang Dipertua YADIM, Yang Berbahagia Datuk Haji

Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad berkunjung ke Pusat Da'wah Islamiah (PDI) Kampong Pulaie.

Mengalukan kunjungan rombongan berkenaan Pemangku Pengarah PDI

Dayang Hajah Hasnah binti Haji Omar serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Negara Brunei Darussalam.

Semasa kunjungan itu rombongan diberikan takli-

Oleh :
Norliah Md. Zain
Foto :
Pg. Haji Bahar
Pg. Haji Omar

mat oleh Pemangku Penolong Pengarah PDI, Awang Haji Mohammad bin Garing yang menyentuh mengenai visi, misi, fungsi dan pentadbiran KHEU serta perkembangan agama Islam di Negara Brunei Darussalam.

Rombongan juga di bawa melihat bilik pameran PDI di mana rombongan berkesempatan melihat pelbagai koleksi yang tersimpan di dalam bilik pameran tersebut antaranya beberapa kitab Al-Qur'an dan Kiswah Pintu Kaabah Tahun 1408H / 1987M yang dihidiahkan oleh Raja Arab Saudi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Selain itu mereka juga berpeluang melihat secara lebih dekat lagi bahan-bahan tegahan dan larangan yang menyalahi ajaran dan syariat agama Islam.

Terdahulu, pada hari kedua lawatan, rombongan telah mengadakan kunjungan hormat kepada Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin.

Hadir sama Setiausaha Tetap KHEU Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman dan Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Dato Paduka Awang Haji Ishaq.

Pada sebelah tengah hari rombongan dibawa melawat dan meninjau rumah-rumah bantuan yang telah dihulurkan kepada saudara-saudara baru di Kampong Bebuloh dan seterusnya beramah mesra dengan

saudara-saudara baru di Rumah Kegiatan Ugama Kampong Bebuloh.

Bagi menyemarakkan bulan Ramadan rombongan YADIM juga berpeluang bertadarus bersama rombongan KHEU di Masjid Kampong Pulaie pada sebelah petangnya.

Rombongan YADIM tiba di negara ini pada 24 September dan akan meninggalkan Negara Brunei Darussalam pada 27 September 2007.

YADIM yang ditubuhkan pada 25 Januari 1974 oleh Perdana Menteri kedua Malaysia, Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussein adalah sebuah badan amanah yang didaftarkan di bawah Trust Incorporation Ordinance 1952 yang bertanggungjawab secara langsung kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

Tujuan lawatan tersebut adalah untuk bertukar-tukar fikiran dan mewujudkan satu ikatan serta kefahaman antara kedua-dua pihak, di samping ingin merapatkan jurang dan menggabungkan buah fikiran serta membantu usaha-usaha menyebarkan dakwah Islamiah di era globalisasi ini.

YADIM ditubuhkan berasaskan kepada keperluan masyarakat Islam bagi menyelaras dan menyatukan badan-badan dakwah yang ada agar dapat meningkatkan kefahaman Islam supaya masyarakat Islam di Malaysia memainkan peranan aktif dalam proses kemajuan.

YADIM juga telah diberi kuasa di bawah 'Ordinance Trustee' untuk memperkembangkan agama Islam bagi tujuan kerja-kerja pendidikan, sosial dan kebajikan di kalangan orang-orang Islam.

TINJAUAN

Brunei unggul dan bahagia dengan sistem pemerintah beraja

SISTEM pemerintahan beraja yang kita amalkan selama ini yang telah berjalan sekian lama membuktikan adalah kukuh dan malahan berjaya membawa kebajikan kepada rakyat dan negara.

Ianya adalah cukup memberikan jaminan dan keyakinan bahawa sistem pemerintahan beraja yang telah kita warisi dan pelihara berjaya menciptakan kebahagiaan dan keunggulan untuk Negara Brunei Darussalam.

Bagi kita hubungan raja dengan rakyat bukanlah semata-mata berasaskan tradisi antara yang memerintah dengan yang diperintah, tetapi dijalin oleh tanggungjawab secara timbal balik, dalam sama-sama menunaikan amanah Allah Subhanahu Wata'ala menurut batas-batas yang diredai-Nya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menitahkan semasa sambutan Jubli Perak Baginda Menaiki Takhta pada 5 Oktober 1992, "sejarah bangsa dan negara yang panjang telah menjadikan kita suatu bangsa yang gigih lagi berupaya iaitu berupaya bagaimana hendak mengharungi masa depan kita dengan mengutamakan perpaduan di antara raja dan rakyat. Dengan cara inilah, kita telah dapat membawa negara kita mencapai matlamat-matlamatnya dengan lancar dan selamat, dengan tiada perlu melalui rintangan-rintangan besar. Sekiranya pun terdapat sebarang masalah, semuanya itu dapat kita urus dan selesaikan berdasarkan semangat muafakat dan persefahaman yang ikhlas."

BERWAWASAN

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong ketika di temu bual, dalam tempoh 40 tahun, dunia telah mengalami pelbagai perubahan politik, ekonomi, sosial serta menghadapi ancaman keselamatan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah dapat membawa Negara Brunei Darussalam, rakyat dan penduduknya menikmati keamanan dan kesejahteraan yang berterusan, yang menjadi landasan untuk pembangunan negara.

KDYMM adalah seorang pemimpin yang bijaksana, berwawasan dan karismatik. Dengan kebijaksanaan baginda, kerajaan baginda telah dapat menyediakan dasar-dasar kerajaan untuk membangun dan memajukan semua sektor bagi perkembangan agama, ekonomi, politik, sosial, kewangan, kebudayaan dan kesihatan.

Menurut Yang Berhormat, baginda memberikan perhatian berat kepada dasar pendidikan yang menjadi asas menjana pertumbuhan tenaga manusia yang diperlukan untuk kemajuan / pembangunan negara. Dasar tersebut dapat menyediakan prasarana pendidikan yang lebih kukuh dan mantap serta berdaya saing dan



"KITA sebagai rakyat negara ini hendaklah bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah dikurniakan seorang ulilamri yang bijaksana menerajui negara" Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman.



DATIN Dayang Hajah Fatimah bin Dato Seri Setia Haji Abang Razali, Yang Di-Pertua Majlis Wanita berpendapat kepimpinan baginda membawa negara ini membawa berkat, sehingga negara kita berada dalam aman, makmur dan sejahtera.



"BAGINDA sentiasa mengutamakan kebajikan, keharmonian dan kesejahteraan hidup bernegara dan bermasyarakat," Dayang Hajah Noriah binti Haji Nordin.

pemerintahan yang paling lama, apa keistimewaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sepanjang menaiki pemerintahan 40 tahun menaiki takhta.

Menurut Yang Berhormat, seorang pemimpin negara yang mendukung amanah sebagai ulilamri yang bertanggungjawab kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan prihatin kepada kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

'MEMBENTUK GENERASI BERAKHLAK'

Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Pengiran Haji Muhammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman berpendapat Negara Brunei Darussalam bertasib baik kerana selepas Al-Marhum Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, teraju pemerintahan berada di tangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang kasihanku rakyat dan berpegang teguh kepada ajaran Islam.

Baginda telah menerus-

kan usaha-usaha yang diterokai oleh ayahanda baginda bahkan lebih kuat lagi menekankan pembangunan pendidikan di negara ini bagi menjana pelbagai ilmu pengetahuan dengan terdirinya pusat-pusat pengajian tinggi seperti Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sharif Ali (UNISSA), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB), Institut Teknologi Brunei, maktab jururawat, maktab teknik dan sebagainya. Demikian juga pendidikan yang berkembang dari semasa ke semasa diusahakan oleh pihak swasta.

"Saya ingin menarik perhatian bahawa hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menubuhkan sebuah pengajian tinggi, atau sebuah universiti Islam tulen untuk membentuk generasi berilmu dan berakhlak. Ini kerana sebagai sebuah negara Islam, yang mana ajaran Islam telah bertapak lebih 500 tahun, sistem kesultanan Brunei ditegakkan oleh ajaran Islam tersebut, akidah Ahli-Sunnah Waljamaah

"BAGINDA seorang pemimpin negara yang mendukung amanah sebagai ulilamri yang bertanggungjawab kepada Allah Subhanahu Wata'ala," Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.



"BAGINDA telah meneruskan usaha-usaha yang diterokai oleh ayahanda baginda bahkan lebih kuat lagi menekankan pembangunan pendidikan di pelbagai ilmu pengetahuan dengan terdirinya pusat-pusat pengajian tinggi," Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Muhammad bin Pg. Haji Abdul Rahman.

dan Mazhab Syafi'e diikuti yang membawa kepada perpaduan dan ke-taatan kepada agama dan raja. Maka universiti demikian yang mengajarkan ilmu duniawi dan ukhrawi berlandaskan Al-Qur'an dan As-Sunnah amatlah bertepatan," jelas Timbalan Menteri Pendidikan.

Timbalan Menteri Pendidikan juga memetik titah baginda tentang pentingnya pendidikan:

"Beta melihat satu jalan keluar, malah satu harapan hanyalah pada pendidikan jua. Pendidikan sahajalah yang mampu menguasai semua ini. Pendidikan merupakan alat terancang untuk mengatasi unsur-unsur yang kritikal dalam masyarakat. Di sinilah sumbangan pendidikan itu terhadap pembinaan insan dan kemajuan negara. Belum ada sukut-sukat yang boleh digunakan untuk mengukur sumbangan tersebut. Tetapi apa yang ada ialah, setiap kejayaan di dalam pembangunan adalah berpunca dari sumber tenaga manusia dan tenaga manusia pula adalah dibentuk oleh pendidikan dan latihan."

BERDAULAT

Ketika diajukan apakah pandangan mengenai kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerajui negara selama 40 tahun, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berkata baginda adalah pemimpin yang adil dan prihatin adalah rezeki bagi rakyat. Ianya adalah satu anugerah dari Allah Subhanahu Wata'ala kepada sesebuah negara.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa Kebawah DYMM adalah seorang pemimpin yang adil dan saksama, berwibawa, prihatin dan digalati serta dihormati sama ada di negara ini dan juga di luar negara. Kita sebagai rakyat negara ini hendaklah bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah dikurniakan seorang ulilamri yang bijak-

sana menerajui negara yang kita cintai ini ke arah kemakmuran, kesejahteraan dan keredaan Allah. Sebagai rakyat adalah menjadi tugas kita untuk sama-sama menani kurnia ini dengan penuh tanggungjawab.

Awang Haji Abdul Rahman menegaskan ciri-ciri kepimpinan baginda yang amat mementingkan hal ehwal rakyat dan masa depan negara telah memaut hati rakyat untuk lebih taat dan setia kepada baginda sebagai pemimpin yang adil dan berdaulat. Baginda menampakkan keprihatinan yang kuat terhadap nasib rakyat baginda termasuk golongan yang kurang bernasib baik, orang-orang tua, orang-orang miskin dan sebagainya.

Selain daripada meninjau sendiri bagaimana rakyat baginda hidup, tugasnya, baginda telah berangkat memastikan agensi-agensi kerajaan baginda benar-benar melaksanakan apa yang baginda hasratkan bagi memperbaiki tahap kehidupan rakyat. Dalam hubungan ini, adalah wajib bagi setiap agensi kerajaan baginda dan pegawai-pegawai serta kakitangan kerajaan untuk melaksanakan hasrat baginda tersebut dengan penuh tanggungjawab kerana mereka telah diamanahkan untuk berbuat demikian. Kepincangan pelaksanaan dan penyelenggaraan sesuatu program akan menjejaskan keberkesanan atau maksud yang baginda hasratkan.

Bagi Datin Hajah Fatimah Dato Seri Setia Haji Abang Razali, Yang Dipertua Majlis Wanita berpendapat kepimpinan baginda membawa negara ini membawa berkat, sehingga negara kita berada dalam aman, makmur dan sejahtera.

Semenjak baginda menaiki takhta pada tahun 1967, negara sudah mengalami perubahan yang banyak dari hasil usaha baginda dalam menaikkan taraf negara mampu bersaing dengan negara-negara lain di dunia ini yang membangun dan

maju. Bila kita lihat dalam perkembangan agama, negara kita cukup dikenali sebagai sebuah negara Islam yang aman damai dan mempunyai kestabilan politik serta ekonomi yang kukuh dan mantap, menarik hati negara-negara luar lain di dunia ini yang membangun dan maju.

Di samping itu, Dayang Hajah Noriah binti Nordin, ahli PERTIWI berkata, baginda sentiasa mengutamakan kebajikan, keharmonian dan kesejahteraan hidup bernegara dan bermasyarakat. Usaha dan kegigihan baginda membawa negara ini dikenali dan dihormati di mata dunia yang disertai dengan keperibadian mulia dan sifat penyayang terhadap kebajikan dan masalah rakyat.

Secara kesimpulannya, penulis tertarik dengan kertas kerja bertajuk 'Kedaulatan Raja Terpelihara dengan Islam' oleh Mufti Kerajaan Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz, sokongan rakyat merupakan sumbangan besar terhadap memartabatkan kedaulatan raja selari dengan tuntutan Islam. Sokongan mereka boleh menerusi pelbagai cara termasuk ketaatn dalam pelbagai bentuk dan juga doa.

Berdoa untuk diri sendiri, untuk raja, untuk pemimpin Islam dan kaum muslimin sejagat adalah amalan tradisi bagi masyarakat Islam di negara ini. Amalan ini berlaku dalam Khutbah Jumaat, selepas Sembahyang Fardu Jumaat, penutup Majlis-majlis Dikir, majlis perjumpaan rasmi dan tidak rasmi, majlis-majlis ilmu dan sebagainya. Amalan seperti ini merupakan identiti berhaga bagi negara ini. Inilah keunikan kita bagi Brunei dibandingkan ada sesetengah negeri di luar pada masa tertentu sahaja. Kita patut pertahankan sampai bila-bila masa sahaja kerana ia selari dengan tuntutan agama.

Tragedi kebakaran memusnahkan sebuah rumah



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan ketika ditemu ramah oleh para wartawan tempatan mengenai dengan kejadian tersebut.



PASUKAN Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat bertungkus lumus memadamkan kebakaran rumah Awang Haji Rendah bin Dollah dari Kampong Peramu.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Oktober. - Sebuah rumah di Kampong Peramu, kepunyaan Awang Haji Rendah bin Dollah telah ranap dalam satu kebakaran, manakala sebuah lagi rumah berdekatan dengannya mengalami kerosakan.

Bagaimanapun, dalam tragedi tersebut tidak terdapat sebarang kemalangan atau kecederaan kepada para penghuni rumah tersebut.

Menurut salah seorang penghuni rumah, yang juga isteri kepada Awang Haji Rendah, Dayang Hajah Adi binti Md. Daud, beliau menyedari kebakaran dalam rumah tersebut selepas diberitahu oleh salah seorang jirannya yang menjerit dari luar.

"Apabila saya mendengar jeritan itu, saya meluru ke dalam dan melihat api sudah membakar bahagian atas sinta rumah dan saya pun bergegas keluar tanpa membawa barang-barang yang terdapat di dalam rumah," ulasnya ketika ditemui selepas kejadian tersebut.

Beliau menjelaskan musibah yang mereka alami ini merupakan yang ketiga kali dalam sejarah kebakaran di Kampong Ayer.

"Sebenarnya kebakaran rumah ini sudah kami alami sebanyak tiga kali iaitu kali pertama semasa kami tinggal di Kampong Setia Pahlawan, selepas itu kebakaran kedua di Kampong Peramu dan kali ke-

Oleh : Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

tiga ini juga di Kampong Peramu ini juga," terangnya.

Sementara itu, pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat yang mendapat panggilan pada jam 8.32 pagi memberitahu mereka berjaya mengawal kebakaran tersebut dalam masa 12 minit yang diketuai oleh Pemangku Penguasa Kanan, Haji Mohammad bin Sulaiman.

Pasukan bomba bertungkus lumus mengawal api dengan lima buah bot dari cawangan-cawangan pasukan tersebut di Kampong Sungai Lampai, Kampong Sungai Kebun dan Pelancaran di Kampong Sumbiling.

Berada di tempat kebakaran itu bagi menyatakan rasa simpati di atas kejadian tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan.

Ekoran daripada tragedi itu, Yang Berhormat mengingatkan orang ramai supaya sentiasa berwaspada dan memastikan setiap perkara dalam keadaan selamat dan tidak membahayakan terutama tenaga elektrik.

"Diharapkan semua rakyat dan penduduk di negara ini akan sentiasa tidak cuai dan memastikan apa-apa jua yang boleh

tabung Daerah Brunei dan Muara sebanyak \$500.00 bagi keperluan serta-merta yang bersesuaian, di samping itu derma kilat juga dihulurkan oleh pihak individu kepada mangsa yang terlibat. Kita merasa sedih dengan musibah ini apatah lagi kita akan merayakan hari raya dan mangsa kebakaran akan dapat bersabar menerima musibah ini."

Juga berada di tempat kejadian ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Adnan dan Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Yussop.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan menyampaikan derma dari Tabung Daerah Brunei dan Muara kepada Awang Haji Rendah bin Dollah.

KESIHATAN

CBT kaedah rawatan psychological

RIMBA, Sabtu, 8 September. - Cognitive Behavioural Therapy (CBT) atau Terapi Tingkahlaku Kognitif adalah satu kaedah yang digunakan yang berunsurkan rawatan 'psychological' untuk mereka yang mengalami masalah kesihatan mental dan keadaan yang berhubung kait dengannya.

Kaedah yang menumpukan penerokaan perasaan yang mendalam ini mula diperkenalkan lebih tiga dekad yang lalu.

Pemangku Pengarah Perkhidmatan Kejururawatan, Dr. Haji Abdul Hamit bin Haji Musa berkata sedemikian semasa Majlis Perasmian Bengkel CBT di Dewan Pencapaian, Institut Perkhidmatan Awam, di sini.

Katanya lagi, tujuan utama CBT adalah untuk mencapai keupayaan seorang individu ke satu tahap di mana ia boleh berdiri dan membuat secara sendiri dalam mencari jalan atau cara untuk mengatasi masalah yang dihadapinya di tahap yang lebih baik dan perasaan ceria.

Peranan utama yang dimainkan oleh para profesional kesihatan dalam melaksanakan CBT adalah dengan sedaya upaya yang boleh untuk memahami pengalaman

Oleh : Maslina Awang Kurus

yang dirasai dari perspekif pesakit tertentu.

Tujuan bengkel ini adalah bagi meningkatkan pengetahuan khususnya kakitangan kejururawatan di bawah Jabatan Psikiatrik dalam kaedah penyampaian penjagaan dan perawatan pesakit yang mengalami masalah psikiatrik.

Selain itu, untuk memberikan pendedahan kepada para peserta kepada teknik asas 'Terapi Tingkahlaku Kognitif' (CBT) agar mereka mempunyai kemahiran asas untuk menjalankan terapi ini bagi pesakit-pesakit yang terpilih yang akan dirujuk kepada mereka oleh para doktor Psikiatrik.

Ianya juga mengetengahkan cara menyelami pemikiran seorang individu bagi memahami punca dan masalah yang merangkumi kejadian dan emosi seseorang yang mengalami masalah.

Penggunaan CBT akan dapat membantu seorang individu untuk mengatasi kebuntuan dan kekusutan pusingan perubahan pemikiran, emosi dan kelakuan.

Penarikan balik ubat gigi yang mengandungi Diethylene Glycol

BANDAR SERI BEGAWAN, Oktober. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa ubat gigi yang mengandungi Diethylene Glycol telah ditarik balik di Amerika Syarikat (USA) dan Singapura.

Berikutan laporan daripada 'Food and Drug Administration (FDA)' di Amerika Syarikat, ubat gigi dari China telah ditarik balik dari pasaran kerana didapati mengandungi Diethylene Glycol. Ubat gigi tersebut adalah seperti berikut:

1. Cooldent Flouride
2. Cooldent Spearmint
3. Cooldent ICE
4. Dr. Cool
5. Everfresh Toothpaste
6. Superdent Toothpaste
7. Clean Rite Toothpaste
8. Oral Max Extreme
9. Orang Bright Fresh Spearmint Flavour
10. Bright Max Peppermint Flavour
11. ShiR Fresh Mint Flouride Paste
12. DentaPro
13. DentaKleen
14. DentaKleen Junior

Singapura, juga telah menarik balik dari pasaran ubat gigi yang tersenarai di bawah kerana didapati mengandungi Diethylene Glycol:

1. Hei Mei Toothpaste
2. Hei Mei Calcium Toothpaste
3. Maxam Toothpaste with Fluoride

Pada masa ini Kementerian Kesihatan tidak menerima sebarang laporan mengenai keracunan ubat gigi yang mengandungi Diethylene Glycol, tetapi pendedahan yang berpanjangan adalah menjadi risiko kepada kanak-kanak dan individu yang mempunyai penyakit hati dan buah pinggang.

Walaupun ubat gigi sememangnya bukan dimakan, Kementerian Kesihatan mengambil berat tentang pengguna-pengguna yang tertelan ubat gigi yang mengandungi Diethylene Glycol. Beberapa tahun kebelakangan, kematian dan kecederaan pesakit telah dilaporkan di negara-negara lain yang disebabkan oleh memakan ubat batuk yang dicemari oleh Diethylene Glycol.

Kementerian Kesihatan melalui Unit Penguatkuasa Farmasi, Jabatan Perkhidmatan Farmasi telah menjalankan pemeriksaan dan mendapati ubat gigi Maxam (Maxam Toothpaste) di bawah yang mengandungi Diethylene Glycol, ada dijual di pasaran:

1. Maxam Toothpaste with Fluoride
2. Maxam Triple Action

Bagi memastikan keselamatan orang ramai, Kementerian Kesihatan telah menasihatkan pengimport-pengimport supaya menarik balik ubat gigi yang tersenarai di atas dari pasaran dan menasihatkan pengguna supaya tidak menggunakan ubat gigi tersebut hingga pemberitahuan lanjut.



40 Tahun Menaiki Takhta

Majlis Kesyukuran dan Doa Selamat

Oleh :
Bolhassan Haji Abu Bakar
 bolhassan.abubakar@information.gov.bn
Abdullah Asgar
 abdullah.asgar@information.gov.bn
 Foto :
Haji Mohd. Yusof
Mohd. Yassin,
Masri Osman,
Mohd. Zul-Izzi
Haji Duraman,
Hatral Hazmi
Abdul Hamid



YANG Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet (baris depan) berangkat hadir.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Oktober. - Majlis Kesyukuran dan Doa Selamat Sempena 40 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta berlangsung di masjid-masjid utama, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara dengan tumpuan utama di Masjid Omar 'Ali Saifuddin dan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Di Masjid Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara, ribuan umat Islam menghadiri majlis berkenaan dengan didahului Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Ketua Hakim Syar'ie, Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, sementara Sembahyang Sunat Tarawih dan Witir Berjemaah telah diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohd. Sujairi bin Haji Dullah.

Bacaan Surah Yaa Siin telah dipimpin oleh Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin, manakala Doa Kesyukuran Khas telah dibacakan oleh Yang



YANG Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal mengimamkan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.



PEMANGKU Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin memimpin bacaan Surah Yaa Siin.

Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Di Daerah Tutong majlis berkenaan diadakan dengan penumpuan utama di Masjid Hassanal Bolkiah, Daerah Belait diadakan di Masjid Muhammad Jamalul Alam dan Daerah Temburong di Masjid Utama Mohammad Salleh.

Majlis tersebut adalah sebagai tanda kesyukuran rakyat dan penduduk kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas genapnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai raja yang dicintai sepanjang empat dekad meneraju kemajuan dan perkembangan negara ini.



RIBUAN jemaah dari semua peringkat usia hadir ke Majlis Kesyukuran dan Doa Selamat Sempena 40 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.





40 Tahun Menaiki Takhta

Doa Selamat dan Kesyukuran Khas

Oleh :
Abu Bakar bin Haji Abdul Rahman
 abubakar.rahman@information.gov.bn

Foto :
Halim Haji Sulaiman,
Masri Osman,
Pg. Rafee bin Pg. Dato Paduka
Haji Metassim

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 5 Oktober. - Hari ini merupakan suatu detik bersejarah bagi negara ini kerana genapnya 40 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta sekali gus ditabalkan menjadi sultan yang ke-29 bagi Negara Brunei Darussalam.

Antara fadilat orang yang membaca Surah Al-Kahfi ini menurut beberapa riwayat adalah baginya cahaya pada Hari Kiamat daripada tempat ia duduk hingga sampai ke Mekah dan barangsiapa yang membaca sepuluh ayat daripada akhirnya kemudian ke-

luar dajal tiadalah ia boleh di kuasai oleh dajal.

Selepas itu majlis diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat Khas dan Doa yang dipimpin oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syaria'h, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim.

Sementara Doa Kesyukuran Khas sempena pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ini di pimpin oleh Yang Dimulikan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Manakala Khutbah Jumaat dan Sembahyang Fardu

Jumaat di pimpin oleh Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya.

Para jemaah yang awal datang bagi majlis ini telah di hadiah satu Mushaf Al-Wathiq Billah sempena dengan 40 tahun baginda menaiki takhta.

Manakala majlis yang diadakan ini adalah sebagai tanda kesyukuran rakyat dan penduduk kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas genapnya baginda sebagai raja yang dicintai sepanjang empat dekad menerajui kemajuan dan perkembangan negara ini.

Antara kemajuan dan detik sejarah yang tidak dapat

dilupakan oleh rakyat dan penduduk negara ini ialah di bawah kepimpinan baginda negara telah mencapai kemerdekaan, di samping banyak lagi kejayaan-kejayaan cemerlang sehinggakan baginda ini menjadi seorang raja yang sangat di kasih oleh seluruh lapisan rakyat.

Majlis tersebut diselenggara oleh Jawatankuasa Penyelenggara Majlis Kesyukuran dan Doa Selamat Sempena 40 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.



KHUTBAH Jumaat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya.



SEMBAHYANG Sunat Hajat Khas dan Doa yang dipimpin oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syaria'h, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim.



PARA jemaah sama-sama memohon doa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala sempena Majlis 40 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.



PARA jemaah dari pelbagai generasi membaca Surah Al-Kahfi.



SEBAHAGIAN dari para jemaah perempuan yang hadir.



DOA Selamat dan Kesyukuran Khas yang ditumpukan di Masjid Jame 'Asr.

RENCANA

Banyakkan budaya bersedekah

PUASA menurut pengertiannya yang luas bukan sekadar menahan diri daripada lapar dan dahaga tetapi lebih jauh, ibadah puasa menghendaki sebuah pengorbanan yang besar di mana kita seluruh umat Islam disaran supaya mempertingkatkan segala amalan kebajikan di samping menjauhkan diri daripada melakukan perbuatan mungkar serta dosa.

Berlapar dan dahaga pada bulan Ramadan memberi kesedaran betapa beratnya menanggung lapar dan dahaga yang terpaksa dihadapi oleh golongan miskin dan fakir yang serba kekurangan serta kesempitan dalam kehidupan.

Justeru dari itu, hurlurkan tangan dengan bersedekah, ringankan beban, kepada mereka-mereka yang memerlukan dalam apa pun bentuk yang bersesuaian, kerana amalan bersedekah itu sentiasa mendapat perhatian Allah Subhanahu Wata'ala yang memberikan rezeki kepada sesiapa yang dikehendakinya, sebagaimana firman-Nya dalam Surah Saba'

ayat 39, yang kira-kira tafsirnya: "Dan barang apa sahaja yang kamu nafkahkan maka Allah Subhanahu Wata'ala akan menggantikannya dan Dialah pemberi rezeki yang sebaik-baiknya."

Oleh itu di bulan yang mulia ini, rebutlah peluang dengan amalan bersedekah, khususnya kepada mereka yang memerlukan kerana ia bukan sahaja dapat meringankan beban yang dipikul, malahan dapat memberikan kebahagiaan dan kegembiraan di hati mereka.

AMALAN SEDEKAH WUJUDKAN KASIH SAYANG

Walaupun amalan bersedekah satu amalan sunat yang disarankan oleh agama Islam, ianya juga mampu memperkukuhkan dan mengeratkan hubungan silaturahim sesama umat Islam yang lain.

Amalan bersedekah adalah amalan yang mulia yang dianjurkan oleh agama Islam, di mana sedekah itu tidak kira kecil atau besar, banyak atau sedikit, murah atau mahal dan amalan ini dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala akan ganjaran yang besar dan berlipat ganda.

Sepertimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 245, tafsirnya: "Siapakah orangnya yang mahu memberikan pinjaman kepada Allah Subhanahu Wata'ala sebagai pinjaman yang baik yakni ikhlas supaya Allah melipatgandakan balasan-Nya dengan berganda-ganda banyaknya? Dan ingatlah, Allah jualah yang menyempit dan yang meluaskan pemberian rezeki dan kepada Allah kamu semua kembali."

Apa yang penting dalam amalan bersedekah itu ialah keikhlasan, kejujuran dan niat yang baik kerana Allah Subhanahu Wata'ala dan tanpa ada menaruh sebarang niat yang kurang baik dan mengharapkan balasan daripada yang diberikan sedekah, malahan mengharapkan pahala yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala yang berlipat ganda dalam bulan Ramadan Al-Mubarak ini.

PELBAGAI BENTUK SEDEKAH

Seperti yang ditekankan dalam Khutbah Jumaat yang lalu yang antara lain menjelaskan bahawa sesungguhnya makna amalan sedekah itu sangatlah luas, ia tidak hanya terbatas pemberian dalam bentuk material sahaja, malahan juga sumbangan melalui tenaga, nasihat, teguran bahkan bertasbih, bertahmid dan bertakbir juga termasuk sebagai sedekah.

Dalam khutbah itu menambah, melihat kepada luasnya skop sedekah, maka boleh dikatakan tiada seseorangpun yang tidak mempunyai kesempatan untuk bersedekah dan setiap orang hendaklah bersedekah menurut kelebihan yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Umpamanya orang kaya bersedekah dengan harta bendanya, para ilmuwan bersedekah dengan ilmunya, bahkan orang-orang yang fakir juga boleh bersedekah, sama ada dengan tenaga mahupun dengan mengucapkan tas-



GAMBAR HIASAN ... Amalan memperbanyakkan bersedekah di bulan Ramadan memang digalakkan oleh Islam.

bih, tahmid, takbir dan tahlil.

Selain bersedekah Islam juga menggalakkan umatnya memberi bantuan dan pertolongan kepada orang yang memerlukan sama ada dari segi harta benda, kewangan, makanan dan sebagainya.

MENOLAK BALA

Amalan bersedekah ianya boleh menambahkan rezeki, panjang umur dan dapat menolak bala. Perkara ini dijelaskan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Abdul Malik, di Majlis Pelancaran Pengagihan Buah Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam yang baru lalu.

Yang Teramat Mulia seterusnya berkata sedekah adalah amalan yang mulia, lebih-lebih lagi apabila sedekah itu dilakukan dalam bulan Ramadan yang kita sedang jalani ini. Dengan memperbanyakkan amalan bersedekah ianya boleh menambahkan rezeki, panjang umur dan dapat menolak bala.

Selain bersedekah tambah YTM, Islam juga menggalakkan umatnya memberi bantuan dan pertolongan kepada orang yang memerlukan sama ada dari segi harta benda, kewangan, makanan dan sebagainya.

"Dengan memberi bantuan ianya dapat mengelakkan kita daripada mementingkan diri sendiri dan sebaliknya mengeratkan persaudaran dalam Islam, menghulurkan bantuan tidaklah terbatas kepada harta benda atau wang ringgit semata-mata," sabda YTM.

RASULULLAH SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM SEBAGAI CONTOH

Baginda adalah seorang yang sangat pemurah. Siapapun yang datang berjumpa baginda untuk meminta pertolongan nescaya Baginda akan membantunya, Baginda tidak akan mengatakan tidak. Adakala Baginda mendapat hadiah dari seorang, kemudian hadiah itu diberikannya pula kepada orang yang lebih memerlukan. Ibnu Abbas Radiallahuanhuma berkata:

"Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam itu adalah manusia yang paling

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim

ahmad.salim@information.gov.bn

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

pemurah dalam kebaikan dan lebih pemurah lagi dalam bulan Ramadan."

KURMA SEDEKAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

Sempena dengan kedatangan bulan Ramadan pada tahun ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan buah kurma peribadi baginda kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di negara ini.

Pengurniaan kurma peribadi yang telah diadakan setiap tahun, memperlihatkan betapa baginda begitu prihatin akan keberkatan bersedekah, tambahan lagi di bulan Ramadan ini.

Buah kurma yang dikurniakan atau disedekahkan oleh baginda ini adalah bertepatan dan bersesuaian dalam umat Islam negara ini menyambut kedatangan Ramadan. Kerana umat Islam digalakkan untuk membuka puasa dengan memakan apa pun jenis kurma kerana buah kurma mempunyai khasiat dan kemanisan yang asli bagi memberikan tenaga kepada tubuh badan mereka yang berpuasa dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengamalkan membuka puasa dengan kurma.

Kita selaku rakyat dan penduduk yang beragama Islam di negara ini merasa syukur di atas pengurniaan baginda itu dan menjunjung kasih atas pengurniaan yang diberikan itu apabila menjelang bulan Ramadan setiap tahun.

BUAH KURMA MENGURANGKAN PENYAKIT

Menurut satu fakta kajian yang dikeluarkan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) menunjukkan amalan memakan buah kurma boleh mengurangkan risiko seseorang itu daripada serangan penyakit kronik seperti jantung dan kencing manis.

Ini kerana di dalam buah kurma itu sendiri mengandungi zat galian utama seperti potassium, kalsium dan zat besi yang secara amnya boleh menyihatkan sel darah merah tubuh badan manusia.

KESIMPULAN

Bulan Ramadan hanya datang dan berada dalam kalendar setahun sekali iaitu di bulan Ramadan. Justeru itu rebutlah peluang dibulan yang penuh keberkahan ini dengan penuh rasa syukur dan insaf dengan memperbanyakkan amalan kebajikan dan amalan ibadat umpamanya banyakkan bersedekah kerana bersedekah terlalu banyak kebajikannya dan pahala dilipatgandakan di bulan Ramadan daripada bulan lain.

Sentuhan kasih Ramadan ABDB

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar

bolhassan.abubakar@information.gov.bn

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi, (kiri) dan Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili (kanan) menyempurnakan penyampaian sumbangan berupa wang tunai dan minuman kepada anak-anak yatim.

BERAKAS, Jumaat, 28 September. - Seramai 115 anak yatim berumur 18 tahun ke bawah hari ini



diraikan dalam Majlis Sentuhan Kasih Ramadan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang

berlangsung di Surau Berakas Garrison hari ini.

Majlis berkenaan merupakan penyampaian sumbangan derma kepada anak yatim sebagai tanda kasih, ingatan dan jasa bakti serta sumbangan ibu bapa mereka ketika berkhidmat dengan ABDB.

Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi dan isteri, Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan berupa wang tunai dan minuman yang disalurkan melalui

Tabung Kebajikan ABDB, kutipan derma daripada anggota ABDB dan anggota Badan Kebajikan Isteri-isteri Pegawai ABDB (BAKTI).

Dalam ucapan alu-aluannya, Leftenan Kolonel Mohamad Ismaon bin Haji Zainie telah menasihatkan anak yatim supaya bersabar dan berdoa dalam menghadapi cabaran hidup dan berusaha untuk mencapai kejayaan.

Beliau yang juga selaku Pengerusi majlis seterusnya menyarankan anak-anak yatim untuk bersikap berdiskari dan berusaha ber-sungguh-sungguh supaya dapat menjadi insan yang

berilmu, bertakwa dan beriman dalam menghadapi cabaran era globalisasi.

Majlis berkebakjian itu adalah salah satu projek tahunan ABDB bagi membantu dan meraikan anak-anak yatim bekas anggota ABDB menjelang Hari Raya Aidilfitri dan merupakan komitmen berterusan yang sentiasa dipantau sepanjang tahun oleh ABDB.

Antara yang hadir di majlis itu ialah Pemerintah-pemerintah ABDB, pengarah-pengarah, para pegawai tentera ABDB, ahli-ahli BAKTI dan keluarga anak-anak yatim berkenaan.

Majlis Khatam Al-Qur'an

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis 27 September. - Majlis Khatam Al-Qur'an bagi menandakan berakhirnya pembacaan Al-Qur'an sebanyak 30 juz sepanjang bulan Ramadan tahun ini telah berlangsung di Balai Penghadapan Bukit Kayangan.

Majlis berlangsung di hadapan Yang Amat Mulia

Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid, manakala tahlil dan doa tahlil dibacakan oleh

Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya. Bacaan dikir dibawakan oleh para pegawai masjid, diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Mat Jaya yang juga membacakan doa dikir.

Doa selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka

Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid.

Hadir di majlis tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.



MAJLIS Khatam Al-Qur'an dilangsungkan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith (atas) sementara gambar bawah para pegawai masjid memperdengarkan dikir. - Foto : Masri Osman.

Kementerian Pembangunan anjur Majlis Tadarus



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah mengetuai rombongan bertadarus Kementerian Pembangunan. - Foto : Ak. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

KHEDN teruskan Majlis Tadarus



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan ketika membaca ayat-ayat suci Al-Qur'an di Majlis Bertadarus di Masjid Kampong Selangan, Mukim Amo. - Foto : Ramli Tengah.

Oleh : Abu Bakar Haji Abd. Rahman
abubakar.rahman@information.gov.bn

TEMBURONG, Jumaat, 21 September. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Bertadarus di Masjid Kampong Selangan, Mukim Amo.

Majlis Tadarus bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai dan diikuti pembacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an yang dikepalai oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan.

Sejurus setelah itu, majlis diselenggarakan dengan membaca tahlil dan doa yang dibacakan oleh imam masjid berkenaan Awang Haji Mohd. Yusof dan diikuti dengan penyampaian wakaf kepada masjid tersebut oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Antara yang menyertai rombongan KHEDN itu ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani, Setiausaha Tetap, Pegawai-pegawai Daerah dan pegawai-pegawai kanan kementerian berkenaan.

Majlis disusuli dengan Majlis Berbuka Puasa dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Selesai Sembahyang Fardu Maghrib rombongan seterusnya beredar ke Masjid Pengiran Haji Abu Bakar Kampong Bokok untuk menunaikan Sembahyang Fardu Isyak dan Sembahyang Sunat Tarawih yang dipimpin oleh imam masjid berkenaan, Awang Mahdini.

Masjid tersebut juga menerima wakaf berupa pam air dan mesin pemotong rumput.

Oleh :
Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

BERAKAS, Isnin, 1 Oktober. - Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Bertadarus Al-Qur'an di Masjid Perpindahan Lambak Kanan di sini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah diikuti surah-surah khatam dan diteruskan dengan berbuka puasa dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Hadir pada majlis itu Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah.

Juga hadir Setiausaha-setiausaha Tetap di ke-

menterian berkenaan selain pegawai-pegawai kanan, pengarah-pengarah, ahli-ahli jawatankuasa takmir masjid dan para penduduk kampung serta penduduk-penduduk sekitarnya.



Masjid Limau Manis terima rombongan Kementerian Pendidikan

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 26 September. - Menyemarakkan masjid-masjid dan memperbanyakkan membaca ayat-ayat suci Al-Qur'an memang amat digalakkan utamanya di bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini.

Sehubungan itu, satu rombongan dari Kementerian Pendidikan mengadakan Majlis Bertadarus di Masjid Kampong Limau Manis di sini.

Rombongan diketuai oleh Timbalan Menteri

Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad.

Majlis Bertadarus juga diselenggarakan dengan bacaan tahlil dan doa arwah, dipimpin oleh Imam Masjid Kampong Limau Manis, Pengiran Haji Matasin bin Pengiran Haji Kula.

Rombongan juga menyampaikan wakaf bagi keperluan masjid tersebut yang diserahkan oleh Timbalan Menteri Pendidikan kepada imam masjid berkenaan.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad mengetuai rombongan Majlis Bertadarus. - Foto : Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

Program bertadarus tingkatkan kefahaman belia



SEBAHAGIAN daripada belia menyertai program bertadarus. - Foto : Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Messim.

Oleh :
Abu Bakar
Haji Abd. Rahman
abubakar.rahman@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 September. - Program Bertadarus Al-Qur'an Bulan Ramadan Belia diteruskan dengan menumpukan perhatian di Masjid Sufri Bolkih di Kampong Perpindahan Burong Pinggai Berakas di sini.

Program ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kefahaman belia tentang kepentingan membaca dan menghayati Al-Qur'an sebagai panduan hidup, di samping mening-

katkan dan mengukuhkan persefahaman serta kerjasama di antara agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan dan terbiak belia.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai dan diikuti dengan Bertadarus Al-Qur'an yang dimulai oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad yang bermula dari juz ketujuh.

Hadir sama ke majlis ibadah itu Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal dan pega-

wai-pegawai dari kementerian berkenaan dan ahli-ahli jawatankuasa takmir masjid berkenaan.

Sejurus sebelum Majlis Berbuka Puasa dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, majlis diikuti dengan bacaan tahlil dan doa kesyukuran.

Program Bertadarus Al-Qur'an Bulan Ramadan Belia merupakan salah satu projek tahunan anjuran Jabatan Belia dan Sukan dan diperkenalkan sejak tahun 2003.

Program Bertadarus Al-Qur'an Bulan Ramadan Belia ini juga dijangka akan diteruskan ke Daerah Tutong dan Temburong dan diakhiri di rumah kediaman Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



40 TAHUN MENAIKI TAKHTA ... 40 TAHUN MEN



1. SUASANA Majlis Khatam Al-Qur'an Sempena 40 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Menaiki Takhta yang berlangsung di Istana Nurul Iman.
2. KETUA Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Dato Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid membaca doa selamat.
3. PARA jemputan yang sama-sama hadir menyerikan suasana majlis.
4. SETIAUSAHA-SETIAUSAHA Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta jemputan yang lain hadir di majlis tersebut.
5. PARA jemputan hadir di Majlis Khatam Al-Qur'an yang berlangsung di Istana Nurul Iman.
6. SEBELUM majlis bermula para jemputan diberikan buku cenderahati majlis sebagai kenangan.



MAJLIS B AL-QU SEMAR 40 TA KEBAWA MENAIKI


Oleh : Haji Ahat Haji Isr
ahat.ismail@information.g
Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.g
Foto : Haji Mohd. Yusof Mohd
Abdullah Haji Awang Damit, Ar
Mahmood Ampuan Haji Te

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat 5 Oktober. - Dalam memeriahkan sambutan sempena 40 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Menaiki Takhta, Majlis Khatam Al-Qur'an telah berlangsung di Istana Nurul Iman di ibu negara.

Majlis berlangsung di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith.

Majlis yang dihadiri oleh 5,000 orang itu juga dihadiri oleh Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis-majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran, Pehin-pehin Manteri, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan jemputan dari daerah-daerah.

Aturcar dengan bac hah, yang Berhormat Dato Padu Haji Awan Ibrahim d. bacaan sur. Serama khas di k menamatk Qur'an 30 j bacaan tig- sejak 25 Se Serama nyertai dak termasuk d rah-daerah. palai oleh Pehin-pehin dim-mudin kan Dika Alhamdulillah Badru Alair Doa Ke bacakan ole Pehin Dato Seri Setia Abdul Ham





NAIKI TAKHTA ... 40 TAHUN MENAIKI TAKHTA ...

**KHATAM
AL-QUR'AN
MELAKKAN
40 TAHUN
KEHIDUPAN
DYM
MENAIKI
TAKHTA**



7



8

- 7. YANG Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria hadir sama menyerikan majlis.
- 8. MENTERI-MENTERI Kabinet sama-sama membaca Dikir Marhaban.
- 9. PEGAWAI-PEGAWAI masjid mempersembahkan Dikir Syarafil Anam.
- 10. PARA pembaca Khatam Al-Qur'an yang terdiri dari pegawai-pegawai agama.

in, Haji

bermula Al-Faatiha oleh Yang Khatib Ustaz bin Haji dengan lazim. pembaca ora hafiz akan Al-Qur'an malam yang lalu. rang me- Berdikir wakil dae-likir dike-umuliakan dan Mu-sembawa-mualaika, Asrakal

Khas di-kerhormat to Paduka or Awang ikal.



9



10



11



12



- 11. PARA tetamu direnjis dengan wangi-wangian oleh petugas bagi memeriahkan suasana.
- 12. LAIN-LAIN jemputan sama-sama membaca Surah Ayat-ayat Lazim.
- 13. PARA jemputan dijamu dengan pelbagai hidangan sebelum majlis khatam berlangsung.
- 14. PEGAWAI-PEGAWAI kanan kerajaan sama-sama menyerikan majlis dengan membaca Dikir Syarafil Anam.



14

Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja



ROMBONGAN Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya disertai seramai kira-kira 300 orang kakitangan kementerian berkenaan diketuai oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Juga hadir di majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Awang Mat Suny bin Haji Mohd. Hussein, Setiausaha Tetap (Teknikal & Professional) Dato Paduka Awang Haji Mohd. Sald bin POKPS Dato Paduka Haji Hashim dan Setiausaha Tetap (Pentadbiran & Kewangan) Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail.

Bacaan Surah Yaa Siin, bertahlil dan kemudiannya diikuti dengan doa arwah diketuai oleh Imam Awang Haji Salleh bin Haji Sabil, Imam Masjid Kampung Tanjong Bunut.



Rombongan Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) dan kumpulan syarikatnya mengadakan Majlis Tahil dan Doa Arwah di Kubah Makam Diraja dan telah dihadiri oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah yang juga selaku Pengerusi BIBD dan kumpulan syarikatnya.

Juga hadir Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad selaku Timbalan Pengerusi BIBD beserta ahli-ahli lembaga pengarah, ahli-ahli Badan Penasihat Syariah, pegawai dan kakitangan BIBD.

Bacaan Surah Al-Faatihah disusuli dengan bacaan Surah Yaa Siin, bertahlil dan doa arwah dipimpin oleh Yang Dimulakan Pehin Khatib Haji Awang Hamidon bin Haji Abdul Hamid.



MENTERI Kewangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, mengetuai rombongan Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Kedua-dua Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Dato Paduka Awang Haji Ali bin Apong dan Dato Paduka Awang Haji Metasan bin Momin berserta Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian berkenaan, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunus juga hadir di majlis ini.

Bacaan Surah Yaa Siin dan bacaan tahlil beramal-ramal yang diketuai oleh Awang Haji Azrin bin Haji Damit, Imam Masjid Perpindahan Lambak Kanan.



16.	Lumapas: a) Kampong Lumapas 'A', b) Kampong Lumapas 'B', c) Kampong Panchor, d) Kampong Kilugus, e) Kampong Singkirap.	Awang Haji Ahmad bin Haji Mohd. Hassan (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Banin bin Haji Banang (Imam Masjid Kampong Lumapas) Awang Mohd. Azree bin Haji Asli (Bilal Masjid Kampong Lumapas)	Masjid Kampong Lumapas
17.	Kasat: a) Kampong Kasat, b) Kampong Buang Sakar.	Awang Haji Makshud bin Haji Malik (Imam Masjid Kampong Kasat) Awang Afendi bin Haji Taha (Bilal Masjid Kampong Kasat)	Masjid Kampong Kasat
18.	Putat : a) Kampong Putat, b) Kampong Baong.	Awang Haji Rungging bin Haji Malik (Imam Masjid Kampong Putat)	Masjid Kampong Putat

BAGI KAWASAN DAN MUKIM DAERAH BELAIT

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
1.	Dari Jalan Setia Pahlawan hingga Tanjong Belait.	Awang Akup bin Haji Lamat (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Haji Ibrahim bin Haji Dullah* (Imam Masjid Muhammad Jamalul Alam) Awang Ahmaddani bin Haji Abdul Rahman (Imam Masjid Muhammad Jamalul Alam)	Di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait
2.	Dari Jalan Setia Pahlawan hingga Roundabout Km. 6 Kuala Belait.	Awang Md. Aliyani bin Ismail (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Md. Alias bin Bakar (Imam Masjid RPN Kampong Pandan) Awang Haji Mohd. Zakaria bin Roseta (Bilal Masjid RPN Kampong Pandan)	Di Masjid RPN Kampong Pandan, Kuala Belait
3.	Dari Kampong Sungai Teraban hingga Sungai Tujoh, Kuala Belait.	Awang Haji Omaralli bin Haji Md. Hussin (Imam Masjid Kampong Sungai Teraban)	Di Masjid Kampong Sungai Teraban.
4.	a. Dari Anduki hingga Lorong Satu, Seria. b. Dari Lorong Enam hingga Roundabout Km. 6, Kuala Belait.	Mohd. Zulhimi bin Mohd. Jefri (Imam Masjid Pekan Seria) Awang Haji Mohd. Sophiana bin Roslee (Bilal Masjid Pekan Seria)	Di Masjid Pekan Seria.
5.	Dari Lorong Dua hingga Lorong Lima, Seria.	Awang Haji Mohd. Said bin Haji Md. Yassin (Imam Surau Lorong Tiga Selatan, Seria)	Di Surau Lorong Tiga Selatan, Seria
6.	Dari Sungai Kayu Ara hingga B.L.N.G. Lumut.	Awang Haji Ahmad Yani Zulkarnain bin Haji Mohd. Yusof (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Abu Bakar bin Haji Hassan (Pelapis Bilal Masjid Zainab)	Di Masjid Zainab Kampong Sungai Taring, Lumut
7.	Dari Sempadan Belait / Tutong hingga B.L.N.G. Lumut.	Awang Haji Ibrahim bin Haji Daud* (Imam Masjid Zainab) Awang Masri bin Haji Zunaidi* (Bilal Masjid Zainab)	Di Masjid Zainab, Lumut
8.	Mukim Bukit Sawat dan Kawasan Pedalaman 'A'.	Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Abas (Imam Masjid Al-Mashor Kampong Sungai Mau)	Di Masjid Al-Mashor, Kampong Sungai Mau, Ulu Belait
9.	Kawasan Bukit Sawat dan Kawasan Pedalaman 'B'.	Awang Ahmad bin Haji Othman (Imam Bersara)	Di Masjid Kampong Bukit Sawat, Ulu Belait
10.	Mukim Labi, Ulu Belait.	Awang Mohd. Endy bin Masri (Imam Masjid Kampong Labi) Awang Sofian bin Bidin (Bilal Masjid Kampong Labi)	Di Masjid Kampong Labi, Ulu Belait
11.	Kawasan Balai Bomba Labi / Sungai Liang / Seria dan Belait.	ASFS Pg. Rosli bin Pg. Haji Ahmad (Pegawai Bomba)	Di Surau Balai Bomba Seria
12.	Mukim Melilas, Ulu Belait.	Awang Mohd. Shahrin bin Mohd. Halim (Pemangku Imam Balai Ibadat Kampong Melilas).	Balai Ibadat, Kampong Melilas, Ulu Belait

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
13.	Mukim Sukang, Ulu Belait.	Awang Shahrizan bin Abdullah (Pemangku Imam Balai Ibadat Kampong Sukang).	Balai Ibadat, Kampong Sukang, Ulu Belait
14.	Mukim Merangking, Ulu Belait #.	Awang Haudin bin Hamdan* (Bilal Balai Ibadat Kampong Merangking)	Balai Ibadat Kampong Merangking, Ulu

BAGI KAWASAN DAN MUKIM DAERAH TUTONG

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
1.	Kawasan Masjid Hassanal Bolkiah : a. Pekan Tutong, b. Kampong Petani, c. Kampong Bukit Bendera, d. Kampong Sungai Basong, e. Kampong Sungai Besar, f. Kampong Suran, g. Kampong Panchor Dulit, h. Kampong Panchor Papan.	Awang Jaya bin Haji Yahya (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Sahibol Omar bin Haji Mohd. Yusof (Imam Masjid Hassanal Bolkiah) Awang Maksin bin Haji Moktar (Bilal Masjid Hassanal Bolkiah)	Di Masjid Hassanal Bolkiah, Tutong.
2.	Kawasan Kampong Sengkarai: a. Kampong Sengkarai, b. Kampong Serambangun.	Awang Hazrin bin Haji Hassan (Bilal Balai Ibadat Kampong Sengkarai)	Di Balai Ibadat Kampong Sengkarai.
3.	Masjid Kampong Penabai, Kuala Tutong.	Awang Mohd. Rosli bin Haji Mohd. Yusof (Imam Masjid Kampong Penabai) Awang Mohd. Shahirwandy bin Samsudin (Bilal Masjid Kampong Penabai)	Di Masjid Kampong Penabai, Kuala Tutong.
4.	Masjid Kampong Keriam, Tutong.	Awang Haji Mohd. Kartolo bin Haji Abang (Imam Masjid Kampong Keriam) Awang Khalideen bin Haji Mohd. Jamil (Bilal Masjid Kg. Keriam)	Di Masjid Kampong Keriam, Tutong.
5.	Masjid Kampong Sinaut, Tutong.	Awang Haji Masri bin Haji Mohammad (Imam Masjid Kampong Sinaut) Awang Kamarudin bin Haji Mohd. Ali (Bilal Masjid Kampong Sinaut)	Di Masjid Kampong Sinaut, Tutong.
6.	Masjid Kampong Penanjong, Tutong.	Awang Haji Mohamad Khairol Azmy bin Haji Bakar (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Sukri bin Haji Anuar (Bilal Masjid Kampong Penanjong)	Di Masjid Kampong Penanjong, Tutong.
7.	Masjid Kampong Layong, Tutong.	Pg. Su'eb bin Pg. Haji Momin* (Imam Masjid Kampong Layong) Awang Samsul bin Haji Yaakub (Bilal Masjid Kampong Layong)	Di Masjid Kampong Layong, Tutong.
8.	Masjid Kampong Kiudang, Tutong.	Awang Haji Abu Bakar bin Haji Awang Tengah (Imam Masjid Kampong Kiudang). Awang Haji Mohd. Faizul bin Haji Mohd. Azlan (Bilal Masjid Kampong Kiudang).	Di Masjid Kampong Kiudang, Tutong
9.	Kawasan Kampong Bekiau / Pengkalan Mau, Tutong.	Awang Haji Mohd. Taib bin Haji Jaluddin (Ketua Kampong Bekiau / Pengkalan Mau).	Di Rumah Amil.
10.	Masjid Kampong Kupang, Tutong.	Awang Haji Siadis bin Haji Damit (Imam Masjid Kampong Kupang). Awang Haji Julaidi bin Haji Baha (Bilal Masjid Kampong Kupang)	Di Masjid Kampong Kupang, Tutong.
11.	Masjid Kampong Penapar, Tutong.	Awang Haji Sufri bin Haji Mega (Imam Masjid Kampong Penapar). Awang Haji Norsham bin Rosli (Bilal Masjid Kampong Penapar)	Di Masjid Kampong Penapar, Tutong.
12.	Masjid Kampong Tanjong Maya, Tutong.	Awang Khairul Ariffin bin Haji Yusof (Imam Masjid Kampong Tanjong Maya) Awang Mohd. Yushasni bin Haji Mohd. Yusof (Bilal Masjid Kampong Tanjong Maya)	Di Masjid Kampong Tanjong Maya, Tutong.
13.	Masjid Kampong Telisai, Tutong.	Awang Haji Sunaidi bin Haji Kassim (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Alias bin Haji Taha (Imam Masjid Kampong Telisai).	Di Masjid Kampong Telisai, Tutong.
14.	Masjid Kampong Danau, Tutong.	Pg. Hassan bin Pg. Haji Ismail (Bilal Masjid Kampong Danau).	Di Masjid Kampong Danau, Tutong.
15.	Masjid Kampong Birau, Tutong.	Pg. Mohammad Fakhrin bin Pg. Haji Dani (Imam Masjid Kampong Birau). Awang Madzlan bin Haji Morneh* (Bilal Masjid Kampong Birau).	Di Masjid Kampong Birau, Tutong.
16.	Masjid Kampong Lamunin, Tutong.	Awang Haji Noorzalazeta bin Haji Ratu (Imam Masjid Kampong Lamunin) Awang Haji Ahmad Daud bin Mohd. Idris (Bilal Masjid Kampong Lamunin)	Di Masjid Kampong Lamunin, Tutong.
17.	Masjid RPN Kampong Bukit Beruang, Tutong.	Awang Rosmadini bin Haji Mohd. Yusof (Imam Masjid RPN Kampong Bukit Beruang) Awang Haji Bahrin Halimi bin Haji Mohd. Zain* (Bilal Masjid RPN Kampong Bukit Beruang)	Di Masjid RPN Kampong Bukit Beruang, Tutong.
18.	Masjid Kampong Menengah dan Bukit Sulang, Tutong.	Awang Haji Ali bin Haji Abdullah (Imam Masjid Kampong Menengah dan Bukit Sulang)	Di Masjid Kampong Menengah dan Bukit Sulang, Tutong.

NAMA-NAMA AMIL DAN TEMPAT-TEMPAT MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

Sambungan dari muka 20

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
19.	Masjid Kampong Bukit Panggal, Tutong.	Awang Haji Abdul Aziz bin Badul (Imam Masjid Kampong Bukit Panggal) Awang Haji Hasmali bin Haji Talip (Imam Masjid Kampong Bukit Panggal)	Di Masjid Kampong Bukit Panggal, Tutong.
20.	Masjid Abdul 'Azim, Kampong Luagan Dudok, Tutong.	Awang Haji Kamaluddin bin Haji Abdul Rahman (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Salleh bin Haji Abdullah* (Imam Masjid Abdul 'Azim). Awang Haji Nasar bin Nayan (Bilal Masjid Abdul 'Azim)	Di Masjid Abdul 'Azim, Kampong Luagan Dudok, Tutong.
21.	Kawasan Masjid Kampong Bang Dalam / Biong, Tutong.	Awang Haji Ibrahim bin Apong (Bilal Masjid Kampong Bang Dalam / Biong).	Di Masjid Kampong Bang Dalam / Tutong
22.	Kawasan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Tutong Kem.	Awang Haji Mohd. Andy @ Rafaie bin Haji Saile @ Suhaili (Imam Surau A.B.D.B. Tutong Kem) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Abdul Rahman (Bilal Surau A.B.D.B. Tutong Kem)	Di Surau Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Tutong Kem, Tutong.
23.	Kawasan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Penanjong Kem, Tutong.	Awang Sufri Al-Jefriyah bin Yahya (Imam Surau A.B.D.B Penanjong Kem). Awang Hosaini bin Haji Mokhtar (Guru Ugama)	Di Surau Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Penanjong Kem, Tutong.
24.	Balai Bomba Pekan Tutong / Lamunin.	Awang Haji Abdul Khalek bin Haji Zubaidi (Ahli Bomba, Pekan Tutong).	Di Surau Balai Bomba, Pekan Tutong.
25.	Masjid Kampong Lubok Pulau, Tutong.	Pg. Mohd. Ali Hanafiah bin Pg. Haji Timbang* (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Hammadi bin Haji Mohd. Yassin (Imam Masjid Kampong Lubok Pulau). Haji Muhd. Khairul Mazlan bin Haji Abdul Razak* (Bilal Masjid Kampong Lubok Pulau)	Di Masjid Kampong Lubok Pulau, Tutong.
26.	Masjid Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah Kampong Sungai Kelugos, Tutong.	Awang Aminordin bin Haji Mohd. Yusof (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Omarali bin Ahmad (Imam Masjid Pg. Anak Isteri Pg. Anak Sarah Kampong Sungai Kelugos) Awang Mohd. Suhud bin Haji Razali* (Bilal Masjid Pg. Anak Isteri Pg. Anak Sarah Kampong Sungai Kelugos)	Di Masjid Kampong Pg. Anak Isteri Pg. Anak Sarah Kampong Sungai Kelugos, Tutong.
27.	Masjid Kampong Bukit Udal, Tutong.	Awang Hazman bin Haji Husain (Imam Masjid Kampong Bukit Udal) Awang Muhammad Digun bin Haji Abdul Razak* (Bilal Masjid Kampong Bukit Udal)	Di Masjid Kampong Bukit Udal, Tutong.
28.	Mukim Masjid Kampong Benutan, Tutong.	Awang Haji Mohd. Azley bin Haji Mohd. Aliudin (Imam Masjid Kampong Benutan) Awang Haji Mohd. Akin bin Abdullah (Bilal Masjid Kampong Benutan)	Di Masjid Kampong Benutan, Tutong.
29.	Masjid Kampong Bukit, Tutong.	Awang Mohd. Ghazali bin Mohd. Ariffin (Bilal Masjid Kampong Bukit).	Di Masjid Kampong Bukit, Tutong.
30.	Balai Ibadat Hajah Aminah, Kampong Long Mayan, Tutong.	Awang Muhammad Aliyan bin Abdullah Sauwat (Imam Balai Ibadat Hajah Aminah).	Di Balai Ibadat Hajah Aminah, Kampong Long Mayan, Tutong

BAGI KAWASAN DAN MUKIM DAERAH TEMBURONG

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
1.	Kawasan Bandar 'A': a. Kawasan Pekan Bangar Baru, b. A.B.D.B. Bangar Kem, c. Kampong Batang Tuau, d. Kampong Seri Tanjong Belayang, e. Berek Elektrik, f. Kampong Samamang, g. Kampong Kinalong, h. Kampong Belingos.	Awang Haji Emran bin Haji Sabtu (Imam Masjid Utama Mohammad Salleh) Awang Azry bin Haji Mohd. Yusoff (Imam Masjid Utama Mohammad Salleh)	 Di Masjid Utama Mohammad Salleh.
2.	Kawasan Bandar 'B': a. Kawasan Pekan Bangar, b. Berek Bomba, c. Kampong Sungai Tanam, d. Kampong Sungai Tanit, e. Kampong Menengah, f. Kampong Belayang.	Awang Fairuz bin Haji Suhaile (Bilal Masjid Utama Mohammad Salleh)	
3.	Kawasan Masjid Kampong Selangan: a. Kampong Selangan, b. Kampong Sumbiling, c. Kampong Belaban Baru, d. Kampong Sibulu.	Awang Haji Mohd. Yusoff bin Haji Ahad* (Imam Masjid Kampong Selangan). Awang Mohd. Tahir bin Norshabbuddin* (Bilal Masjid Kampong Selangan).	Di Masjid Kampong Selangan
4.	Kawasan Masjid Kampong Batu Apoi: a. Kampong Batu Apoi, b. Kampong Negalang, c. Kampong Perpindahan Gadong, d. Kampong Selapon	Awang Norezam bin Zaini (Imam Masjid Kampong Batu Apoi). Awang Saiful Bahrin bin Haji Yunus (Bilal Masjid Kampong Batu Apoi)	Di Masjid Kampong Batu Apoi.
5.	Kawasan Masjid Pengiran Haji Abu Bakar Kampong Bokok: a. Kampong Bokok, b. Kampong Meniup, c. Kampong Bakarut, d. Kampong Simbatang, e. Kampong Kenua, f. Kampong Lepong Lama, g. Kampong Lepong Baru.	Awang Mahdini bin Kamis (Imam Masjid Pengiran Haji Abu Bakar Kampong Bokok). Awang Rashid bin Hussin (Bilal Masjid Pengiran Haji Abu Bakar Kampong Bokok).	Di Masjid Pengiran Haji Abu Bakar Kampong Bokok.
6.	Kawasan Masjid Kampong Belais: a. Kampong Belais, b. Kampong Buda-Buda.	Awang Haji Mohd. Yamin bin Haji Mohd. Noor (Pegawai Hal Ehwal Masjid). Awang Shamsuddin bin Haji Azhari (Imam Masjid Kampong Belais). Awang Mohd. Fuad bin Mohd. Yusoff (Bilal Masjid Kampong Belais)	Di Masjid Kampong Belais.
7.	Kawasan Masjid Kampong Labu Estate: a). Kampong Labu Estate, b). Kampong Senukoh, c). Kampong Piasau-Piasau.	Awang Mokhtar bin Bakri (Imam Masjid Kampong Labu Estate) Awang Mohd. Zain bin Haji Kula* (Bilal Masjid Kampong Labu Estate)	Di Masjid Kampong Labu Estate.
8.	Kawasan Masjid Kampong Puni: a). Kampong Puni, b). Kampong Ujong Jalan.	Awang Haji Zaini bin Hashim (Imam Masjid Kampong Puni).	Di Masjid Kampong Puni.
9.	Kawasan Kampong Semabat	Awang Mokhsin bin Mohd. Karim (Bilal Balai Ibadat Kampong Semabat)	Di Balai Ibadat Kampong Semabat.
10.	Kawasan Kampong Sibut:	Awang Haji Lisa bin Haji Tengah (Imam Balai Ibadat Kampong Sibut)	Di Balai Ibadat Kampong Sibut.
11.	Masjid RPN Kampong Rataie: a). Kampong Rataie, b). Perpindahan Kampong Rataie, c). STKRJ Kampong Rataie.	Awang Eldi bin Haji Suhaili (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Said Ahmad bin Haji Aliamat (Imam Masjid RPN Kampong Rataie).	Di Masjid RPN Kampong Rataie.

Peringatan :
* Amil yang baru dilantik bagi kawasan tersebut
Kawasan yang baru dilantik.

FTC mula digunakan

SUNGAI TUJOH, Isnin, 10 September. - Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Malaysia tidak kender-kendurnya memperkenalkan inisiatif baru ke arah memudahkan rakyat kedua-dua buah negara membuat perjalanan ke sempadan bersama.

Mulai bulan ini rakyat Negara Brunei Darussalam dan Malaysia yang sering menyeberang sempadan atas tujuan perniagaan mahupun keluarga hanya perlu menggunakan Kad Perjalanan Kerap (FTC). Peraturan ini dikenakan ke atas orang ramai yang sering keluar dan masuk menyeberangi Pos Kawalan Sungai Tujoh sekurang-kurangnya lima kali dalam sebulan.

Orang ramai yang ingin mendapatkan FTC hanya perlu mendaftar kepada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan di negara masing-masing. Penggunaan FTC

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

bagi memudahkan lagi urusan memproses dokumen di pos kawalan masing-masing, di samping mengurangkan kesesakan lalu lintas di sempadan.

Walau bagaimanapun menurut pegawai yang bertugas di Pos Kawalan Sungai Tujoh pengguna FTC juga diingatkan agar sentiasa membawa pasport mereka bersama ketika hendak membuat perjalanan melalui sempadan seandainya berlaku masalah teknikal yang tidak dapat dielakkan, pasport boleh digunakan.

Kad Pintar Brunei Darussalam dan My Kad Malaysia digunakan bagi menggantikan pasport untuk mereka yang kerap membuat per-

jalan antara kedua-dua sempadan. Kad Pintar bukan saja dokumen berbilang guna yang menyimpan identiti pemiliknya, malahan digunakan sebagai pasport perjalanan.

Sebagai langkah keselamatan, sistem yang diguna pakai oleh kedua-dua buah negara bagi FTC itu berkemampuan mengimbas cap jari pemegang kad berkenaan untuk menentukan pemegang kad tersebut sah atau sebaliknya. Idea mewujudkan FTC bermula sejak tahun 1998 bertujuan memberi kemudahan dan melicinkan perjalanan kepada kedua-dua buah negara yang memenuhi syarat Jabatan Imigresen, di samping menjimatkan penggunaan lembaran kertas pada pasport.



PEMEGANG FTC yang melalui Pos Kawalan Sungai Tujoh mula menggunakan kad tersebut.

UPACARA KEPULANGAN PASUKAN PEMANTAUAN ANTARABANGSA (IMT) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE REPUBLIK FILIPINA



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimulakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bergambar ramai bersama Kontinjen Ketiga Pasukan Pemantauan Antarabangsa (IMT) yang terdiri dari enam pegawai ABDB yang baru pulang dari menjalankan tugas di Contabato Mindanao, Filipina. - Foto: Abdullah Haji Awang Damit.

Kontinjen Ketiga IMT selamat pulang

GADONG, Rabu, 26 September. - Kontinjen Ketiga Pasukan Pemantauan Antarabangsa (IMT) terdiri enam orang pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) selamat sampai ke tanah air dari Mindanao, Selatan Filipina dengan dianugerahkan pingat 'The Gawad Sa Kaunlaran', pingat 'Military Civic Action' dan lencana 'Basic Parachutist' oleh kerajaan Filipina.

Kontinjen tersebut telah menjalankan tugas mereka di Cotabato Mindanao selama 12 bulan semenjak September 2006 lalu.

Mereka terdiri 357 Mejar Pengiran Zamni bin Pengiran Tajuddin, 497 Mejar Muhammad Wata bin Abdullah Awat, 622 Kapten Alirudimi bin Haji Perudin, 639 Kapten Arsahrin bin Haji Ariff, 7264 Pegawai

Waran (U) Haji Adis bin Hj Mentarais dan 9162 Sarjan Sa'at bin Haji Sabli.

Satu upacara perbarisan kepulauan kontinjen ini telah diadakan petang tadi di Hangar Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) di sini dengan Pemerintah ABDB menerima tabik hormat.

Pencapaian yang diperolehi oleh IMT ABDB Ke-3 ini telah mendapat anugerah dan penghargaan daripada Kerajaan Republik Filipina yang melambangkan penglibatan serta pencapaian mereka sewaktu menjalankan misi pemantauan di kepulauan Mindanao dan juga sebagai penghormatan pihak Angkatan Tentera Republik Filipina (ATRF) khasnya dan warga Filipina

Oleh : Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

Parachutist' Tentera Darat Filipina adalah Lencana Kehormat yang diakui dengan sijil pengakuan kepada anggota-anggota berkenaan yang telah mengikuti kursus asas udara, latihan payung terjun dan jumlah penerjunan dibuat yang telah ditetapkan oleh ATRF semasa melaksanakan misi pemantauan di kepulauan Mindanao.

Juga hadir Duta Besar Republik Filipina ke negara ini, Puan Yang Terutama, Virginia H Benavidez, Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, pemerintah-pemerintah dan komandan-komandan tentera, pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan dan ABDB dan ahli-ahli keluarga serta sanak saudara kontinjen berkenaan.

Penganugerahan pingat 'The Gawad Sa Kaunlaran' adalah satu penghargaan ketara yang patut diberi kepulauan di atas perkhidmatan dan pencapaian yang sangat bernilai dalam mengejar sosioekonomi serta aktiviti-aktiviti bukan tempur dan sumbangan perkhidmatan yang sangat besar serta luar biasa pada mencapai objektif keamanan ATRF.

Sementara itu, penganugerahan pingat 'The Military Civic Action' pula adalah penghargaan bagi pencapaian yang terpuji di bidang pertempuran sivik sebagai kewajipan tanggungjawab ataupun bantuan langsung operasi tentera.

Sementara penganugerahan Lencana 'Basic

Setiap kementerian dikehendaki mencalonkan satu projek ACPA

GADONG, Isnin, 17 September. - Mulai tahun depan setiap kementerian dikehendaki mencalonkan sekurang-kurangnya satu projek bagi setiap kategori penyampaian perkhidmatan dan kewangan bagi program Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA).

Bilangan projek yang menyertai ACPA tahun lalu adalah sedikit berbanding dengan penyeritaan tahun-tahun sebelumnya.

Menurut Pengarah Perkhidmatan Pengurusan, Awang Sa Bali bin Abas, perkara itu setentunya menimbulkan pelbagai persoalan sama ada agensi-agensi kerajaan memang tidak berusaha untuk mempertandingkan inovasi-inovasi yang telah dilaksanakan.

Dan tambahnya, Perkhidmatan Awam (PA) telah kekurangan minda kritikal dan analitikal dan sikap mudah berpuas hati berkemungkinan memang sudah menjadi budaya dalam PA di negara ini.

Awang Sa Bali berucap demikian pada Majlis Jerayawara ACPA di Institut Perkhidmatan Awam (IPA) di Rimba, Gadong, di sini.

Dalam hubungan itu

Oleh : Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

menambah beliau, semua PA perlu menyedari bahawa usaha-usaha menuju ke arah kecemerlangan itu tidak ada garisan penamatnya dan dari itu setiap anggota seharusnya sentiasa melitigandakan usaha bagi meningkatkan lagi tahap pencapaian masing-masing.

Jelasnya, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (JPP) komited untuk melanjutkan jerayawara ACPA ke semua sektor kerajaan di negara ini setelah menyedari akan kepentingan pelaksanaan program itu.

Tambahnya, jerayawara pada hari itu bertujuan untuk memastikan semua kementerian dan jabatan kerajaan menyertai program ACPA seperti yang dinyatakan dalam surat pemberitahuan Jabatan Perdana Menteri (JPM).

JPP masih lagi menyelidik punca utama jumlah pembabit sektor kerajaan dalam program ACPA berkurangan yang menurutnya mungkin antaranya disebabkan agensi kerajaan tidak berminat untuk menyertai atau intelektual dalam


bidang PA di negara ini berkurangan.

Beliau berpendapat ACPA akan dapat membantu dalam menggerakkan dan merealisasikan dua tema perancangan strategik JPM iaitu memodenkan PA serta membentuk imej kerajaan yang berkesan dan pemeduliaan.

Majlis pagi itu diteruskan dengan taklimat oleh Pegawai Kanan IPA, Awang Haji Abdul Ghani bin Haji Metussin diikuti dengan sesi soal jawab bersama Pengarah JPP serta persembahan pemenang Anugerah Gangsa ACPA 2006 dari Bahagian Pendaftaran Taraf Kebangsaan (Warganegara) Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

Jerayawara tersebut juga dihadiri oleh Setiausaha-setiausaha Tetap JPM Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid bin Pengiran Haji Mohd. Yassin, Pengiran Dato Paduka Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohamad, Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, pegawai-pegawai kanan dari 21 jabatan di bawah JPM.

Elakkan bermain layang-layang di kawasan laluan helikopter



ROTOR bahagian ekor helikopter terbelit oleh tali tangsi layang-layang. Foto ihsan: Juruterbang Tentera Britain.

SERIA, Jumaat, 28 September. - Bermain layang-layang / kikir memang sungguh menyenangkan tetapi adakalanya boleh mendatangkan bencana atau kecederaan kepada diri pemilik layang-layang tersebut atau kepada orang lain.

Inilah yang berlaku kepada sebuah helikopter milik Tentera Britain yang berpangkalan di Lorong Dua, Seria yang terpaksa membuat pendaratan kecemasan kerana mengalami gangguan penerbangan akibat rotor / mesin utama di bahagian kepala dan rotor bahagian ekor helikopter terbelit oleh tali tangsi layang-layang.

Dalam sidang akhbar Pasukan Polis Diraja Brunei Cawangan Daerah Belait menerima laporan kejadian berlaku pada 23 September lalu kira-kira pukul 3.15

petang ketika helikopter terbabit membuat penerbangan di ketinggian 1,000 kaki di ruang udara kawasan Seria By-Pass semasa hendak berlepas dari 'Medicine Lines'.

Dalam laporan itu juga menyatakan juruterbang helikopter terbabit membawa dua orang penumpang ke kawasan latihan tentera setelah menurunkan empat penumpang lain yang selesai menjalani latihan terus membuat pendaratan di 'Scoutbase' dan selepas mendarat juruterbang berkenaan mendapati tali tangsi layang-layang yang diterbangkan di kawasan berkenaan berbelit di rotor utama di bahagian kepala dan rotor bahagian ekor helikopter tersebut.

Menurut juruterbang tersebut semasa dia melintasi ruang udara di kawasan Seria By-Pass bersama

Oleh :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

empat orang penumpang lain mereka terlihat orang awam sedang bermain layang-layang dan beberapa layang-layang kelihatan diterbangkan di udara pada ketinggian sekitar 400 hingga 1,000 kaki.

Juruterbang itu percaya belitan tali tangsi pada rotor helikopter itu berlaku ketika mereka melintasi kawasan berkenaan dan menurutnya lagi kejadian seperti itu boleh mengakibatkan helikopter terhempas di kawasan sekolah atau kawasan perumahan yang berdekatan dan mengakibatkan ramai nyawa terkorban.

Sehubungan itu pihak polis mengingatkan orang ramai supaya tidak bermain layang-layang di kawasan

laluan helikopter kerana boleh membahayakan nyawa dan meminta kerjasama orang ramai supaya bermain layang-layang di luar kawasan zon lalu lintas udara dengan tidak menerbangkan layang-layang mereka pada ketinggian 1,000 kaki yang mungkin menyebabkan nahas udara.

Dalam pada itu pihak polis juga berkata adalah menjadi kesalahan untuk menerbangkan layang-layang setinggi 30 meter di kawasan lalu lintas udara manakala di kawasan bukan zon lalu lintas udara layang-layang hanya boleh diterbangkan pada ketinggian maksimum 60 meter.

SUKAN

Negara sertai Sukan Olimpik Istimewa Musim Panas

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 28 September. - Seramai 22 atlet keperluan khas dan sepuluh pegawai berlepas meninggalkan negara bagi menyertai Sukan Olimpik Istimewa Musim Panas yang berlangsung di Shanghai, China bermula 28 September hingga 12 Oktober.

Kontinjen negara yang diketuai oleh Awang Adanan bin Musim ini akan menyertai tiga acara daripada 21 acara yang dipertandingkan.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
 abubakar.rahman@information.gov.bn
Foto : Ak. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

Empat orang atlet dari-nya akan bertanding dalam acara bocce, lapan dalam acara olahraga dan sepuluh orang lagi akan bersaing dalam acara bola sepak.

Hadir menyerahkan bendera negara kepada kontinjen di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Menteri Kebudayaan,

Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad.

Semasa temasya tersebut berlangsung, dijangka lebih 10,000 atlet dan jurulatih dari 160 negara dan wilayah akan bertanding.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bersama atlet negara yang menyertai Sukan Olimpik Istimewa Musim Panas.

Semua pihak perlu berikan sokongan dalam memajukan sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 September. - Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal berkata kita harus menyedari bahawa sukan pada hari ini adalah sangat mencabar dan memerlukan sokongan dari semua pihak.

Justeru kerana itu jelasnya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan telah melaksanakan satu projek sukan prestasi tinggi yang memfokuskan kepada sebilangan kecil atlet negara untuk diasuh dan dilatih ke tahap prestasi yang lebih tinggi dengan menggunakan kaedah-kaedah sains sukan dan perkhidmatan pakar-pakar sains termasuk pakar psikologi.

Katanya, atlet-atlet ini telah pun disokong untuk mendapatkan bantuan elau latihan skim penggalak kecemerlangan sukan yang mana bertujuan untuk membantu atlet mencapai satu-satu tahap kejayaan dalam menjalani latihan secara bersungguh-sungguh agar dapat mengekalkan atau mencapai prestasi yang lebih tinggi di sukan serantau dan antarabangsa.

Peluang ini nyata beliau, adalah terbuka kepada semua atlet yang mempunyai niat dan semangat yang kuat untuk menang.

Ke arah itu beliau menyorkan kepada jurulatih-jurulatih dan persatuan-persatuan sukan kebangsaan agar mempertingkatkan lagi pro-

gram-program latihan yang bersepadu untuk memberi kesan yang lebih efektif.

Melalui skim penggalak kecemerlangan sukan ini terangnya, diharap akan dapat membantu dalam memberikan galakan dan komitmen bukan saja dipihak atlet malah juga kepada semua pihak untuk bekerjasama ke arah memajukan sukan di negara ini.

Dato Paduka menyatakan perkara tersebut di Majlis Penganugerahan Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan (Ganjaran Kemenangan) yang berlangsung di Dewan di Gadong di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad.

Di majlis tersebut seramai 16 orang atlet, empat jurulatih sukan, dua orang penolong jurulatih sukan dan tiga buah persatuan sukan kebangsaan menerima Anugerah Skim Penggalak Kecemerlangan di bawah Kategori Ganjaran Kemenangan.

Sukan-sukan tersebut ialah boling padang, karatedo, taekwando dan olahraga untuk orang kurang upaya.

Penganugerahan tersebut adalah berdasarkan kepada kejayaan mereka dalam meraih pingat dan memecah

rekod di peringkat serantau dan antarabangsa pada tahun 2006.

Sementara itu bagi atlet-atlet sukan karatedo dan taekwando di kejohanan Sukan SEA 2005 atlet-atlet tersebut telah ditambah ganjaran kemenangan yang telah mereka terima pada awal tahun 2006 disebabkan atlet-atlet yang memenangi pingat emas yang mereka lawan telah didapati menggunakan bahan terlarang dalam sukan dan kerana itu pihak penganjur telah pun menarik balik kemenangan atlet-atlet berkenaan dan secara langsung menaikkan taraf atlet-atlet negara dari pingat gangsa kepada pingat perak.

Dalam majlis penganugerahan tersebut mencatatkan Persatuan Bowling Padang Kebangsaan merupakan penerima paling banyak menerima ganjaran di atas kemenangan para atletnya beraksi di kejohanan serantau mahu pun antarabangsa dengan jumlah keseluruhan \$65,600.00.

Manakala atlet bagi acara taekwando, Farah Waheeda Haji Bujang dan atlet karatedo, Tong Kit Siong yang beraksi sukan SEA Ke-23 di Filipina masing-masing menerima seribu ringgit.

Sementara itu, atlet, jurulatih dan penolong jurulatih bagi Sukan FESPIC Ke-9 2006 di Kuala Lumpur menerima \$5,200.00 keseluruhannya.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
 abubakar.rahman@information.gov.bn
Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad ketika menyampaikan hadiah Anugerah Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan (Ganjaran Kemenangan) kepada sebahagian penerima (atas dan bawah).



BIPA 'A' juara Sepak Takraw Terbuka

Oleh : Haji Ahat Haji Ismail
 ahat.ismail@information.gov.bn

GADONG, Ahad, 2 September. - Pasukan BIPA 'A' muncul menjuarai Kejohanan Sepak Takraw Terbuka selepas menumpaskan Pasukan Setia Merikan 'C' pada perlawanan akhir di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Rimba.

Bagaimanapun, pada pertarungan akhir itu BIPA 'A' menghadapi tentangan sengit hingga pertarungan berlarutan ke 'rubber set' sebelum dinobatkan sebagai juara.



AHLI-AHLI Jawatankuasa Kejohanan Sepak Takraw bersama Pasukan BIPA 'A' dan Pasukan Setia Merikan bergambar ramal sejeurus selepas kejohanan. - Foto : Junaldi HA.

Kejohanan yang dihasratkan untuk memperluas dan mempertingkatkan lagi permainan sepak takraw di negara ini, sejumlah 36 buah pasukan telah menyertainya.

Kejohanan kali pertama anjuran Majlis Perundingan Kampong Kawasan 2 Rancangan Perumahan Negara Kampong Rimba itu bermula dari 26 Ogos hingga 2

September lepas. Penyampaian hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Penghulu Mukim Gadong 'A', Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Marathon Greatest Race on Earth Empat pelari wakili negara

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar
 bolhassan.abubakar@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 September. - Empat pelari negara akan bersaing dalam Larian Marathon 'Greatest Race On Earth Standard Chartered Bank' di empat buah negara bermula Oktober ini bagi merebut hadiah terkumpul dan wang yang berjumlah AS\$1.08 juta.

Larian marathon yang bermula di Nairobi pada 28 Oktober ini akan diwakili oleh Roslani Hidop, diikuti Zulkifli Liman yang akan berentap di Singapura, sementara Sefli Ahar di Mumbai Marathon Januari 2008 dan Mohammad Rudin Takong di Hong Kong.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada Roslani Hidop yang merupakan pelari pertama negara dalam acara itu telah disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad yang berlangsung di sebuah hotel di sini.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Standard Chartered Tiew Siew Chuen berkata, keempat-empat pelari negara itu akan bersaing dengan pasukan dari lain-lain negara termasuk dari Australia dan Zimbabwe, di samping menjadikannya sebagai penjelajahan yang indah.

Menurut beliau, sejak 'The Greatest Race On Earth Standard Chartered Bank' dirasmikan pada Oktober 2004 ia telah menjadi satu inisiatif bagi program 'Seeing Is Believing' bank berkenaan yang bertujuan mengembalikan penglihatan mereka yang cacat penglihatan di seluruh dunia.

Dalam sidang media yang diadakan sejeurus selepas majlis itu, keempat pelari negara telah melahirkan perasaan gembira kerana diberi peluang menyertai acara tersebut dan berterima kasih atas sumbangan dan sokongan yang diberikan oleh Bank Standard Chartered dalam memberi pendedahan kepada anak tempatan terhadap sukan berprestij itu.

Sefli Ahar yang juga pemenang pertama dalam Brunei Marathon pada 2006 berharap dapat memecahkan catatan negara pada tahun 90-an dan akan dapat mencatat masa larian yang baik dalam acara Maraton di Mumbai pada Januari tahun depan.

Mereka juga telah menjalani latihan intensif sebagai persiapan ke acara yang akan disertai oleh pelari-pelari handalan dunia.

Pasukan Dart Negara menyerlah di Singapura

PASUKAN Dart Negara Brunei Darussalam yang diwakili oleh Seraabah Haji Abbas, Pengiran Mohamed Pengiran Haji Matarsad, Kamaluddin Haji Bungsu, Madeny Jumaat, Mohammad Metussin, Jamil Abdullah dan Kamariah Haji Suhai berjaya menduduki tempat kedua Kejohanan Dart Antarabangsa Terbuka Singapura, selepas tewas kepada Pasukan Hillcrest Tavern di Filipina 2-7.

Perserta tunggal wanita negara, Kamariah Haji Suhai menduduki tempat ketiga bagi perseorangan wanita.

Kejohanan kali ke-5 itu

disertai oleh 24 peserta yang mewakili negara Filipina, Thailand, Singapura,

Malaysia, Hong Kong dan Negara Brunei Darussalam.



BARISAN Dart Negara yang menyertai Kejohanan Dart Antarabangsa Terbuka Singapura Ke-5 baru-baru ini mempamerkan permainan yang menyerlah. - Foto : Ihsan Pg. Mohammed.

Habuan \$15,000.00 kepada penjaring terbanyak Liga Super 2006/2007

Berita dan Foto : Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

JERUDONG, Isnin, 8 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Kelab Bolasepak DPMM berkenan berangkat ke Majlis Penyampaian Hadiah Penghargaan Penjaring Terbanyak Liga Super 2006 / 2007.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Stadium Mini Jerudong dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abd. Rahim, Timbalan Pengerusi Kelab Bolasepak DPMM.

DYTM berkenan mengurniakan penghargaan itu kepada Awang Mohd. Shahrizen Haji Mohd. Said berupa wang tunai sebanyak \$15,000.00 sumbangan daripada

Kelab Bolasepak DPMM.

Mohd. Shahrizen menjadi pemain tempatan pertama selaku penjaring terbanyak di sepanjang penglibatan Negara Brunei Darussalam dalam kempen Liga Malaysia sekali gus mengharumkan nama kelab berkenaan selepas berjaya menjadi penjaring terbanyak dalam Liga Super Malaysia bagi musim 2006 / 2007.

DYTM juga berkenan mengurniakan tiket penerbangan ke Kuala Lumpur bagi dua orang sumbangan dari Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA).

Hadir di majlis ini ialah Ketua Pegawai Eksekutif RBA, Ray Sayer selaku penyumbang tiket penerbangan.

"Saya menjunjung kasih ke hadapan majlis Duli Yang Teramat

Mulia dan pihak pengurusan kelab di atas penghargaan yang paling bernilai ini," jelas Mohd. Shahrizen (21 tahun) ketika di temu bual wakil PELITA BRUNEI.

Katanya, hadiah yang diberikan ini merupakan satu dorongan yang sangat tinggi buat saya untuk meningkatkan lagi mutu permainan di masa akan datang malah menjadi satu suntikan semangat kepada rakan-rakan dalam pasukan untuk lebih bekerja keras dalam sama-sama meningkatkan tahap permainan dan memantapkan pasukan.

Tuah pemain berusia 21 tahun lebih awal terserlah apabila pernah mewakili negara dalam kejohanan Sekolah-Sekolah ASEAN dan mewakili negara di Kejohanan Bola Sepak AFF.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah mengurniakan cek berupa wang tunai sebanyak \$15,000.00 kepada Mohd. Shahrizen yang menempa sejarah selaku penjaring terbanyak Liga Super Malaysia 2006 / 2007.

Bagi keselamatan penerbangan, pembawaan cecair, aerosols dan gel disekat

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Oktober. - Negara Brunei Darussalam akan mengimplimentasikan meningkatkan langkah-langkah keselamatan penerbangan yang baru bagi sekatan pembawaan cecair, aerosols dan gel dalam beg tangan di dalam kapal terbang yang bertolak dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bermula hari Khamis, 4 Oktober 2007.

Langkah-langkah keselamatan ini adalah seperti

yang disyorkan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) pada 30 Mac 2007 yang diimplimentasikan pada penumpang transit / transfer di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Negara Brunei Darussalam melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei telah pun mengimplimentasikan peningkatan langkah-langkah keselamatan penerbangan yang baru ini bagi penerbangan

ke Australia, New Zealand dan Indonesia bermula pada 31 Mac 2007, Singapura bermula pada 8 Mei 2007, Malaysia bermula pada 21 Mei 2007, Thailand bermula pada 1 Julai 2007 manakala Filipina bermula pada 1 Ogos 2007.

Hampir kesemua negara ASEAN telah pun mengimplimentasikan langkah-langkah keselamatan penerbangan yang baru ini.

Langkah-langkah keselamatan tersebut menegah

pembawaan cecair, aerosols dan gel ke dalam beg tangan pada semua penerbangan yang mana penguatkuasaannya adalah seperti cecair, aerosols dan gel mestilah di dalam bekas (container) dengan kandungan tidak melebihi daripada 100ml setiap satu.

Mana-mana bekas cecair, aerosols dan gel yang kandungannya melebihi 100ml tidak akan diterima.

Bekas tersebut mestilah di simpan ke dalam plastik yang lut sinar / jernih dan berpelekat dengan isi kandungannya tidak melebihi satu litre. Bekas ini mestilah muat di dalam plastik lut sinar / jernih yang boleh ditutup semula.

Setiap penumpang hanya dibenarkan membawa satu plastik lut sinar / jernih yang bertutup dan beg plastik lut sinar / jernih yang berpelekat mestilah diletakkan berasingan di tempat dan semasa pemeriksaan keselamatan secara visual.

Pengecualian adalah diberikan kepada segala jenis ubat-ubatan, keperluan makanan bayi yang khusus dan keperluan makanan yang khusus di dalam bentuk cecair, aerosols dan gel. Kebeharuan adalah tertakluk kepada pemeriksa keselamatan dalam menentukan

kesesuaian kadar yang dibawa oleh penumpang.

Penumpang boleh terus membeli bahan-bahan cecair, aerosols dan gel seperti pewangi di kedai bebas cukai semasa berada di 'sterile area' di bangunan Penumpang Terminal, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Barangan yang dibeli akan disimpan ke dalam plastik yang jernih dan boleh dilihat serta bertutup yang disediakan oleh kedai dengan resit tersimpan di dalam beg plastik berkenaan.

Penumpang adalah dinasihatkan supaya memeriksa terlebih dahulu dengan syarikat-syarikat penerbangan yang mereka naiki sebelum mereka sampai ke destinasi lapangan terbang mengenai langkah-langkah

keselamatan yang baru ini.

Bagi memudahkan semasa 'check in' dan proses pemeriksaan keselamatan, semua penumpang juga dinasihatkan untuk memasukkan cecair, aerosols dan gel ke dalam plastik lut sinar / jernih dengan semurnya yang mereka bawa ke dalam beg tangan untuk diperiksa dengan mengikut had larangan yang baru sebelum mereka sampai ke Lapangan Terbang Antarabangsa.

Pihak Jabatan Penerbangan Awam memohon kerjasama dan sokongan orang ramai supaya akan dapat bekerjasama dengan pihak Polis Lapangan Terbang dan syarikat-syarikat penerbangannya dalam melaksanakan peraturan-peraturan baru ini.

Banci Ekonomi 2007 bagi Negara Brunei Darussalam bermula

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 September. - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) akan mengendalikan Banci Ekonomi 2007 bermula Oktober ini.

Banci ini meliputi semua syarikat / perusahaan yang beroperasi di negara ini sama ada perusahaan milik sendiri, perkongsiaaan, syarikat awam berhad, syarikat sendiri berhad, cawangan syarikat luar negeri, koperasi dan lain-lain pertubuhan.

Tujuan banci ekonomi ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang lengkap dan terkini mengenai dengan aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh perusahaan / perniagaan di negara ini.

Hasil dari Banci Ekonomi 2007 akan dapat memberikan maklumat terkini mengenai situasi ekonomi di negara ini dan perkembangannya berbanding dengan hasil banci ekonomi terdahulu yang telah

dijalankan dalam tahun 2002.

Hasil Banci Ekonomi 2007 juga akan digunakan oleh pihak kerajaan dalam membuat perancangan dan dasar perkembangan sosial dan ekonomi negara. Selain itu, sektor swasta boleh menggunakannya dalam merancang dan memperkembangkan aktiviti dan strategi perniagaan serta penyelidikan pasaran, selanjutnya, orang ramai juga akan dapat mengetahui mengenai perkembangan ekonomi negara masa kini.

Banci ekonomi dijalankan di bawah AKTA PERANGKAPAN, BAB 81 dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. Segala keterangan yang diberikan akan dirahsiakan dan akan digunakan untuk keperluan perangkaan sahaja. Maklumat bagi mana-mana syarikat / perusahaan secara individu tidak akan didedahkan sama sekali.

Banci Ekonomi 2007 akan

mengumpulkan keterangan terperinci bagi tahun rujukan 2005 dan 2006 serta maklumat ringkas bagi suku tahunan 2007 dan jangkaan perniagaan bagi suku tahun 2007 dan jangkaan perniagaan bagi suku tahun 2008.

Banci Ekonomi 2007 akan meliputi aktiviti ekonomi seperti pertanian dan perhutanan, perikanan, pelombongan dan kuari, pembuatan, pembinaan, perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran, pengangkutan dan perhubungan, institusi kewangan, hartanah dan perkhidmatan perniagaan, perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian.

Keterangan yang dikumpulkan melalui banci ekonomi ialah modal dan hak milik, maklumat pekerja, pendapatan, perbelanjaan, inventori / stok, perbelanjaan modal dan harta tetap, jangkaan perniagaan dan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Borang Banci Ekonomi 2007 dan panduan bagi mengisi borang akan didedahkan kepada syarikat / perusahaan melalui pos mulai 27 September 2007. Tarikh tutup untuk mengembalikan borang tanya yang telah diisikan dengan lengkap ke JPKE ialah 31 Oktober 2007.

Syarikat / perusahaan yang belum menerima borang tanya tersebut atau yang memerlukan penerangan lanjut bolehlah menghubungi JPKE melalui telefon di talian 223-251 atau e-mel di alamat info.statistics@jpke.gov.bn. Borang tanya dan panduan boleh juga di muat turun dari laman web JPKE www.dep.gov.bn.

Sokongan dan kerjasama dari semua syarikat / perusahaan di negara ini dalam memberikan maklumat yang dikehendaki adalah sangat diperlukan untuk menjayakan Banci Ekonomi 2007 agar dapat mencapai matlamat yang dihasratkan.

Dari muka 1

Jelas bahawa negara telah menikmati kemajuan sepanjang 40 tahun DYMM di atas takhta. Baginda berjaya membangun dan memajukan negara dengan meletakkan asas ekonomi yang kukuh. Pencapaian tersebut semuanya berkat kepimpinan baginda sebagai Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu bagi memperingati hari bersejarah 40 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta ini, Majlis Kesyukuran dan Doa Selamat berlangsung di seluruh negara yang diketendalikan oleh Jawatankuasa Penyelaras Majlis Kesyukuran dan Doa Selamat Sempena 40 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Menaiki Takhta.

Dari muka 1

Banyak kemajuan yang dicapai dan dinikmati oleh rakyat dan penduduk di negara ini dalam pelbagai bidang, baik dalam bidang agama, ekonomi, pendidikan, kesihatan dan sebagainya.

Institusi-institusi pendidikan tinggi, sekolah-sekolah menengah dan rendah di seluruh negara telah dibina dengan banyaknya dan pendidikan itu diberikan kepada rakyat secara percuma.

Perkembangan pendidikan bertambah lagi dengan tertubuhnya sebuah pusat pengajian tinggi Islam iaitu Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan menaikkan taraf Makiab Perguruan Ugama Seri Begawan menjadi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, di samping UBD yang telah sedia ada, di mana UBD sejak mula ia ditubuhkan sehingga sekarang telah pun berjaya menghasilkan para graduan seramai 10,728 orang.

Dalam bidang kesihatan pula, negara kita telah mencapai perkembangan yang amat mengagalkkan yang mana negara kita telah pun mempunyai seramai 185 orang doktor tempatan sama ada yang berkhidmat dengan kerajaan mahupun swasta.

Rakyat dan penduduk di negara ini juga sangat beruntung kerana dapat menikmati perkhidmatan kesihatan yang baik dan percuma.

Memandangkan begitu banyak jasa baginda yang telah kita nikmati, sudah tentunya kita selaku rakyat tidak akan mampu membalas kesemua jasa baginda itu, tetapi kita tetap mendoakan baginda sepanjang masa.

Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala akan dapat membalas jasa-jasa baginda terhadap rakyat dan penduduk di negara ini.

SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI سلامة هاري راي عيدالفطري

ترتيبکن اوله جبارن فرارنن. جبارن فرارن منري دان دجيتق اوله جبارن فرجيتقن کرارجان، جبارن فرارن منري، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

TALIAN PENTING	
Ambulans 991	Bomba & Penyelamat 995
Polis 993	Mencari & Menyelamat 998



PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN PENTING	
Air 140	Unit Pengurusan Bencana Alam
Talian Kebajikan 141	2381874
Elektrik 144	2381313
Maklumat Penerbangan 2331747	2382143
Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut) 2332600	2382027
	Selesema Burung 8984777
	8985777

"KAD raya dikirim sebagai pengganti diri di hari yang mulia ini," itu adalah antara kata-kata atau ucapan istimewa yang terkandung dalam Kad Ucapan Selamat Hari Raya yang banyak dikirim sebelum munculnya era teknologi yang canggih ini.

Akan tetapi pada hari ini hanya segelintir masyarakat Islam di seluruh dunia menggunakan Kad Ucapan Selamat Hari Raya untuk dikirimkan kepada sanak saudara atau rakan dan sahabat kerana wujudnya teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta sistem perhubungan yang canggih dan cepat. Walau bagaimanapun kad raya masih popular dan penyeri di kalangan masyarakat Islam kita hingga ke hari ini.

Jika diimbang kembali kad raya sebenarnya lebih mengeratkan hubungan silaturahim dan lebih bermakna bagi si penerima kerana si pengirim dengan bersusah payah mengirimkan kad semata-mata memohon maaf di hari yang mulia dengan ucapan Selamat Hari Raya, maka Kad Hari Raya dibuat dengan begitu rupa dan bentuk oleh si pengirim dengan kreatif kadang-kadang ada yang menyelitkan gambar sendiri dan keluarga.

KAD RAYA MELALUI SIBER

Zaman sekarang melalui ruang angkasa yang tak bersempadan orang lebih suka mengirim ucapan Selamat Hari Raya dan memohon maaf melalui internet, sistem pesanan ringkas (SMS), telefon bimbit, e-mel, faksimile, telex dan telefon biasa.

Malah melalui e-mel si pengirim dapat meluahkan rasa isi hati dalam ucapan Selamat Hari Raya ditambah lagi dengan reka bentuk yang menarik dan diselitkan dengan lagu-lagu lama dendangan P. Ramlee dan penyanyi masa kini untuk dikirimkan kerana tiada had bagi si pengirim, ditambah lagi ia percuma dan cepat, cuma si pengirim dan si penerima mestilah berlanggan terlebih dahulu sama ada melalui 'Yahoo mail atau Hot-mail'.

Mengirimkan ucapan Selamat Hari Raya cara demikian lebih mudah dan menyenangkan berbanding dengan menggunakan Kad Hari Raya yang dijual atau dibuat dengan harga yang berlainan, malah, ruang menulisnya pun agak terhad.

Bahkan urusan mengirim juga memakan masa paling cepat dua hari jika dipos di dalam negeri dan jika ke luar negara mungkin seminggu, ini belum termasuk kos pembelian setem bagi setiap sampul surat yang ditimbang mengikut beratnya.

Berbeza pula dengan SMS yang menggunakan telefon bimbit yang juga mempunyai ruang terhad tetapi ia boleh diterima serta-merta walaupun si penerima berada di luar negara dan kos penghantaran pun agak murah tertakluk kepada pengendali telefon berkenaan.

Walaupun bagaimanapun penyampaian ucapan Selamat Hari Raya melalui Kad Hari Raya lebih bermakna dan mempunyai

KAD RAYA PENYERI DI AIDILFITRI



KAD raya sebenarnya lebih mengeratkan hubungan silaturahim dan lebih bermakna bagi si penerima kerana si pengirim dengan bersusah payah mengirimkan kad semata-mata memohon maaf di hari yang mulia dengan ucapan Selamat Hari Raya.

mesaj yang lebih bererti kerana Kad Hari Raya yang ada di pasaran beraneka bentuk, warna dan dibuat dengan memuatkan pelbagai gambar serta dituliskan dengan kata-kata yang menyentuh perasaan.

Oleh itu pengiriman Kad Hari Raya di era siber ini masih popular kerana ia

membawa erti bagi si pengirim dan si penerima.

Keadaan kini sudah berubah tetapi konsepnya masih sama iaitu untuk mengeratkan hubungan silaturahim yang sedia ada sama ada di antara kaum keluarga atau sahabat handai sebagaimana yang dituntut oleh agama Islam.

Sebaliknya Islam melarang keras umatnya berpecah belah atau memutuskan hubungan silaturahim kerana ia boleh melemahkan perpaduan dan kekuatan umat Islam.

Tidak pula diketahui bila sebenarnya penggunaan kad ucapan raya sedemikian itu bermula di

kalangan masyarakat kita, tetapi pada tahun-tahun 60-an dan 70-an ia sangat popular. Zaman berubah bentuk dan perwajahan kad raya juga turut berubah. Perubahan itu tentunya disumbang oleh pelbagai kemudahan terutamanya teknologi percetakan yang semakin hari semakin canggih.

Kad ucapan Hari Raya yang moden ini dicipta dalam pelbagai bentuk, saiz, format dan warna-warna yang boleh dikatakan semuanya menarik. Isinya pula mengandungi pelbagai ucapan dan pesanan yang berupa pantun, syair, puisi, ayat-ayat suci Al-Qur'an, hadis, kata-kata pujangga, nasihat dan lain-lain. Di samping itu ianya juga dihiasi dengan gambar-gambar masjid, ketupat, kuih-muih, pemandangan kampung, lambang cinta, bunga, kartun, bunga api, lampu cucuk dan gambar keluarga. Malahan ada juga orang yang memasukkan gambar-gambar kegemarannya seperti kereta,

WALAU PUN masyarakat kita hidup dalam zaman ICT yang serba canggih namun Kad Hari Raya masih popular di kalangan mereka. Kerana Kad Hari Raya tetap mempunyai keistimewaan dan kekuatannya yang tersendiri. Antaranya ia boleh disimpan untuk menjadi kenangan dan ristaan sampai bila-bila masa.

Oleh :
Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
fatimah.noor@information.gov.bn

motosikal dan bagi kad kanak-kanak akan memasukkan gambar kartun yang agak menarik.

Keistimewaan dan kecanggihannya kad-kad ucapan Hari Raya sedemikian itu terus mengundang minat masyarakat Islam terutamanya orang Melayu yang menjadikan kad tersebut sebagai pengganti diri untuk menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya dan memohon ampun dan maaf kepada kaum keluarga dan sahabat handai terutamanya yang tinggal berjauhan.

Berikutan dengan pengiriman Kad Hari Raya yang semakin meluas Jabatan Perkhidmatan Pos setiap tahun turut mengalami kesibukan. Berpuluh-puluh ribu Kad Hari Raya diproses di Pusat Memproses Mel dan Bungkus

sebelum kad-kad tersebut dihantar ke destinasi terutamanya untuk keluar negeri walaupun masih di awal Ramadan.

Walaupun masyarakat kita hidup dalam zaman Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) yang serba canggih namun Kad Hari Raya masih popular di kalangan mereka. Kerana Kad Hari Raya tetap mempunyai keistimewaan dan kekuatannya yang tersendiri. Antaranya ia boleh disimpan untuk menjadi kenangan dan ristaan sampai bila-bila masa. Selain daripada itu ia juga boleh dijadikan hiasan rumah khususnya di ruang tamu untuk menyemarakkan lagi suasana Hari Raya.



KAD ucapan Hari Raya yang moden ini dicipta dalam pelbagai bentuk, saiz, format dan warna-warna yang boleh dikatakan semuanya menarik.

INSTITUSI sekolah diwujudkan untuk membina generasi yang tinggi ilmu dan budinya serta cemerlang keperibadiannya dan bebas daripada sebarang bentuk penghambaan selain daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh itu, tugas dan usaha mulia guru dan pendidik dalam membentuk keperibadian anak-anak perlu disokong dan dibantu sepenuhnya. Semua umat yang cintakan Islam, tanpa mengira mempunyai anak yang belajar atau tidak, perlu melihat usaha ini sebagai salah satu jihad Fisabilillah.

Mereka dialu-alukan memberikan cadangan, sumbangan, kepakaran dan idea untuk memajukan institusi ini demi kemaslahatan dan memartabatkan umat Islam.

Cita-cita dan harapan sebegini besar dan mulia tentu menuntut pelbagai pengorbanan dari pelbagai pihak. Menginsafi hakikat ini, sekolah tidak mungkin mampu membina generasi unggul ini bersendirian.

Sekolah adalah tempat anak-anak menerima pendidikan secara sistematik dan formal. Di sekolah juga anak-anak diberi peluang untuk memperkembangkan bakat dan potensi mereka.

Di sekolah, proses pembentukan peribadi, pemindahan ilmu dan kemahiran terletak pada bahu guru.

Suasana dan persekitaran di sekolah bertanggungjawab sepenuhnya mengadun dan mencorakkan bentuk pelajaran yang ingin dibina.

Namun, apabila mereka ini pulang ke rumah, ibu bapa perlu mengambil alih tugas ini. Ilmu, nilai, sikap dan amalan mestilah selari dan konsisten dengan apa yang diterap oleh sekolah. Malah tugas ini menjadi lebih kritikal kerana manusia lazimnya lebih banyak terpengaruh dengan pendidikan informal berbanding pendidikan formal, khususnya dalam aspek pembentukan peribadi dan akhlak.

Pendidikan informal ini sebenarnya lebih berkesan dan mudah diikuti oleh anak-anak. Oleh itu, ibu bapa perlu menyedari hakikat ini dan berusaha untuk memastikan suasana di rumah menyokong apa yang dipelajari oleh anak-anak di sekolah.

Sikap memandai dengan apa yang anak-anak dapati di sekolah, hanya akan mengecewakan ibu bapa. Ibu bapa perlu mengiktiraf diri mereka adalah guru pertama bagi anak-anak. Segala nilai, pertuturan dan tingkah laku mereka, banyak mempengaruhi anak-anak. Kefahaman bahawa, cukuplah sekolah berfungsi untuk membentuk anak-anak menjadi insan cemerlang adalah tidak tepat.

Semangat yang perlu ada dalam jiwa ibu bapa ialah mereka secara automatik adalah rakan kongsi kepada sekolah. Natijahnya ialah ibu bapa merasakan sekolah ini sebahagian daripada milik mereka, ada semangat keki-taan.

Setiap kelemahan dan kekurangan dalam apa juga aspek dalam pendidikan di sekolah perlu dilihat sebagai masalah bersama. Apa saja yang perlu diperbaiki, dibantu dan ditingkatkan perlu dilakukan dengan semangat muafakat di antara pihak sekolah dan ibu bapa.

Satu lagi pihak yang tidak kurang penting adalah institusi masjid. Anak-anak perlu dibiasakan bergaul dengan masyarakat masjid yang berhampiran dengan rumah mereka. Ini kerana, jika anak-anak tidak berada di

CERMIN KEHIDUPAN

Mendidik anak tanggungjawab suami isteri

SETIAP kelemahan dan kekurangan dalam apa juga aspek dalam pendidikan di sekolah perlu dilihat sebagai masalah bersama. Apa saja yang perlu diperbaiki, dibantu dan ditingkatkan perlu dilakukan dengan semangat muafakat di antara pihak sekolah dan ibu bapa.

Oleh : Awang Tarif Haji Abd. Hamid



IBU BAPA yang menaruh kepercayaan kepada sekolah untuk mendidik dan membentuk anak mereka perlu memiliki beberapa komitmen. Ini untuk memudahkan proses pendidikan dan pentarbiahan yang perlu dilakukan.

sekolah atau di rumah, tugas membentuk mereka adalah jatuh kepada masyarakat masjid.

Tanggapan sesetengah orang bahawa tidak perlu menjaga hal ehwal anak orang lain adalah satu kesilapan yang besar.

Sebagai anggota masyarakat yang lebih dewasa dan matang, mereka perlu mengajak, menghargai, memimpin dan menegur di mana yang perlu setiap perbuatan anak-anak di sekeliling mereka. Sikap tidak peduli dan tidak endah akan perbuatan

anak-anak perlu ditukar kepada sikap penyayang, prihatin dan hormat kepada mereka. Inilah sikap yang ditunjukkan oleh Junjungan Besar kita Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam terhadap anak-anak.

Ibu bapa yang menaruh kepercayaan kepada sekolah untuk mendidik dan membentuk anak mereka perlu memiliki beberapa komitmen. Ini untuk memudahkan proses pendidikan dan pentarbiahan yang perlu dilakukan. Di antaranya ialah:

- membenarkan anak-anak menghadiri setiap program yang dimestikan anak-anak hadir (kecuali diberi pilihan).
- Menghadiri setiap program yang dianjurkan oleh sekolah untuk ibu bapa.
- Menghindari amalan menjatuhkan kewibawaan guru depan anak-anak. Sebaliknya berbincang dengan sekolah jika ada perkara yang tidak sepatutnya dilakukan oleh guru.
- Menerima pendekatan dan kaedah yang digunakan oleh sekolah dalam membentuk dan mendisiplinkan anak-anak.
- Menanamkan sikap menghormati dan mentaati guru untuk mendapatkan keberkatan.

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn



PENGERUSI Mashhor General Kontraktor, Malai Haji Abd. Hamid bin Malai Haji Mashhor dan Pengurus Perkhidmatan BSP, Mike Fuge menandatangani perjanjian bagi perkhidmatan pemuliharaan dasar laut.

Ikut perjanjian bersama Mashhor COVUS

PANAGA, Isnin, 9 September. - Lebih banyak firma tempatan di negara ini menyahut seruan kerajaan dalam melatih dan mengambil anak-anak tempatan terutama yang sedang mencari pekerjaan untuk bekerja di firma mereka.

Pengambilan anak-anak tempatan ini akan mengurangkan lagi masalah pengangguran. Sehubungan itu Mashhor COVUS Sendirian Berhad menandatangani surat perjanjian dengan enam orang anak tempatan untuk mendapat latihan dan bekerja di firma berkenaan. Majlis Menandatangani Perjanjian diadakan di Kelab Rekreasi Brunei Shell (BSRC).

Perjanjian ditandatangani oleh Pengerusi Mashhor General Kontraktor, Malai Haji Abd. Hamid bin Malai Haji Mashhor bagi mewakili Mashhor COVUS dan keenam-enam pelatih dan ibu bapa dan penjaga mereka.

Mashhor VOVUS merupakan syarikat usahasama antara Mashhor Jeneral Kontraktor dan COVUS Co-operation dari Australia, sebuah syarikat DOF Subsea dari Norway yang mengikat perjanjian dengan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) selama tiga tahun bagi menyelenggarakan perkhidmatan pemuliharaan dan pengawasan di dasar laut.

Tiga daripada anak tempatan yang mengikat perjanjian tersebut akan mengikuti latihan sebagai penyelam

komersial, dua jurutera pemeriksaan dan seorang lagi sebagai pengawal kenderaan dalam laut selama lebih kurang 24 bulan. Mereka merupakan kumpulan pertama pelatih mengikuti kursus seumpama itu.

Mereka yang ingin mengikuti latihan seumpama itu dikehendaki mempunyai kelulusan Diploma Kebangsaan dalam bidang kejuruteraan dan menjalani latihan komprehensif selama dua tahun sebelum mereka diiktiraf dalam pekerjaan termasuk latihan kesihatan, keselamatan, persekitaran, keyakinan berkualiti dan latihan teknikal dan bukan teknikal. Latihan akan diadakan dalam waktu bertugas dan menghadiri latihan di institut latihan di dalam dan di luar negara.

Penilaian akan dilakukan dari semasa ke semasa bagi mengetahui pencapaian pelatih dalam keberkesanan mereka dalam menjalani latihan. Kejayaan pelatih melalui program tersebut akan melahirkan warga Brunei yang diiktiraf antarabangsa sehingga bukan hanya mendapat pekerjaan di dalam negeri bahkan di merata tempat.

Perkara tersebut merupakan objektif utama Mashhor COVUS menerima cabaran dan menjadi inspirasi negara untuk menyediakan dan melatih belia dan warga Brunei yang berkualiti agar menjadi warga yang berkebolehan dan mendapat pemasaran antarabangsa serta menjadi aset tenaga kerja kepada negara.

Ceramah menyambut Ramadan

SERIA, Isnin, 10 September. - Sempena menyambut bulan Ramadan yang bakal menjelang, Jawatankuasa Majlis Badan Ugama Islam Daerah Polis Belait mengadakan majlis ceramah mengalu-alukan kedatangan Ramadan.

Tetamu kehormat di majlis yang diadakan di Dewan Serbaguna Ibu Pejabat Polis Panaga, Pegawai Pemerintah Daerah Polis Belait, Supt. Pengiran Haji Mohd. Salleh bin Pengiran Haji Chuchu.

Penceramah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Ismail bin Arif antara lain menerangkan hikmat puasa dan amalan yang dilakukan di bulan tersebut seperti membanyakkan membaca Al-Qur'an. Katanya kalimah Allah telah diperdengarkan kepada umatnya sejak mereka baru lahir ke dunia di mana ayah mengazankan dan mengikamahkan kalimah tauhid ke telinga anak damit mereka.

Majlis berkenaan merupakan projek tahunan Daerah Polis Belait sebagai menyemarakkan kedatangan bulan Ramadan di samping meningkatkan dan memantapkan lagi amalan di bulan tersebut.



PEGAWAI-PEGAWAI dan anggota Pasukan Daerah Polis Belait hadir di majlis ceramah yang diadakan.



PEGAWAI Pemerintah Daerah Polis Belait, Supt. Pengiran Haji Mohd. Salleh bin Pengiran Haji Chuchu mendengar ceramah yang disampaikan oleh penceramah dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Ismail bin Arif.

Universiti Kanak-kanak menjana kemajuan

SERIA, Isnin, 17 September. - Pelbagai inisiatif diusahakan bagi memancing keseronokan belajar dan memberi ruang kepada pelajar-pelajar muda untuk belajar diluar kurikulum sekolah.

Sehubungan dengan itu sekolah pendidikan swasta Sekolah Hornbill, Sekolah St. Margaret dan Sekolah

St. John telah melancarkan projek pendidikan kemasyarakatan yang dinamakan 'Universiti Kanak-kanak' diadakan di Sekolah Hornbill. Majlis pelancarannya disempurnakan oleh Penolong Ketua Pegawai Brunei Garrison merangkap Pengerusi Penguasa Komiti Sekolah Hornbill, Mejar Andrew Vick.

Universiti tersebut dibukakan kepada kanak-kanak dari ketiga-tiga sekolah berkenaan yang berumur antara tujuh hingga 13 tahun dan sesi penggal pertama bermula kelmarin sehingga 4 Oktober depan bertujuan untuk meningkatkan dan membina kesedaran di kalangan murid tentang kebudayaan orang lain serta meluaskan pe-

ngalaman dan semangat bersaing yang positif.

Setiap kanak-kanak yang menyertai universiti tersebut akan mengikuti empat modul di sekolah-sekolah terbabit seperti Masakan dan Sains di Sekolah St. Margaret, Sukan dan 'Digital Microscopy' di Sekolah Hornbill dan Bengkel Teater Kanak-kanak di Sekolah St. John.

Berita dan Foto Oleh :
Dk. Hajah Sa'adiah Pg. Haji Omaralli
saadiah.omaralli@information.gov.bn

Idea menubuhkan universiti tersebut dibincangkan di sekolah Hornbill pada bulan Mei lalu, manakala konsep projek diusahakan dengan kerjasama Sekolah St. John dan St. Margaret.

Setiap penggal universiti akan berakhir selama tiga hingga enam minggu dan murid-murid yang berminat dialu-alukan untuk menyertai penempatan sebarang modul yang di-

tawarkan. Pembelajaran diadakan setiap hari Selasa dan Khamis antara jam 3.15 hingga 4.30 petang dan setiap pembelajaran berakhir kira-kira 75 minit.

Pembelajaran tidak diadakan waktu persekolahan dan bukan terkandung dalam kurikulum sekolah. Setelah menamatkan modul yang ditetapkan, murid-murid terbabit akan dianugerahkan sijil di majlis yang akan diadakan kemudian.



PENOLONG Ketua Pegawai Brunei Garrison merangkap Pengerusi Penguasa Komiti Sekolah Hornbill, Mejar Andrew Vick ketika berucap di majlis tersebut.

Membeli sambil menderma

SERIA, Jumaat, 21 September. - Isteri Pegawai Daerah Belait, Dayang Hajah Suriana binti Haji Ahmad berbangga di atas usaha Persatuan PERTIWI Daerah Belait menganjurkan jualan amal menjelang Hari Raya Aidilfitri bagi sama-sama membantu dan meringankan perbelanjaan anak-anak yatim dan kanak-kanak istimewa dalam membuat persiapan menyambut hari lebaran yang bakal menjelang.

Katanya usaha murni seperti itu juga dapat membantu mempromosikan produk yang dihasilkan oleh ahli persatuan kepada orang ramai dan pengunjung serta mengetahui secara meluas lagi produk tempatan yang ada di pasaran. Berucap ketika merasmikan jualan amal menjelang Hari Raya anjuran Persatuan PERTIWI Daerah Belait yang diadakan di Dewan Pejabat Daerah di sini.

Beliau berharap jualan amal tersebut akan dapat mengembangkannya dan mempelbagaikan perusahaan yang sedia ada sambil merebut peluang kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Selain itu beliau juga berharap agar para peniaga akan melengkapkan diri dengan pelbagai pengetahuan dan maklumat dengan mengikuti kursus dan latihan yang bersesuaian supaya mereka menjadi lebih kreatif dalam mempelbagai dan mengembangkannya perusahaan mereka serta menghasilkan produk yang bermutu, berkualiti dan menjadi peniaga yang penuh daya saing

dalam jangka masa panjang.

Justeru itu beliau berpendapat jualan amal tersebut bukan hanya diadakan secara bermusim bahkan secara berterusan dalam membantu meningkatkan ekonomi para peniaga dan pada masa yang sama juga membantu meringankan beban dan membantu pembangunan rakyat dan penduduk khususnya di daerah ini untuk menangani dan meringankan kesusahan yang dialami mereka yang kurang bernaib baik.

Jualan amal tersebut merupakan projek tahunan Persatuan PERTIWI kali ke-22 yang dibukakan kepada ahli-ahli persatuan itu sahaja dan tahun ini seramai 38 ahli menyertainya.

Pada jualan amal tersebut antara produk yang paling banyak dijual pelbagai aneka jenis biskut Hari Raya dengan tawaran

harga yang menarik serendah \$5.00, beraneka jenis kek seperti kek roll, kek, acar, keropok dan kekadang. Selain itu juga

boleh didapati perhiasan rumah seperti bunga-bunga dan perhiasan wanita seperti subang, cincin, gelang dan pakaian serta

kelengkapan lainnya.

Menurut pihak penganjur sepuluh peratus hasil jualan akan didermakan kepada tabung anak-anak yatim dan anak-anak istimewa Daerah Belait. Jualan bermula dari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam.



PELBAGAI jenis biskut Hari Raya boleh didapati di jualan amal tersebut dengan harga yang istimewa.



ISTERI Pegawai Daerah Belait, Dayang Hajah Suriana binti Haji Ahmad membuka rasmi jualan amal tersebut.

Gerai Ramadan jadi tumpuan

KUALA BELAIT, Rabu, 19 September. - Seperti lazimnya sempena bulan Ramadan penduduk di Daerah Belait berpeluang mendapatkan juadah terbuka puasa melalui jualan Gerai Ramadan di dua tempat berasingan, di Kuala Belait ditempatkan di kawasan Gerai Tudong Saji, manakala di Seria pula di kawasan Pasar Baru Lorong Tiga.

Gerai berkenaan yang disediakan setiap tahun oleh Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria bukan saja menyediakan khemah-khemah gerai jualan malahan kemudahan lainnya seperti tempat pembuangan sampah yang teratur.

Menurut jabatan tersebut penglibatan peniaga-peniaga yang memohon bagi gerai terbabit meningkat setiap tahun dan pada tahun ini pihaknya menyediakan 184 buah petak bagi jualan juadah terbuka puasa dan 32 buah petak makanan panggang api yang ditempatkan berasingan di Gerai Tudong Saji.

Di bulan Ramadan ini pelbagai jenis kuih-muih dan lauk-pauk yang sebilangan makanan yang dijual itu sukar ditemui pada hari-hari biasa seperti putu bambu yang dijual di Gerai Tudong Saji.

Selain gerai jualan makanan juga ditempatkan jualan barangan lainnya bagi keperluan persediaan menjelang Hari Raya Aidilfitri seperti pakaian, perhiasan rumah, bunga-bunga hidup dan kering.

Sementara itu gerai di kawasan Seria juga tidak kurang mendapat sambutan peniaga yang tinggal berdekatan dengan kawasan itu. Di sana pelbagai aneka jenis makanan kuih-muih dan lauk-pauk serta masakan secara spontan dan panggang api turut dijual.

Gerai di kedua-dua buah kawasan itu mula beroperasi pukul 2.00 petang hingga 6.00 petang diadakan selama sebulan bermula dua hari lepas dan akan berakhir menjelang malam raya pertama. Seperti lazimnya gerai-gerai Ramadan akan dikunjungi ramai penduduk bukan saja di kalangan umat Islam malahan pelbagai bangsa yang gemar menikmati pelbagai jenis makanan buatan orang-orang Islam.

Gerai tersebut sedikit sebanyak dapat menambahkan hasil pendapatan para peniaga yang kebanyakannya terdiri daripada mereka yang berniaga secara sambaran bagaimanapun dalam keghairahan berniaga dan membeli juadah untuk berbuka puasa kebersihan juga perlu diutamakan.

Makanan yang dijual itu mestilah ditutup dengan rapat supaya habuk dan lalat tidak mencemari makanan tersebut selain pakaian dan kebersihan diri penjual dan mereka yang menyajikan makanan tersebut juga perlu dititikberatkan sementara pihak pembeli pula harus pandai mengurus kewangan mereka, merancang apa yang perlu hendak dibeli serta mengawal hawa nafsu jangan sampai berlaku pembaziran kerana perbuatan membazir itu adalah kawan syaitan.



GERAI-GERAI Ramadan dikunjungi orang ramai terutama selepas waktu bekerja untuk membeli juadah berbuka puasa yang menjual beraneka jenis kuih-muih, minuman dan masakan lauk-pauk.

PADA hari Jumaat yang mulia ini, marilah kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dalam melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong di kalangan orang-orang yang mendapat rahmat Allah Subhanahu Wata'ala di dunia mahupun di akhirat.

Alhamdulillah, kita amat bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya kita semua dapat menikmati suasana kehidupan dengan aman damai dan sejahtera di dalam negara yang kita cintai ini. Sesungguhnya kita amat bertuah menjadi rakyat negara ini yang mengamalkan cara hidup yang berlandaskan ajaran Islam di bawah kepimpinan raja dan pemerintahan yang adil laila bijaksana iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang kita peringati genapnya pemerintahan baginda 40 tahun pada hari ini yang kebetulan hari Jumaat hari yang sangat istimewa dalam hari-hari Islam. Mudah-mudahan dengan berlepasannya hari ini dengan peristiwa menaiki takhta itu akan mendatangkan lebih natijah istimewa dalam sejarah bangsa kita amin.

Kita juga bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana di zaman era globalisasi yang penuh dengan persaingan dan pergolakan, kedaulatan negara kita sentiasa terpelihara, aman dan sejahtera dengan sikap pemedulian dan keprihatinan raja yang sentiasa mengutamakan kebajikan, keharmonian dan kesejahteraan hidup bernegara dan bermasyarakat, raja yang sentiasa menitikberatkan ajaran Islam dan hukum-hukum Allah dalam pembentukan dasar pentadbiran, pengurusan dan undang-undang negara mengikut Ahli Sunnah Waljamaah bermazhab Syafie.

Kita berbangga kerana di bawah pimpinan baginda negara kita telah mencapai kedaulatan semula bebas dari campur tangan kuasa asing dan dapat menentukan arah perjalanan kehidupan bernegara menurut kehendak sendiri. Inilah dia kepimpinan yang diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan tepat sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisaa' ayat 58, tafsirnya:

"Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala menyuruh kami supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya yang berhak menerimanya. Dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, Allah menyuruh kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan suruhan-Nya itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar lagi sentiasa melihat."

Kepimpinan dan usaha serta kegigihan baginda itulah yang membawa Negara Brunei Darussalam dikenali dan dihormati di mata dunia. Kepimpinan baginda disertai pula dengan keperibadian yang mulia dengan sifat penyayang terhadap kebajikan dan masalah rakyat baginda, di mana baginda sanggup turun padang menemui rakyat dan melihat sendiri perkembangan dan kemajuan projek-projek kerajaan yang telah diusahakan dan sedang diusahakan.

Sebagaimana yang kita sama-sama maklum bahawa baginda telah menaiki takhta memerintah negara selama 40 tahun. Sesungguhnya tempoh 40 tahun itu bukanlah satu jangka masa yang pendek. Semenjak baginda menaiki takhta pada tahun 1967, negara telah mengalami perubahan yang banyak dari hasil usaha baginda dalam menaikkan taraf negara untuk mampu bersaing dengan negara-negara yang membangun dan maju sehingga menjadikan Negara Brunei Darussalam dapat bersaing dengan negara-negara lain di dunia ini.

Berkat kepimpinan dan daulat baginda, Negara Brunei Darussalam juga telah dikenali sebagai sebuah negara Islam yang aman damai dan mempunyai kestabilan politik serta ekonomi yang kukuh dan mantap, menarik hati negara-negara luar bagaimana hal ehwal agama Islam telah begitu berkembang dan maju dapat menjadi contoh kepada orang lain. Dari segi perkembangan agama, ianya sangat menonjol, dapat dilihat dalam semua bidang, termasuk bidang pendidikan agama, bidang kebajikan dan sosial serta amalan-amalan beragama yang sangat terjaga dan tersusun. Telah banyak kemajuan-kemajuan yang dicapai dan dinikmati oleh rakyat dan penduduk di negara ini dalam berbagai bidang, baik dalam bidang agama, ekonomi, pendidikan, kesihatan dan sebagainya.

Dari segi pendidikan agama, umpamanya dari hanya tiga orang yang berijazah pada mula-mula tahun 1967 iaitu tahun bermulanya pemerintahan baginda maka sekarang ini ada sejumlah lebih 500 orang rakyat Brunei yang telah keluar dari pusat pengajian tinggi yang telah berkhidmat dan sedang berkhidmat dalam bidang-bidang perkhidmatan berbagai-bagai di negara kita ini. Institusi-institusi pendidikan tinggi, sekolah-sekolah menengah dan rendah di seluruh negara telah dibina dengan banyaknya dan pendidikan itu diberikan kepada rakyat secara percuma. Perkembangan pendidikan bertambah lagi dengan tertubuhnya sebuah Pusat Pengajian Tinggi Islam iaitu Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan menaikkan taraf Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan menjadi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, di samping Universiti Brunei Darussalam yang telah sedia ada, di mana Universiti Brunei Darussalam sejak mula ia ditubuhkan sehingga sekarang telah pun berjaya menghasilkan para graduan seramai 10,728 orang.

Dalam bidang kesihatan pula, negara kita telah mencapai perkembangan yang amat menggalakkan yang mana negara kita telah pun mempunyai seramai 185 orang doktor tempatan sama ada yang berkhidmat dengan kerajaan mahupun swasta. Rakyat dan penduduk di negara ini juga sangat beruntung kerana dapat menikmati perkhidmatan kesihatan yang baik dan percuma.

Mereka yang kita sebutkan tadi dengan mempunyai kelulusan di berbagai bidang, tidak syak lagi telah

menaikkan bentuk masyarakat yang berpendidikan dan maju membawa negara ke hadapan menghadapi cabaran zaman yang sentiasa berubah-ubah. Mereka adalah menjadi tulang belakang pembangunan bangsa dan menjadi pendukung kepada kerajaan dalam usaha untuk menjadi bangsa yang maju dan mulia di arena antarabangsa.

Memandangkan begitu banyak jasa baginda yang telah kita nikmati, sudah tentu kita selaku rakyat tidak akan mampu membalas kesemua jasa baginda itu, tetapi kita tetap mendoakan baginda sepanjang masa. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala akan dapat membalas jasa-jasa baginda terhadap rakyat dan penduduk di negara ini.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

"Dari Ibnu Umar berkata : Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Siapa menghulurkan kepadamu suatu kebaikan maka balaslah dia. Jika kamu tidak mampu membalasnya maka hendaklah kamu mendoakannya." (Hadis riwayat Al-Imam At-Tabharani).

Dalam sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam disebutkan maksudnya:

"Dari A'uf bin Maik, dari Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sebaik-baik pemimpin kamu ialah yang kamu kasih mereka dan mereka mengasihimu kamu dan mereka mendoakan kamu

dan kamu mendoakan mereka." (Hadis riwayat Al-Imam Muslim).

Oleh itu, kita selaku rakyat sepatutnya kita menumpahkan perasaan taat setia yang tidak berbelah bahagi serta memberikan sokongan dan dukungan yang padu ke arah usaha baginda yang murni itu.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya:

"Dari Abi Hurairah Radiallahu anhu, dari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam Baginda bersabda: Barangsiapa taat kepadaku, maka sesungguhnya ia telah taat kepada Allah dan barangsiapa menderhakaiku, sesungguhnya ia telah menderhaka kepada Allah, barangsiapa taat kepada raja atau pemimpin, maka sesungguhnya ia telah menta'atiku dan barangsiapa menderhaka kepada raja atau pemimpin maka sesungguhnya ia telah menderhaka kepadaku." (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).


Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

"Dari Abdullah Radiallahu anhu, dari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Mendengar dan taat kepada ketua adalah menjadi kewajiban ke atas orang Islam sama ada yang disukainya dan yang tidak disukainya selagi ia tidak diperintahkan untuk membuat sesuatu maksiat, maka jika ia diperintahkan untuk membuat sesuatu maksiat, tiadalah boleh mendengar dan taat." (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Marilah kita menjadi manusia yang sentiasa taat dan patuh kepada Allah dan Rasul-Nya dan Uliamri dan marilah kita berdoa semoga Allah melanjutkan usia baginda dan akan kekal karar memerintah negara ini dengan adil dan saksama di bawah perlindungan dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An Nisaa' ayat 59, tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul dan kepada Uliamri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah berselisihan dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada kitab Allah (Al-Qur'an) dan sunah rasul-Nya jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik bagi kamu dan lebih elok pula kesudahannya."



Kedaulatan negara sentiasa terpelihara di bawah kepimpinan bijaksana

وقت سمبهيڭ، امساک، شوروڤ دان ضحی

وقت ۲ سمبهيڭ، امساک، شوروڤ دان ضحی باکي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 28 رمضان، 1428 برسامان دغن

10 اؤکتوبر، 2007 هيڭگ کهاري ثلاث، 4 شوال، 1428 برسامان دغن 16 اؤکتوبر، 2007 اداله سفرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	شوروڤ	ضحی	مسيحي
رمضان									
28	12.09	3.24	6.09	7.18	4.40	4.50	6.06	6.29	اؤکتوبر
29	12.09	3.24	6.09	7.18	4.39	4.49	6.06	6.29	10
30	12.09	3.24	6.08	7.18	4.39	4.49	6.06	6.29	11
شوال									
1	12.08	3.24	6.08	7.17	4.39	4.49	6.05	6.29	12
2	12.08	3.24	6.08	7.17	4.39	4.49	6.05	6.29	13
3	12.08	3.24	6.07	7.17	4.39	4.49	6.05	6.29	14
4	12.08	3.24	6.07	7.17	4.38	4.48	6.05	6.29	15
									16

وقت ۲ سمبهيڭ باکي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبهيڭ فرض جمعة دسلوره نكارا بروني

دارالسلام دمولاوي دري فوکل 12.45 تڦهاري.

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

6. MEMBAKAR BINATANG

MEMBUNUH binatang dengan cara membakarnya sama ada yang boleh dimakan atau tidak adalah dilarang dan berdosa besar. 'Abdullah bin Mas'ud Radiallahuanhu meriwayatkan dengan berkata yang maksudnya:

"Dan Baginda melihat sarang semut yang telah kami bakar. Maka Baginda bersabda: "Siapa membakar ini?" Kami menjawab: "Kami." Baginda bersabda: "Sesungguhnya tidak seharusnya diazab dengan api melainkan oleh Tuhan Pemilik api itu (iaitu Allah Subhanahu Wata'ala)." (Hadis riwayat Abu Daud).

7. MEMBUNUH UNTUK DIPERSIA-SIA

Membunuh binatang dengan tujuan mensiasikannya dan bukannya untuk dimanfaatkannya adalah satu penganiayaan. Asy-Syarid Radiallahuanhu meriwayatkan sebuah hadis mengenai hal ini dengan berkata yang maksudnya:

"Aku telah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Sesiapa yang membunuh burung untuk dipersia-sia, ia (burung) mengadu (dengan suara yang kuat) kepada Allah 'azza wa jalla di hari akhirat, dengan katanya: "Wahai Tuhan! Sesungguhnya si polan telah membunuhku untuk dipersia-sia dan dia tidak membunuhku untuk tujuan dimanfaatkan." (Hadis riwayat An-Nasa'ie).

8. MENJADIKAN SEBAGAI SASARAN

Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam melaknat mereka yang menjadikan binatang sebagai sasaran sama ada dengan melontarnya, memanahnya, menembaknya, melastiknya atau sebagainya. Perkara ini disebut dalam hadis yang diriwayatkan oleh Sa'id bin Jubair di mana Ibnu 'Umar pernah menegur budak-budak yang melontar burung yang dijadikan sebagai sasaran dengan berkata yang maksudnya:

AWAS MENYEKSA BINATANG MENEMPAH NERAKA

"Siapa melakukan ini, Allah melaknat siapa yang melakukan ini. Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melaknat sesiapa yang menjadikan sesuatu yang bernyawa sebagai sasaran." (Hadis riwayat Muslim).

Sesungguhnya sifat belas kasihan dan rahmat itu adalah antara beberapa tuntutan dalam agama Islam. Sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh 'Abdullah bin 'Umar Radiallahuanhuma yang maksudnya:

"Orang-orang yang bersifat rahmat dan belas kasihan, mereka itu dirahmati oleh Tuhan Ar-Rahman, maka hendaklah kamu bersifat rahmat kepada penduduk-

penduduk bumi, nescaya kamu akan dirahmati oleh siapa yang berada di langit. (Hadis riwayat Abu Daud).

Sesiapa yang melakukan belas kasihan atau berlaku rahmat, sekalipun kepada binatang bukan saja Allah menerima amalnya itu, bahkan Allah akan mengampuni dosanya sebagaimana hal ini disebut oleh Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dalam suatu peristiwa yang maksudnya:

"Ada seorang laki-laki sedang berjalan, merasa sangat kehausan, lalu dia pun turun ke dalam telaga dan minum dari telaga itu, kemudian dia keluar, tiba-tiba dia melihat seekor anjing terjulur-



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

Bilangan 266
Bahagian Akhir

julur lidahnya (sambil) menjilat tanah basah kerana kehausan. Orang itu berkata demi sesungguhnya telah sampai keadaannya seperti keadaanku, lalu dia (turun untuk) mengisi sepatunya (dengan air) dan dipegangnya dengan mulutnya, kemudian dia naik ke atas dan memberi minum anjing itu. Maka Allah Taala menerima dan memuji di atas budinya dan ihsannya itu dengan mengampunkan dosa-dosanya.

Lalu sahabat-sahabat yang ada di situ bertanya: "Adakah kita mendapat pahala berbuat baik kepada binatang-binatang?"

Baginda bersabda: "Berbuat baik kepada tiap-tiap hati yang hidup itu (yang bernyawa) diberi pahala." (Hadis riwayat Al-Bukhari).

Oleh itu, janganlah menganiaya, menyeksa dan menzalimi binatang atau tidak ada belas kasihan terhadapnya. Melakukan penganiayaan, penyeksaan dan kezaliman terhadap binatang bukan hanya menjauhkan kita daripada rahmat Allah Subhanahu Wata'ala bahkan boleh mengundang azab di akhirat kelak.

Wallahu'alam

HINDARI PEMBAZIRAN

RAMADAN sudahpun ke penghujungnya dan tidak lama lagi umat Islam bakal menyambut Aidilfitri. Kini umat Islam sibuk membuat pelbagai persiapan untuk menyambut ketibaan bulan Syawal dan seterusnya menyambut Aidilfitri namun harus diingat janganlah kita lalai dan leka sehingga melanggar etika berbelanja sebagaimana yang dituntut oleh Islam.

Dalam kita berbelanja amalan boros dan membazir ini hendaklah kita elakkan. Perbuatan ini amat dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala sehinggakan Allah menganggap seorang pemboros itu adalah saudara syaitan. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Israa' ayat 27, yang maksudnya:

"Sesungguhnya orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya."

Gambaran yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala terhadap orang yang melakukan pembaziran dalam ayat ini amat tegas kerana syaitan itu adalah makhluk yang paling ingkar terhadap perintah Allah.

Membelanjakan wang ringgit untuk membeli secara berlebihan atau membeli sesuatu yang boleh membawa kemudaratan seperti mercun dan bunga api adalah salah di sisi agama.

Pemborosan yang sering dilakukan ketika membuat persiapan menyambut Aidilfitri adalah dari aspek pakaian iaitu dengan membeli atau menempah pakaian yang berlebih-lebihan. Meskipun ia adalah hak bagi mereka yang mampu, tetapi pada hakikatnya Islam memandang

perkara ini sebagai suatu pemborosan melampau yang membawa kepada pembaziran. Bahkan ia telah melebihi had kecukupan atau keperluan seseorang.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam walaupun menggalakkan kita berpakaian baru dan cantik pada Aidilfitri, namun janganlah sampai terlalu boros sehinggakan membawa kepada pembaziran. Baginda sendiri melarang amalan pembaziran dan tidak pernah melakukan sesuatu perbelanjaan yang melampaui batas.

Pemborosan juga berlaku dalam pembelian peralatan dan perhiasan rumah. Tidak salah jika kita ingin menukar perhiasan baru di Aidilfitri, namun tidaklah perlu dilakukan setiap tahun. Ini kerana Aidilfitri adalah suatu masa untuk


mengeratkan hubungan silatur rahim dan yang paling penting ialah layanan mesra sewaktu menerima tetamu.

Kita perlu sedar bahawa Ramadan yang telah dilalui ini banyak mendidik kita agar sentiasa berjimat cermat dalam berbelanja. Berbekalkan didikan yang kita terima dalam bulan Ramadan ini, kita manfaatkannya untuk kehidupan kita sehari-hari.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Furqaan ayat 67 yang maksudnya:

"Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara

PEMBOROSAN juga berlaku dalam pembelian peralatan dan perhiasan rumah. Tidak salah jika kita ingin menukar perhiasan baru di Aidilfitri, namun tidaklah perlu dilakukan setiap tahun. Ini kerana Aidilfitri adalah suatu masa untuk mengeratkan hubungan silaturrahim dan yang paling penting ialah layanan mesra sewaktu menerima tetamu.



Menuju Keredaan Allah

كلوان ثوسة دعوه اسلاميه

(boros dan bakhil itu)."

Berpandukan kepada ayat Al-Qur'an di atas, Islam tidak melarang umatnya berbelanja, tetapi mengajarkan umatnya cara berbelanja yang betul, iaitu bersederhana dalam berbelanja.

Ketika berbelanja menyambut Aidilfitri, kita juga seharusnya mengenangkan nasib saudara seagama, yang menyambut Aidilfitri dalam serba kekurangan. Mereka juga inginkan kegembiraan seperti orang lain. Oleh itu alangkah baiknya jika kita meninggalkan amalan pemborosan yang keji itu dengan menggalakkan amalan kebajikan seperti bersedekah. Sedikit bantuan atau sumbangan yang kita hulurkan kepada golongan yang kurang bermasib baik, disediakan ganjaran pahala di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Ada baiknya pengisian di Aidilfitri itu dengan gema takbir, tidak bermakna takbir itu semata-mata untuk memeriahkan suasana tetapi lebih dari itu, ianya lebih bersifat untuk melahirkan rasa kesyukuran dan mengagungkan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Kemeriahan Hari Raya di sana sini

HARI RAYA merupakan satu sambutan yang melambangkan kejayaan dan kebanggaan umat Islam setelah sebulan menunaikan ibadah puasa di bulan Ramadan. Sambutan Hari Raya juga melambangkan perpaduan sesama manusia dan penghubung bagi mengeratkan tali silaturahmi di antara keluarga, sanak saudara dan sahabat handai sama ada yang jauh mahupun yang dekat. Di hari yang mulia ini juga, kaum muslimin dan muslimat mengambil peluang untuk saling bermaaf-maafan di atas kesalahan yang telah dilakukan sama ada yang sedar atau tidak.

Pada dahulu kala sebelum menjelang hari raya, kad ucapan Selamat Hari Raya memainkan peranan penting dalam mengeratkan perhubungan dari seorang individu ke individu yang lain, terutama sekali sanak saudara dan sahabat handai yang berada jauh di seberang laut. Kad ucapan ini mengandungi mesej-mesej seperti memohon kemaafan bagi kesalahan atau kekasaran yang telah dilakukan di sepanjang perhubungan dan juga sebagai pengganti diri untuk menjemput mereka untuk bertandang ke rumah pada hari raya nanti. Apabila, si penerima mendapat kad tersebut, kemeriahan hari raya pasti dirasa.

Kemeriahan hari raya juga dapat dirasakan apabila menjelang hari raya pertama. Selalunya, kaum keluarga akan merayakan hari raya pertama dengan mengadakan rumah terbuka. Pada waktu inilah mereka akan bergotong-royong membuat persiapan seperti bagi kaum lelaki akan menghias halaman luar dan dalam rumah, manakala kaum perempuan pula sibuk menyediakan pelbagai jenis juadah yang akan dihidangkan untuk tetamu yang akan datang berkunjung. Pada detik inilah, kemeriahan hari raya dapat dirasakan secara kemuncak.

Namun pada masa ini, kemeriahan tersebut telah pun berkurangan disebabkan faktor-faktor tertentu. Contohnya, kad ucapan yang dulunya dihantar kini ditukar ganti kepada sistem pesanan ringkas (SMS) atau melalui pesanan elektronik (emel). Kemeriahan hari raya yang dulunya disaluti dengan konsep 'maaf zahir dan batin' kini semakin kurang dirasakan kerana adakalanya mesej-mesej kemaafan melalui SMS dan 'emel' itu dibuat secara automatik dan bukan dari ketulusan hati si penghantar.

Tubai gotong-royong di antara kaum keluarga juga jarang lagi diamalkan kerana mereka kini lebih senang menyediakan juadah rumah terbuka daripada khidmat katering. Lebih-lebih lagi, di zaman yang tiada sempadan ini, manusia lebih mementingkan karier mereka. Menjelang hari raya, mereka hanya menyambut hari raya dalam masa kurang lebih tiga hari sahaja dan waktu selebihnya diutamakan untuk waktu bekerja.

Kesimpulannya, sambutan hari raya pada masa ini memang semakin kurang meriah. Sambutan hari raya hanya disambut dengan bersahaja. Konsep hari raya, iaitu hari mengeratkan silaturahmi dan hari kemaafan semakin kurang dipraktikkan.

Ema Sa'datul Iza binti Haji Emran,
No. 1, Simpang 326, Kampong Bangsingong,
Mukim Keriam, TB 1141.
No. k/p : 00-295306.

**TAJUK-TAJUK MINDA
PEMBACA AKAN DATANG**

1. 'Masyarakat Perlu Berjimat Menggunakan Tenaga'. Tarikh tutup 17 Oktober 2007.
2. 'Pengeluaran Produk Jenama Halal Buka Peluang Kepada Peniaga Tempatan'. Tarikh tutup 21 Oktober 2007.
3. 'Pembangunan Sumber Manusia Penting Dalam Organisasi'. Tarikh tutup 28 Oktober 2007.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam,
jaafar.ibrahim @ information.gov.bn.
e-mel: pelita@brunet.bn

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Hayati Falsafah Sambutan Aidilfitri'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Aidilfitri eratkan silaturahmi

SETELAH sebulan menjalani ibadah puasa Ramadan kita umat Islam akan menyambut hari kemenangan di bulan Syawal. Di bulan ini, umat Islam akan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang hanya datang sekali dalam setahun iaitu hari untuk umat Islam bermaaf-maafan, yang jauh berkunjung-kunjungan, yang dekat berkirim salam, di samping menyambut hari kemenangan kerana telah berpuasa serta melakukan ibadah di bulan Ramadan.

Seperti bulan Ramadan yang hanya datang sekali dalam setahun, begitu juga dengan bulan Syawal, kita akan menyambut Hari Raya Aidilfitri sekali dalam setahun. Oleh itu ada baiknya untuk kita menyambut hari itu dengan penuh meriah tetapi dengan bersederhana.

Apa yang dimaksudkan di sini ialah, jika kita tinjau di sekeliling, ada sesetengah mereka akan membazirkan wang ketika menyambut Aidilfitri. Jika dilihat dengan mata kasar, kita boleh menilai mereka yang seperti ini ibarat menyambut aidilfitri adalah untuk menunjuk-nunjukkan harta atau kemampuan mereka seperti membeli peralatan atau perabot baru apabila menjelang sambutan Aidilfitri walaupun peralatan atau perabot lama masih boleh dipakai.

Sedangkan dalam Islam digalakkan menyambut Aidilfitri dengan sederhana saja. Bukankah ini satu pembaziran dan akhirnya akan merugikan diri sendiri.

Untuk memeriahkan lagi suasana Aidilfitri, ada sesetengah mereka akan menyambut rumah terbuka (open house). Aktiviti seperti ini akan mengeratkan lagi silaturahmi persaudaraan di mana sanak saudara akan berkumpul, yang jauh akan berkunjung-kunjungan sekali gus dapat bermaaf-maafan di antara satu dengan yang lain.

Oleh itu, ketahuilah bahawa Aidilfitri adalah untuk mengeratkan lagi silaturahmi, bermaaf-maafan bukannya untuk membazirkan wang dengan menukar barang lama kepada yang baru.

Arif Billah bin Haji Mohd. Safar,
No. 20 Simpang 14-6, Jalan 'C',
Kampong Perpindahan Mentiri, BU2129.
No. k/p : 01-069415.

Kunjung-mengunjungi terus diamalkan

MENJELANG 1 Syawal, umat Islam di seluruh dunia akan meraikan Hari Raya Aidilfitri. Agama Islam menyeru umatnya supaya memuliakan dan mengagungkan hari kebesaran Islam tersebut. Hari Raya Aidilfitri merupakan hari kemenangan bagi umat Islam setelah sebulan mengerjakan ibadah puasa di bulan Ramadan yang diselubungi dengan keberkatan.

Namun dewasa ini, sambutan Hari Raya Aidilfitri di Negara Brunei Darussalam tidak semeriah sambutan pada zaman dahulu. Terdapat beberapa faktor yang mendorong atau menyebabkan sambutan itu berbeza. Pertama, tanggungjawab terhadap karier (pekerjaan) sehinggalah ada segelintir yang tidak dapat beraya bersama keluarga disebabkan

tugasan. Jika sebelumnya, kebanyakan individu bekerja sendiri atau tidak banyak yang bekerja di sektor kerajaan mahupun swasta. Ini ditambah lagi dengan cuti awam yang singkat dan kanak-kanak terpaksa menghadiri sesi persekolahan mereka.

Kedua, hubungan bedangsanak yang sudah semakin jauh. Ini boleh dihubungkan dengan faktor kedudukan atau lokasi kediaman. Dahulu, hubungan kekerabatan amat intim disebabkan tempat tinggal yang berdekatan. Namun pada masa ini, kepesatan pembangunan dan kemajuan dalam bidang perumahan terutama di kawasan darat telah mengakibatkan hubungan tersebut tidak semesa berbanding sebelumnya.

Ketiga, penekanan terhadap penghayatan mahupun pengalaman berbudaya sudah semakin berkurangan. Dalam konteks ini, kita mengakui ada budaya yang semakin berkembang malah ada yang telah mengalami kemajuan dan tidak ketinggalan juga yang sudah pupus, namun penghayatan dalam menjiwai nilai-nilai yang ada tersemat pada setiap budaya itu adalah tidak kesampaian. Ini turut dirangsang dengan pencedokan atau pengasimiliasian dengan budaya asing yang kurang sehati dengan budaya setempat.

Apa pun, Hari Raya Aidilfitri akan terus diraikan dan dimulakan. Ini dapat dibuktikan bilamana penglibatan semua bangsa termasuk yang bukan beragama Islam turut serta menghangatkan

lagi suasana sambutan Hari Raya. Sambutan hari raya pada kebelakangan ini lebih bersifat kesederhanaan dengan tidak mengeneipkan tujuan utama untuk memohon keampunan di antara sesama insan. Uniknyanya di hari raya apabila budaya kunjung-mengunjungi terus diamalkan dan diselenggarakan dengan undangan 'open house'. Dengan itu suasana lebaran dapat diraikan dengan penuh kegembiraan dan keinsafan.

Muhammad Aliyusni bin Haji Damit,
No. 53, Simpang 413, Jalan Pengkalan Sibau,
Mentiri, BU 2529.
No. k/p : 00-294286.

'OPEN HOUSE' SEMAKIN JADI TRADISI

UMAT Islam di Negara Brunei Darussalam akan menyambut Hari Raya Aidilfitri tidak beberapa lama lagi. Setiap keluarga sesebuah rumah tentu sekali telah membuat persiapan untuk menyambut ketibaan hari lebaran itu dengan meriahnya. Sebelum itu, kita berkewajipan mengeluarkan zakat fitrah ke atas diri kita dan keluarga kita. Kita juga disunatkan bersembahyang Hari Raya bersama kaum Muslimin yang lainnya. Setiap individu merasakan kegembiraan dan keseronokan menyambut hari raya kerana ia merupakan anugerah daripada Allah setelah berpuasa selama 30 hari.

Sudah menjadi satu tradisi bagi setiap rumah mengalu-alukan kedatangan tetamu berhari raya. Bagaimanapun dalam beberapa tahun ini, sambutan Hari Raya semakin kurang meriah dirasakan. Kenyataan ini mungkin ada kebenarannya.

Kalau dahulu, kehidupan orang-orang Brunei tinggal dalam satu kelompok atau perkampungan terutama mereka yang mempunyai sanak saudara yang ramai. Di situ, jalinan silaturahmi dan kemesraan terhadap kekeluargaan itu lebih akrab. Keadaan ini telah berubah setelah mereka berpindah ke rumah-rumah persendirian dan rumah-rumah perpindahan. Semangat persaudaraan sudah semakin berkurangan malah pudar. Sekarang, untuk berkunjung ke rumah-rumah yang berdekatan dengan mereka terasa segan dan takut-takut tidak dilayan kerana kita tidak mengenali mereka.

Selain itu, keadaan persekitaran yang selamat menyebabkan para ibu bapa takut melepaskan anak-anak mereka berhari raya dengan bebas tanpa kawalan oleh orang yang lebih dewasa. Para ibu bapa khuatir jika berlaku sesuatu kemalangan, kecederaan, kehilangan dan sebagainya ke atas anak-anak mereka.

Beberapa tahun ini juga didapati waktu berhari raya sering bertembung dengan jualan peperiksaan anak-anak mereka baik di peringkat sekolah rendah dan menengah. Para ibu bapa tentu sekali mementingkan pembelajaran anak-anak mereka untuk kejayaan masa depan, makanya soal berhari raya dikesepikan dahulu.

Terdapat juga sesetengah individu menentukan satu khusus mengadakan rumah terbuka (open house) untuk menerima tetamu berhari raya ke rumah mereka. Kalau dulu, kita mengalu-alukan kunjungan para tetamu ke rumah kita pada bila-bila masa walaupun kita tidak kenal siapa mereka.

Siti Umurah binti Mohamad,
No. 42 Simpang 262, Kampong Perpindahan Lambak Kanan, Jalan Berakas.

REMAJA

JANGAN ABAIKAN RAMADAN

OLEH : H. A. MANAP

SAYA mengajak diri saya dan remaja belia semua untuk berkira-kira, sejauh mana sudah kita berhasil menghabiskan bulan Ramadan yang penuh dengan keberkatan ini. Apakah sudah kita merasakan kemanisan dan kelazatan beribadat di suasana bulan yang amat berharga dalam kehidupan kita ini. Sejahtera mana sudah kita mengisikikan Ramadan ini? Mudah-mudahan kita tergolong ke dalam golongan orang-orang yang tidak rugi di kala mana masih ada lagi remaja belia yang lalai dan leka tanpa mengetahui bahawa Ramadan sedang bergerak meninggalkan kita dengan pantas. Remaja belia perlu melihat suasana Ramadan sebagai bulan pengisian diri yang sangat penting. Ia perlu didakap erat dan dijadikan sebagai pemangkin yang akan memperkuatkan diri. Sebagai generasi remaja belia Muslim kita mempunyai tanggungjawab untuk mengisikikan diri kita dengan bekalan dan pendidikan diri yang berteraskan keislaman sejati. Kesibukkan Ramadan dengan pelbagai aktiviti keagamaan perlu dijadikan sebagai asas untuk memperkuatkan diri.

Tidak terasa kepada kita sekarang berada di penghujung bulan Ramadan dan insya-Allah dalam sedikit waktu lagi sampailah kita ke akhirnya. Mudah-mudahan pada sepuluh malam akhir yang lalu kita memperoleh berkat dan tergolong ke dalam orang yang beruntung. Pada penghujung Ramadan ini ada di dalamnya terdapat satu malam yang dinamakan Malam Lailatulqadar, malam yang lebih baik dari seribu bulan. Rasanya memang ramai dari kalangan kita berusaha bersungguh-sungguh melakukan pencarian malam yang penuh dengan keberkatan ini. Sejak mula melangkah ke gerbang Ramadan, usaha meningkatkan peribadatan dan mengadakan usaha bagi meraih sebanyak pahala yang dijanjikan di bulan ini giat diungkapkan.

KEBERKATAN

Bulan Ramadan adalah merupakan bulan yang dijadikan sebagai asas kepada peningkatan diri dari pelbagai aspek. Ianya sangat menyeluruh yang bukan sahaja terhad kepada bidang peribadatan akan tetapi menyangkut pelbagai persoalan kehidupan kita. Justeru menjadikan Ramadan sebagai pemangkin ke arah peningkatan kualiti diri adalah merupakan ketika yang amat bertepatan untuk dilakukan. Ramadan juga dapat dijadikan sebagai asas membina keteguhan diri, yang boleh mendorong seseorang itu untuk bersikap aktif dan dinamik. Hal ini akan lebih lagi baik sahaja menjelangnya sepuluh malam yang akhir. Kerugianlah bagi mereka yang tidak mahu menggunakan kesempatan yang ada ini sebagai asas untuk membina dan meningkatkan kualiti diri.

Ramadan itu sendiri banyak mempunyai nilai dan kesan yang besar, yang dapat dijadikan sebagai resepi dalam membina kehidupan yang berkualiti. Sabar, amanah, dedikasi, kuat beribadat, bulan untuk memperbanyak sedekah dan bermacam-macam lagi keseluruhannya menjerus ke arah pembentukan nilai diri yang sangat bermakna. Kesabaran dalam berlajar dahaga

jasel mengajar kita untuk mengharungi kehidupan yang dipenuhi ujian ini dengan penuh kesabaran dan ketelitian. Puasa di bulan Ramadan ini juga adalah merupakan penyucian jiwa, peninggian semangat mengajarkan kepada manusia bagaimana mengangkat diri dari darjat rendah yang kehendaknya hanya memenuhi perut makan dan minum, mengajarkan kepada manusia bagaimana meninggikan diri mereka sampai ke darjat yang menjadikan kita dekat kepada Allah, ibadah, dan takwa kepadanya sebagai makanan bagi roh.

TARBIYAH KEHIDUPAN

Puasa mendidik untuk membiasakan sifat sabar, mengekang hawa nafsu, membiasakan untuk menanggung beban berat dan tabah dalam menghadapi liku-liku kehidupan. Puasa juga dapat menghasilkan penumbuhan keutamaan sifat amanah dan ikhlas dalam berbuat; beribadat hanya kerana Allah, bukan kerana mengharapkan pujian dan mencari hal lain. Melalui puasa di bulan Ramadan inilah juga kita akan terlepas dari jerat kenikmatan dan keasyikan dunia, puasa Ramadan mengajar kita untuk menjernihkan jiwa dari noda-noda dunia dan godaan-godaannya. Ramai yang merasakan bahawa setiap Ramadan tiba ia bukan sahaja bulan yang dihiasi dengan kepadatan beribadat akan tetapi tuntutan nafsu terhadap kehendak duniawi juga dapat dikurangkan dan dikekang. Ini wujud lantaran sikap dan pengasuhan yang terhasil dari bulan yang penuh keberkatan ini sangat indah dirasakan. Ikatan silaturrahim juga meningkat dengan adanya pertemuan dan suasana meriah ketika bersama-sama menunaikan ibadah Sembahyang Tarawih dan Bertadarus di masjid-masjid. Inilah semangat yang tinggi dan inilah kebijaksanaan-kebijaksanaan yang mengagumkan. Inilah sebenarnya keberkatan yang ada di bulan Ramadan. Hal ini telah tunjukkan dalam Al-Qur'an dalam ayat puasa dengan mafhum firman Allah yang kira-kira bermaksud:

"... agar kamu menjadi orang yang bertakwa" (QS. Al-Baqarah/2:183). Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga menunjukkan hal senada dalam sabdanya: "Puasa adalah benteng".

Mudah-mudahan dengan adanya usaha gigih dan kesedaran meningkatkan dalam menunaikan ibadat ini akan menjadikan kita tergolong ke dalam golongan orang-orang yang bertakwa, Amin ... Inilah tarbiyah insani yang amat berkesan.

Ini perlu menjadi pakaian generasi belia remaja kita. Justeru kalangan remaja belia perlu menyertai jemaah lain untuk berada di masjid-masjid berikhtif dan bersama-sama menelaah dan membaca Al-Qur'an dengan sebanyak-banyaknya mudah-mudahan dengan cara ini akan dapat membantu kita semua mengisikikan diri kita dengan suatu pengisian yang akan mendapat jaminan Allah dunia dan akhirat nanti. Keseronokan-keseronokan yang ada di sekeliling kita perlu dilihat

dengan lebih objektif lagi, supaya kita tidak mudah terjerumus ke lembah kelalaian dan kealpaan. Perkembangan kehidupan masa kini diadun dengan kemudahan-kemudahan yang menghiburkan dan melalaikan menambahkan kerumitan untuk remaja belia 'ambak' dari kebiasaan yang sedia ada dan ada kalanya merugikan.

SEMPURNAKAN PENGISIAN RAMADAN

Hati-hatilah bulan Ramadan pengisiannya jangan disalahtakrifkan iaitu di bulan ini boleh disalahgunakan dengan pengisian lepak tidak tentu arah, mundar-mandir hingga lewat malam, berhibur dengan pelbagai cara dan banyak lagi, semata-mata untuk memesonkan remaja belia dari mengisikikan waktu sebegini dengan lebih berguna dan bermanfaat. Ini akan ditambah lagi kelalaian untuk bersiap menyambut penghujung Ramadan bagi kedatangan bulan seterusnya dengan cara lain di saat sebahagian orang lain berlumba-lumba dan berusaha mencari-cari malam yang penuh dengan keberkatan yang hanya ada di dalam bulan Ramadan iaitu Lailatulqadar. Mahukah kita berterusan lalai dan membiarkan diri kita kosong dengan tarbiyah yang menguntungkan. Tentunya ini adalah merupakan faktor yang memang jarang mahu disentuh oleh remaja belia. Hanya mereka yang dididik dengan pembentukan peribadi dan suasana sekeliling yang merangsang ke arah pendekatan diri kepada Allah sahajalah yang boleh kita lihat dapat mencerminkan pengisian diri yang lebih bermakna.

Pengajaran yang terdapat di bulan Ramadan terlalu besar untuk kita ambil iktibar. Menahan diri dari makan dan minum, dari sesuatu yang boleh membatalkan puasa, menahan diri dari sesuatu yang merosakkannya dan banyak lagi adalah merupakan proses pembentukan diri ke arah suatu penghasilan yang akan mewujudkan kekuatan dan keteguhan pendirian. Meskipun ianya dalam tempoh dan ketika yang tertentu untuk dilalui ianya cukup manis untuk dijadikan sebagai latihan diri yang boleh menghasilkan pelbagai kemahiran. Cuba kita perhatikan apabila di bulan ini sahajalah adanya suasana menahan diri. Menahan diri dalam konteks dari makan minum, yang menjadi tegahan dan larangan semasa berpuasa, menahan diri dari perkara yang tidak berpatutan dan banyak lagi adalah merupakan cara dan satu metodologi yang boleh melahirkan seorang insan yang berwibawa dan berkualiti tinggi.

Puasa membangkitkan kekuatan hati, ketakwaan hati, juga ketundukan kepada Allah semata. Puasa memadamkan beban-beban jiwa, seperti dengki, dendam, ego, angkuh dan sombong menjaga jiwa dari tergelincir bersama hawa nafsu, dari kecenderungan memaksa dan sewenang-wenang, juga melindungi jiwa dari kekejian, tindakan yang tidak baik dan bersusila. Benar, puasa adalah sebaik-baik pendidik bagi manusia melalui hati yang jernih dan ikhlas dalam berbuat, juga melalui kesungguhan, kemantapan dan kuatnya niat. Keutamaan-keutamaan ini, semuanya adalah sumber kebaikan dan dasar dari sifat-sifat terpuji. Seseorang yang menge-

kang dirinya sepanjang hari dari kebiasaan-kebiasaannya, seperti makan dan minum dan dari keinginan-keinginan syahwat seperti kenikmatan yang dihalalkan oleh Allah pada saat-saat selain puasa, maka barangsiapa mengekang dirinya dari hal-hal halal semacam ini kerana ketaatan kepada Allah mematuhi hukum-hukum Allah, dan bermaksud untuk memperolehinya redha-Nya, tak syak lagi, ia akan mampu menahan dirinya dari hal-hal yang haram. Juga akan mampu menahan dirinya dari segala sesuatu yang dimurkai Allah.

Begitu pula perilakunya dalam masyarakat dan hubungannya dengan orang lain akan dijalani dengan penuh kejujuran, amanah, menaati kesepakatan, menepati janji, tidak berdusta dan tidak suka bertengkar. Ia juga tidak akan menipu dan tiada berkhianat. Malah lebih jauh dari itu ia akan menjauhkan dirinya dari perkara-perkara yang boleh mendorong ke arah mengheret penurunan nilai kualiti diri yang meliputi segala-segalanya. Inilah manfaat-manfaat Ramadan di dalamnya kita menunaikan ibadah puasa yang membimbing ke arah kesihatan tubuh dan jasad yang lebih baik. Puasa bagi orang yang memanfaatkannya adalah pemeliharaan, penjaga kekuatan, pembersih organ-organ tubuh yang akan membawa kepada peningkatan kesihatan yang lebih baik.

BENTENG DIRI

Remaja belia harus menyedari sebagai kelompok yang selalu menjadi sasaran dan mangsa perubahan serta pengaruh, tentu latihan di bulan Ramadan ini dapat dijadikan sebagai utap diri yang kukuh. Pengaruh sosial misalnya seperti gejala dadah, pergaulan bebas, ponteng sekolah, nakal dan banyak lagi mungkin dapat dielakkan dengan mudah kerana dengan adanya latihan diri semasa berpuasa. Seandainya belia remaja sudah memegang jawatan ataupun sudah bekerja, tentu ini akan dapat membantu mempertingkatkan keupayaan untuk melaksanakan tanggungjawab dengan lebih amanah dan kejujuran yang tinggi. Bukankah jika ini terhasil dan diwujudkan dari tarbiyah Ramadan kita akan melahirkan generasi yang bagaikan matahari menyinari alam. Sejarah telah membuktikan di kalangan sahabat Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah terdiri golongan remaja belia yang terbentuk dengan pengisian diri yang mempunyai akidah dan pendirian yang teguh, mereka adalah generasi yang bagaikan matahari menyinari alam. Kekuatan daya fikir mereka, kejernihan hati nurani mereka, kekukuhan akidah mereka dan keberanian mereka mengharungi kehidupan tidak boleh persoalkan dengan mata kasar dan fikiran cetak yang ada pada kita.

Mereka adalah generasi cemerlang yang perlu kita contoh. Kerana nilai yang dihasilkan dari bimbingan dan pengasuhan secara langsung dari Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah bagaikan mutiara yang menghiasi dunia untuk menjadi bekal yang menghiasi perjalanan menuju ke alam akhirat. Inilah sepatutnya yang mesti kita jadikan sebagai contoh untuk pengisian diri dan bulan Ramadan yang kita lalui ini adalah saat dan ketika yang bertepatan untuk melakukannya.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar 794 keluaran 26 September 2007, ialah :

Pedang Tunggal dan Perisai Tunggal.

ALAI PINTAR

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 796

Nama :

Umur :


Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 796,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.



SOALAN ALAI PINTAR 796

1. Apakah nama Alat Kebesaran dan Perhiasan Diraja ini?

Tiada Pemenang bagi Soalan Alai Pintar 796 keluaran 10 Oktober 007

HUJAN renyai-renyai menitis di kepala Rina, rambutnya terurai menyentuh ke bahunya. Rambutnya yang lembut lagi berseri yang sepadan dengan ciri-ciri wajahnya, sepasang mata yang berwarna hitam seolah-olah boleh berbicara, hidung yang mancung dan bibir yang berkilat merah merekah bagai disalut madu lebah. Wanita jelita. Kejelitaan ini lebih terserlah oleh warna kulitnya yang hitam manis itu, hampir-hampir eksotik. 'Si-Hitam Manis', begitulah nama gelarannya.

Wanita jelita seperti dia sepatutnya mempunyai ramai teman lelaki yang ingin merebut untuk memiliki hatinya. Sememangnya, inilah satu hakikat. Tapi, segala gerakan dari lelaki yang berpusu-pusu datang berkenalan untuk menarik hatinya itu ditolaknya. Bukan dia jual mahal. Bukan dia membenci lelaki. Malah, hatinya penuh dengan kekosongan. Tapi, dia sentiasa dihantui oleh perasaan dosa atas pemergian Hassan. Hassan -lelaki yang pernah dicintainya dengan sepenuh hati. Perhubungan mereka berkembang seperti api yang merebak cepat dan sukar dikawal. Dia seorang juruterbang. Perjumpaan mereka adalah secara kebetulan. Mungkin itulah jodoh. Tapi, apakah daya itulah jodoh yang tak kesampaian.

Rina masih ingat peristiwa di saat mereka mula berkenalan. Sungguhpun sudah lebih dari sepuluh tahun kejadian itu, ianya tetap segar di ruangan matanya seakan-akan ianya baru berlaku semalam ...

Rina tersenyum kepada jurujual di sebuah gedung membeli-belah di Orchard Road di Singapura. Dia bercuti dan akan balik ke Brunei keesokan harinya.

"Dua ratus ringgit," jurujual itu berkata sambil membungkus kamera digital itu.
"Baiklah," Rina menyeluk tangannya ke dalam sakunya. Terperanjat sekali dia mendapati dompetnya telah hilang. "Maaf, dompetku telah hilang. Tak jadi aku membeli kamera ini."

Jurujual itu naik radang. "Perempuan sial! Kalau tak ada duit, jangan pura-pura nak beli."

Rina rasa gelisah. Jurujual itu tak patut menjatuhkan air mukanya di khalayak ramai.

"Apa hal?" suara seorang lelaki kedengaran datang dari arah belakang.

Rina menoleh. Matanya bertentangan dengan mata seorang lelaki yang tampan. Dia tersentak.

"Tanya dia. Dia nak beli kamera tapi tak berduit!" jurujual itu berkata.

"Bukan begitu ... dompetku telah hilang."
"Berapa harga kamera ni?" lelaki itu bertanya.

"Dua ratus ringgit."
"Baiklah, biarlah aku saja yang membayarnya."

"Tapi," Rina memandangnya.
"Mengapa menolak? Adakah kau tak sudi menerima bantuanku?"

Rina terpinga-pinga mencari jawapannya.

Lelaki itu tersenyum melihat Rina yang duduk di hadapannya di tepi sebuah meja di sebuah restoran yang cukup romantik suasananya. "Namaku Hassan."

"Namaku Noorina. Bagaimana aku hendak membalas budimu?"

"Bagaimana nak membalas budiku? Bolehkah kau petik bulan dari langit kepada ku? Bolehkah kau jadikan matahari terbit di ufuk barat? Bolehkah kau jadikan ayam jantan bertelur?" Hassan nampaknya serius mukanya.

"Itu senang sekali. Ada yang lebih susah sikit?" Rina memandangnya, wajahnya turut jadi serius.

"Biarlah aku berfikir dahulu. Aku pasti nanti akan timbul lebih banyak idea, dan pasti salah satunya akan lebih susah"

"Aku akan menanti-nantikan ideamu dengan penuh jangkaan."

Mereka saling memandang, lalu bergelak ketawa.

Hassan menahan ketawanya. "Ya, satu idea baru terlintas dalam fikiranku. Bolehkah kau menghulurkan tangan bagi persahabatan yang mesra di antara kita? Hebatkan?"

"Itu memang susah. Tapi aku memang suka pada cabaran. Mengatasi segala rintangan akan membawa kegembiraan kepada ku. Ya, Hassan, aku dengan ini menghulurkan tangan bagi persahabatan di antara kita. Bukankah kau yang mahukan persahabatan yang mesra? Aku memang sudi. Sudikah kau?" Rina lalu menghulurkan tangannya.

Hassan bersalam tangan. "Aku seratus peratus sudi berkawan dengan seorang gadis jelita sepertimu merupakan satu kebanggaan bagiku."

Mereka tertawa lagi.


"Noorina ni orang Singapurakah?"
"Hassan fikir aku ni orang Singapura?"

"Gaya Noorina nampaknya bukan seperti orang Singapura."

"Yah? Jadi, ada tanda di wajahku menunjukkan aku ni

SESAL KEMUDIAN TIDAK BERGUNA

RINA ingat pandangan Hassan yang marah kerana dihampakan dan dikhianati oleh kekasihnya sendiri. Dia tak mengerti mengapa Rina ingin berdusta sehingga dia mendapat hukuman mati. Nyawanya tergadai. Harapannya terletak atas rayuan di Mahkamah Rayuan. Namun, tiga orang Hakim dari Mahkamah Rayuan menolak rayuannya.



Oleh : Sun Tze Yun

bukan orang Singapura? Jadi, aku ni orang mana?"

"Dari cara pertuturan dan perwatakanmu, aku teka kau ni mungkin orang Brunei, betulkah?"

"Pintar sekali. Biarlah aku teka juga. Kau ni ... orang Brunei juga?"

"Awak ni tidak kurang juga pintar." Hassan mengangguk.

Mata Rina terbeliak. "Jadi, kenapa kau di Singapura? Atas dasar kerja ataupun bercuti?"

"Bolehlah dikatakan atas urusan kerja juga."

"Kerja apa?"

"Aku ni seorang Pilot. Singapura adalah salah satu destinasi. Besok, aku akan pulang ke Brunei mengemudikan pesawat kapal terbang RBA."

"Kebetulan besok aku akan pulang ke Brunei, menaiki pesawat kapal terbang RBA."

Begitulah caranya Rina berkenalan dengan Hassan. Rina memberikan nombor telefon bimbunya kepada Hassan. Rina menunggu panggilan Hassan dengan penuh debaran. Sungguhpun tak menghampan, Hassan akhirnya menghubunginya. Mereka keluar makan di Restoran Atrium di Hotel Empire dan menonton wayang di Panggung Empire.

Rina merasa sangat enjoy berdating dengan Hassan. Lelaki yang cakap mempunyai daya tarikan yang begitu kuat sekali. Bukan ketampanannya saja yang memikat hati Rina. Dia juga seorang

peramah dan pandai berjenaka. Rina tidak pernah merasa bosan sedikit pun bersama dengan Hassan. Dia tetap menerangi hidup Rina. Rina telah jatuh hati. Dia telah memperolehi kebahagiaan dalam hidupnya. Perasaan mencintai dan dicintai. Ini bukan sembarangan. Hassan memang lelaki idaman kebanyakan perempuan tapi dia hanya mencintai Rina. Kadangkala Rina ragu-ragu sama ada ini merupakan satu kenyataan kerana ini nampaknya seperti sebuah khayalan. Dia mencubit pipinya. Aduh, sakitnya! Sah! Ini memang kenyataan.

Tapi, Hassan tak dapat sentiasa bersama dengan Rina. Tugasnya memerlukan dia sentiasa keluar negeri. Ini menyebabkan Rina lebih menghargai masa yang mereka ada bersama. Masa yang indah dan berharga yang mereka luangkan. Apabila dia tiada, Rina sentiasa merindui Hassan. Wajahnya yang tampan serta senyuman manisnya sentiasa terbayang di mindanya. Sehingga Rina tak dapat menumpukan sepenuh perhatian di dalam kerjanya. Begitulah lumrah percintaan seperti magik, sungguh mengagumkan. Rina rela disiksa oleh perasaan serba-salah itu. Sememangnya, perasaan itu tak menyenangkan. Namun, apabila Hassan pulang dan bersamanya, semua ini tak penting lagi. Rina tak kisah berapa malam dia tak dapat tidur, membiarkan fikirannya mengembara sejauh-jauhnya, mengenang kan Si jantung hatinya. Apa yang Rina kisah adalah kegembiraan yang tak terfikirkan batasnya yang dialaminya apabila bersama dengan Hassan.

Bak kata 'mencintai bermaksud memiliki.' Kata kata ini memang benar.

Suatu hari, Rina ke rumah Hassan. Apabila Hassan sedang mandi di bilik mandinya, Rina masuk ke biliknya. Perhatiannya tertarik kepada foto seorang perempuan yang cantik di bingkai yang terletak di sebuah meja di sisi katil Hassan. Rina mengamati-amati foto itu. Rasa radang mula membakar di ruangan dadanya. Siapa perempuan ini? Adakah dia teman wanita Hassan? Adakah Hassan berjumpa dengan perempuan itu di belakangnya? Lelaki yang miang! Lelaki yang tidak jujur! Lelaki yang sial! Rina memaki Hassan dalam hatinya.

Patutkah aku menyaloikannya? Patutkah aku menunjukkan kemarahanku? Rina menjenguk ke luar jendela. Dahinya berkerut. Lebih baik jangan menunjukkan perasaanku. Pura-pura tak tahu. Berlakon.

Hassan keluar dari bilik mandi dan tercengang melihat Rina di biliknya. "Hai, Rina, kenapa awak berada di bilikku?"

"Bilikmu ada rahsiakah?"

"Tidak."

"Hassan, adakah kau ada menyimpan rahsia dari ku?"

"Aku ni bagai sebuah buku yang terbuka. Kenapa kau bertanyakan hal ini?"

"Inda apa-apa. Malam ini, apa ada rancangan kita?"

"Makan malam di Restoran Airport. Kemudian, menikmati pemandangan indah di Taman Damuan."

Rina menyentuh rambutnya yang basah itu. Dia menaruh sejabank bunga di depan batu nisan Hassan. Hari ini ulang tahun kelima peninggalan Hassan. Angin bayu yang kencang meniup ke mukanya, seolah-olah sebilah sembilu yang menghiris mukanya. Air mata menitis di mukanya bercampur dengan air hujan yang menitik. Dia menggigil dalam kesejukan. Hatinya sakit sekali seolah-olah ditikam oleh sebilah pisau. Dia sungguh berdosa. Dia tak dapat memaafkan diri sendiri. Kalau bukan kerana dia ...

Rina menatap wajah Hassan yang lesu itu di bilik melawat di Balai Polis Pusat.

Hassan panik. "Rina, tolonglah aku!"

"Tenang. Kau mesti tenang."

"Aku disyaki membunuh rakanku. Semalam. Kau tau, semalam aku bersama dengan mu di Taman Damuan. Tolong beritahu polis aku bukan seorang pembunuh."

"Siapakah rakanmu itu?"

"Namanya William. Dia juga seorang pilot."

"Mengapa polis menyakimu?"

"Gambarku ada di biliknya. Dan kesan cap jariku ada di rumahnya."

"Kenapa gambar dan kesan cap jariku ada di rumahnya?"

"Kami mengambil gambar bersama. Tidak hairanlah dia simpan gambarku."

"Bagaimana dengan kesan cap jariku?"

"Aku pernah melawatnya di rumahnya. Itulah sebabnya kesan cap jariku ada di rumahnya."

Rina berfikir.

"Kau nak beritahu poliskah? Jadi saksi alibiku?"

Rina mengangguk.

Tapi, Rina tidak menolong Hassan. Dia masih marah akan gadis dalam foto di bilik Hassan. Tepat masanya untuk membalas. Menjadi Playboy? Biarlah perempuan itu menyelamatkannya! Maka, Rina berbohong di penyataannya, menafikan yang dia ada bersama Hassan pada malam itu.

Hassan didakwa di Mahkamah Tinggi atas tuduhan membunuh. Selepas perbicaraan, dia disabitkan bersalah dan dijatuhkan hukuman mati.

Rina ingat pandangan Hassan yang marah kerana dihampakan dan dikhianati oleh kekasihnya sendiri. Dia tak mengerti mengapa Rina ingin berdusta sehingga dia mendapat hukuman mati. Nyawanya tergadai. Harapannya terletak atas rayuan di Mahkamah Rayuan. Namun, tiga orang Hakim dari Mahkamah Rayuan menolak rayuannya.

Selepas lima tahun dipenjarakan, tibalah masanya bagi menjalankan hukuman gantungnya.

Seminggu sebelum itu, Hassan menulis surat kepada Rina, meminta dia melawatnya di penjara.

Rina bergelut dalam hatinya sama ada ingin melawat Hassan di penjara. Akhirnya, dia melawat Hassan.

Hassan memandang Rina di bilik melawat di Penjara Jerudong. "Dah lima tahun aku memikirkan tentang melawat kau berbohong. Untuk menjawab persoalan di hatiku, tolong beritahu kepadaku mengapa kau berbohong di perbicaraanku sehingga aku dihukum mati?"

"Kau mau taukah? Siapakah perempuan dalam gambar di bilikmu?"

"Astaghfirullah! Adakah itu sebab kau berbohong? Perempuan itu ibuku. Itu adalah gambarnya semasa muda."

Rina terperanjat sekali mendengarnya. Dia dah salah sangka. Sungguhpun berdosa rasanya! Dia menngis. "Hassan, aku telah berdosa! Aku minta maaf."

"Minta maaf? Minta maaf boleh menebus apa yang kau buat itu? Tidak, aku takkan memaafkan kau!"

Rina mengeluh dan berpaling untuk menuju ke keretanya. Halilintar sabung-menyabung. Guruh berdentum. Seakan-akan Tuhan sedang menunjukkan kemurkaan-Nya. Ingin Rina meminta ampun dari Allah atas segala dosanya. Ingin dia bertaubat. Tapi, Hassan sudah pergi buat selamanya dan tidak akan kembali di sisinya. Apa dayanya, bak pepatah: "Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tak berguna."





Diterbitkan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka

**ISTILAH MATEMATIK
SUBBIDANG : ASAS
SAINS KOMPUTER**

BAHASA INGGERIS BAHASA MELAYU

decimal digit	digit perpuluhan
decimal numeral	angka perpuluhan
decision table	jadual keputusan
declaration statement	pernyataan pengisytiharan
decode	nyahkod
decoder	pengenyahkod
dedicated word processor	pemproses perkataan berdedikasi
default value	nilai lalai
deferred mode	mod tanggahan
defined byte	bait tertakrif
defined word	perkataan tertakrif
delete	hapus
delimiter	tanda hujung
device control (DC)	kawalan peranti
digit compression	mampatan digit
digital camera	kamera digital
digital computer	komputer digital
digital converter	penukar digit
digit counter	pembilang digit
digital to analog converter	penukar digit analog
digital transmission	transmisi digit
digitized picture	gambar terdigit
direct access	capaian terus
direct memory access (DMA)	capaian ingatan terus
direct mode	mod langsung
disable (delete)	melumpuh
disk	cakera
disk based system	sistem berasas cakera
disk drive	pemacu cakera
disk format	format cakera
disk pack	pak cakera
disk pack drive	pemacu pak cakera
disk track	trek cakera
diskette	disket
diskette parameter	parameter disket
distributed logic	logik teragih
DOS (disk operating system)	DOS (sistem pengoperasian cakera)
dot command	perintah bintik
dot matrix	matriks bintik
double precision	kepresisian ganda dua
double sided single density (DSDD)	dwimuka ketumpatan ganda dua
double sided single density (DSSD)	dwimuka ketumpatan tunggal
down time	masa rosak
drum printer	pencetak dram
drum storage	storan dram
dual inline package (DIP)	pakej dalam talian dual
dumb terminal	terminal dungu
dummy instruction	arahan dami
dump terminal	terminal lambakan
Dvorak keyboard	papan kekunci Dvorak
electron beam accessed memory	memory ingatan capaian alur elektron
electronic data processing (EDP)	pemprosesan data elektronik
embedded system	sistem terbenam
emulator	emulator
enable	memulih
encode	mengekod
encoder	pengekod
end-of-medium (EM)	akhir medium
end-of-transmission block (ETB)	blok akhir pemancaran
erasable programmable read-only memory (EPROM)	ingatan baca sahaja teraturcarakan terpadamkan
erase	padam
error control	kawalan ralat
error correcting code	kod membetul ralat
error detecting code	kod mengesan ralat
error handling	pengendalian ralat
error message	utusan ralat
escape character	aksara lepasan
escape code	kod lepasan
escape key	kekunci lepasan
exclusive-OR gate	get ATAU eksklusif
expansion RAM	RAM kembangan
expansion ROM	ROM kembangan
external memory	ingatan luar
facsimile (FAX)	faksimile

Bersambung

Halaman Puisi... Halaman Puisi...

PENGHUJUNG RAMADAN

Sepuluh malam ku menantimu tanpa lelap tanpa ngantuk terpakur aku di hamparan sejadah beriktikaf kerana Allah.

Dalam kedinginan malam tak putus-putus ku menyebut nama-Mu kering air liurku meneguk kalimah sucimu dalam wirid yang syahdu.

Subhanallah ... Subhanallah ...
Subhanallah ...
Alhamdulillah ... Alhamdulillah ...
Alhamdulillah...
Allahuakbar ... Allahuakbar ...
Allahuakbar ...

Sepuluh malam ku menantimu tanpa lelap tanpa ngantuk ku perbanyakkan bacaan Al-Qur'an dalam keheningan malam.

Ku dirikan Solat Tarawih Tahajud dan Witir penuh azam penuh khusyuk ku panjatkan doa keampunan atas dosa-dosa yang telah ku lakukan.

Astaghfirullah ... Astaghfirullah ...
Astaghfirullah ...

Sepuluh malam ku menantimu tanpa lelap tanpa ngantuk sejuk tubuhku menggeletar embun putih di luar rumahku apakah ini satu tanda pertemuan denganmu ya ... Lailatulqadar?

Manis Aini

DOA RAMADAN

Di ambang Ramadan ini aku tunduk bertafakur moga Ramadanku penuh berkat membasuh dosa semalam lewat rukuk Tarawihku.

Berbuka ku dengan limpah iman ku mula sebutir tawar untuk ku sambar pahala sunat sabar sesabar aku menahan lapar ini biar bersahur ku dengan luhur betapa dinihari ini masih tamak ku rebut pahala suci dari cangkir kasihnya.

Jangan pergi lagi Ramadan rinduku masih basah biar ku suci segala daki hitam lewat sujud di malam dingin menanti Lailatulqadar.

Manja 2205

TIRAI RAMADAN

Bulan Ramadan membukakan tirainya di siang hari hingga ke malam-malam dinihari dan pintu-pintu syurgawi ternganga wangi dari hembusan bayu Ramadan yang segar umat Nabi Muhammad beristighfar berzikir dan membaca ayat-ayat suci gembiranya bidadari di firdausi berdoa ke hadrat Illahi dan malaikat bersebaran di langit mengangkat darjat mukmin yang beriman.

Bulan mulia taburkan cinta nan suci selawat ke atas Nabi yang dikasihani dalam pelukan angin keimanan menyapa ke hujung malam malam demi malam berlalu sujud tanpa jemu di tikar sembahyang solat fardu dan sunat di bulan berkat.

Berpuasalah dengan seluruh anggota badan mencumbu kalbu semua pancaindera demi bulan mulia.

Sepuluh kudus Ramadan mencumbu kalbu doa-doa berpadu berjajaran di bibir basah

di malam-malam indah cucurilah rahmat-Mu ampunilah dosa-dosa insan-Mu.

BULAN BERKAT

Sujud memohon taufik dan hidayat semoga limpahan hujan dari langit mencucurkan rahmat demi memadamkan dosa-dosa di halaman hayat dan jalannya tidak akan menyesatkan lagi ketika mencari jalan pulang nanti keabadiannya itu pasti engkau, Ya Rabbi.

Menjelangnya Ramadan deru selaut rindu menjangkau ke waktu-waktu zikir tasbih hati bersih kerana bulan berkat dihujani oleh bulan rahmat.

Dalam menyelusuri hari-hari kemenangan menangkis angin syirik dan alunan ombak munafik isi di hati nurani dengan imani.

Ramadan kini ke hati insani ladang buah-buahannya ranum melebat besok akan dituai kelak di hari akhirat.

Mahadi R. S.

RAMADAN INI

Tika mata ini celik pada subuh hari terpukul hati ini pengalaman baru ku temui berjauhan dengan keluarga tercinta.

Ramadan ini ku sambut dengan tenang dan gembira walau ku berteduh di asrama ini seketika cuma pengalaman dan ilmu yang diperolehi bagai suatu rahmat yang tiada tandingnya.

Ramadan kini ku penuhi dengan cabaran baru belajar berusaha berdikari.

SuRra

BULAN SUCI RAMADAN

Teman bulan ini bulan mulia bulan penuh kerahmatan setiap kebaikan pahala dilipatgandakan.

Mengapa harus dibahas lagi mengapa harus dipertikai lagi banyakkam amalan banyakkam berzikir dari bertutur kosong.

Hanya di bulan ini semua itu ada ditambah lagi malam istimewa bagi insan yang selayaknya menerimanya Malam Lailatulqadar.

Ayuhlah teman sekalian bangulah dari kelalaian bangulah dari kelekaan beramallah berzikirlah rebutlah peluang keemasan ini di bulan suci Ramadan.

Suriya

KALI PERTAMA BERPUASA

Umur masih muda kanak-kanak baligh berhajat melakukan sesuatu yang baru di bulan Ramadan ini.

Aku berpuasa sebelum itu aku makan sahur agar badanku kuat dan dapat bertahan lama aku bangun di pagi hari namun aku tewas di petang hari aku minta maaf

aku tak mampu meneruskannya.

Semoga esok lusa dapatku laksanakan dengan lebih lagi doakan dan pegang teguh hati ini kerana aku masih lagi baru baru hidup untuk menjalani amanah itu ...

Ali Termizzi H. R.

MANUSIA

Lihatlah kehidupan wahai manusia! buka mata dan mindamu! kerahkan segala tenaga ...! corakkan warna kehidupan.

Nah manusia! kau menyaksikan pelbagai ragam kau merebut pelbagai peluang kau mencipta pelbagai alasan.

Wahai manusia ... jalan mana yang kau pilih hitam atau putih, sirna atau suram? kerana kaulah penentu destinasimu malah teruja dengan jalan yang kau pilih.

Sekarang manusia masih ada waktu untuk membatasi ragammu masih ada peluang untuk kau bolosi tinggal usaha dan upaya.

Apakah kau mampu melakukannya? untuk kembali ke jalan yang satu untuk kembali ke jalan-Nya kerana kau adalah sebutir pasir di sisi-Nya.

GURU ...

Kau hadir dalam setiap kegelapan menerangi suram keadaan menyinari cahaya kehidupan.

Guru ... hadirmu ibarat pelita yang menyala mewarnai indah suasana meneroka ilmu pengetahuan tanpa merasa jemu dan bosan.

Guru ... meskipun penat dan lelah namun kau tetap berdiri dan berupaya membatasi segala etika dan moral mematuhi segala perintah dan suruhan.

Guru ... Jasamu lambang kemegahanku kesungguhanmu adalah kebanggaanku titik peluhmu ku junjung kerana tanpamu aku tidak di sini.

Terima kasih guruku ...

Leassa

SENDU SI YATIM

Hai ... anak tika ini kau bersedih redakanlah sendumu hiba ku mendengarnya walau ku tak tahu betapa hibanya hatimu tika ayahanda dijunjung pergi ke tanah itu tanda tak kembali lagi.

Hai ... anak yatimmu kerana Yang Esa anggaphlah ini ujian cuma kerana masih jauh perjalananku jangan kau anggap sendirian lihatlah di sekelilingmu ibu ... abang ... kakak dan seluruh keluarga masih bersamamu.

Hai anak ... walau dia tiada sematkanlah dalam jiwa kasih sayangnya tika bersama hai anak ... kau relakanlah ia agar ia tenang di sana hulurkan doa kerana doamu penerangnya.

B. Suma



ستياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسونن رنچاغن تيليبيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PINAK RTB berhak memukar mana-mana jua rancangan

RTB 5 & 8

RABU 10 OKTOBER

PAGI	
6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	DRAMA - 'Kod 486'
11.00	JUST A KID
11.30	LIPUTAN SEMASA - Utangan
12.00	BIG GUY AND THE RUSTY THE BOY
12.09	AZAN ZUHUR
12.35	TAYANGAN GAMBAR KLASIK - 'Lampong Karam'

PETANG	
2.30	GOD LOVES STROKS
2.55	DRAMA - 'Astagfirallah'
3.24	AZAN ASAR
3.55	FINGER TIPS
4.15	JEJAK RASUL
4.45	BULAN KESEMBILAN
5.00	PENTOMIN IHYA RAMADAN
5.30	RAMADAN KARIM
5.45	BERITA
6.09	BEDUK/AZAN MAGHRIB
6.30	MUHASABAH RAMADAN
6.45	MUTIARA HIDAYAH

MALAM	
7.18	AZAN ISYAK
7.24	LIPUTAN SEMASA
8.00	BERITA NASIONAL
8.45	BULETIN SUKAN
9.00	BERSAMA MUFTI - NUZUL AL-QUR'AN
10.00	NEWS AT 10
10.45	TEATER KLASIK P. RAMLEE - 'Tiga Abdul'
11.45	TADARUS
2.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 11 OKTOBER (Tidak nampak dilihat)

PAGI	
6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	DRAMA - 'Kod 486'
11.00	JUST A KID
11.30	LIPUTAN SEMASA - Utangan
12.00	DRAMA - 'Adam dan Hawa'
12.09	AZAN ZUHUR

PETANG	
1.00	TAYANGAN GAMBAR KLASIK - 'Gerhana'
2.55	DRAMA - 'Astagfirallah'
3.24	AZAN ASAR
3.50	FILLER
4.00	HARRY AND HIS BUCKET
4.00	FULL DRAGON TALES SEASON
4.30	JEJAK RASUL
5.00	PENTOMIN IHYA RAMADAN
5.30	RAMADAN KARIM
5.45	BERITA
6.09	BEDUK/AZAN MAGHRIB
6.30	MUTIARA HIDAYAH
6.50	PENGUMUMAN ANAK BULAN SYAWAL

KHAMIS 11 OKTOBER (Hari Raya Eve)

PETANG	
6.00	TAYANGAN GAMBAR KLASIK - 'Gerhana'
6.02	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	THE MAGIC SCHOOL BUS
10.45	FRANKLIN
11.15	HIKAYAT
11.30	BERITA
11.45	JEJAK RASUL
12.15	ART ATTACK
12.30	SEMBAHYANG FARJU JUMAAT - Siaran Langsung

JUMAAT 12 OKTOBER

PETANG	
6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	SURAH AL-FAATHIAH & SURAH PILIHAN
6.08	AZAN MAGHRIB

KHAMIS 11 OKTOBER (Hari Raya Eve)

PETANG	
6.00	LAGU KEBANGSAAN

MALAM

7.18	AZAN ISYAK
7.30	WARTA ISLAM
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	AN NUJUR
10.00	NEWS AT 10
10.45	DRAMA : 'Ada Apa Denganmu'
11.30	TADARUS
1.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 11 OKTOBER (nampak dilihat)

PAGI	
6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	DRAMA - 'Kod 486'
11.00	JUST A KID
11.30	LIPUTAN SEMASA - Utangan
12.00	DRAMA - 'Adam dan Hawa'
12.09	AZAN ZUHUR

PETANG

1.00	TAYANGAN GAMBAR KLASIK - 'Gerhana'
2.55	DRAMA - 'Astagfirallah'
3.24	AZAN ASAR
3.50	FILLER
4.00	DRAGON TALES SEASON
4.30	JEJAK RASUL
5.00	PENTOMIN IHYA RAMADAN
5.30	RAMADAN KARIM
5.45	BERITA
6.09	BEDUK/AZAN MAGHRIB
6.30	MUHASABAH RAMADAN
6.50	PENGUMUMAN ANAK BULAN SYAWAL
6.55	MUTIARA HIDAYAH

MALAM

7.00	TITAH SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI
7.18	AZAN ISYAK
7.30	WARTA ISLAM
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	TAKBIR HARI RAYA
9.45	FILLER
10.00	NEWS AT 10
10.45	IRSYAD HUKUM SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI
11.15	LAYAR AIDILFITRI - 'Salon'
12.45	TAKBIR HARI RAYA
1.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 12 OKTOBER (Hari Raya Eve)

PAGI	
6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	THE MAGIC SCHOOL BUS
10.45	FRANKLIN
11.15	HIKAYAT
11.30	BERITA
11.45	JEJAK RASUL
12.15	ART ATTACK
12.30	SEMBAHYANG FARJU JUMAAT - Siaran Langsung

JUMAAT 12 OKTOBER

MALAM	
7.00	HIBURAN AIDILFITRI - 'Dam Dam Dum'
7.18	AZAN ISYAK
8.00	MOVIE AIDILFITRI - 'Cinta'
10.00	BERITA NASIONAL
11.00	BULE MASUK KAMPUNG

SABTU 13 OKTOBER

PETANG	
6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	SURAH AL-FAATHIAH & SURAH PILIHAN
6.08	AZAN MAGHRIB
6.15	HABIBI & HABIBAH

MALAM

7.00	DRAMA KOMEDI MOU RTB/RTM - 'Sesal'
7.17	AZAN ISYAK
7.30	HIBURAN AIDILFITRI - 'Generasi Aidilfitri'
8.30	TELEMOVIE AIDILFITRI - 'Syawal'

PETANG

1.30	VISI SUCI
2.00	BEYOND 2000
2.30	PERINTIS
2.55	DRAMA - 'Astagfirallah'
3.24	AZAN ASAR
3.50	HONK TOOT & SWO SWOOSH
4.15	JEJAK RASUL
4.45	DRAMA MOU - 'Sayang Ada Pilihan'
5.45	BERITA
6.08	AZAN MAGHRIB
6.15	MUTIARA HIDAYAH
6.45	BICARA IMAN

MALAM

7.00	TITAH SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI
7.18	AZAN ISYAK
7.24	LIPUTAN SEMASA
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	TAKBIR HARI RAYA
9.35	ULASAN KHUTBAH JUMAAT
9.50	FILLER
10.00	NEWS AT 10
10.45	IRSYAD HUKUM SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI
11.10	LAYAR AIDILFITRI - 'Salon'
1.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 12 OKTOBER (nampak dilihat)

PAGI	
6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
7.15	SEMBAHYANG HARI RAYA
9.00	AIDILFITRI - Siaran Langsung
10.05	BERITA
10.05	ANIMASI HARI RAYA - 'Barbie My Scene Goes To Hollywood'
11.15	TITAH SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI
11.30	BERITA
11.45	JEJAK RASUL
12.15	ART ATTACK
12.30	SEMBAHYANG FARJU JUMAAT - Siaran Langsung

PETANG

1.30	FITRI RIA
2.30	GEMILANG 40
3.24	AZAN ASAR
4.15	AMERICA'S FUNNIEST HOME VIDEO
4.45	DRAMA - 'Jash dimata'
5.45	BERITA
6.08	AZAN MAGHRIB
6.15	MUTIARA HIDAYAH
6.45	IRSYAD HUKUM SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI

MALAM

7.00	BRUNEI SIAK
7.18	AZAN ISYAK
7.24	LIPUTAN SEMASA
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA KOMEDI MUZIKAL - 'Cucuki'
10.00	NEWS AT 10
10.45	ULASAN KHUTBAH
11.10	LAYAR PILIHAN - 'Seniman Bujang Lapok'
1.00	AMERICA'S FUNNIEST HOME VIDEO
1.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 13 OKTOBER (nampak dilihat)

PAGI	
6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI

MALAM

7.00	BRUNEI SIAK
7.17	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	TEMASYA PANTUN MOU RTB/RTM
10.00	NEWS AT 10
10.45	SUMBANGSH LEBARAN (POLIS)
1.15	LAYAR AIDILFITRI - 'Gong Do Re Me'
1.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

PETANG

6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.05	POSTMAN PAT
10.30	TELERIA - 'Fantasia Abang Bab'
11.15	DRAMA : 'Misteri Rumah Sewa'
11.30	BERITA
11.45	DRAMA : 'Jivan'
12.08	AZAN ZUHUR

PETANG

1.00	LAYAR AIDILFITRI - 'Nana Tanjung'
2.30	DRAMA TELEMOVIE MOU
3.24	RTB/MEDIACORP - 'Kerana Fateha'
3.30	AZAN ASAR
4.15	AMERICA'S FUNNIEST HOME VIDEO
4.45	DENDANG DI DENDANG
5.45	BERITA
6.08	AZAN MAGHRIB
6.15	JEJAK RASUL

MALAM

7.00	BRUNEI SIAK
7.17	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	40 TAHUN DI ATAS TAKHTA
9.30	TAKBIR AIDILFITRI
10.00	NEWS AT 10
11.15	LAYAR PILIHAN - 'Pendekar Bujang Lapok'
1.15	AMERICA'S FUNNIEST HOME VIDEO
1.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 14 OKTOBER (nampak dilihat)

PAGI	
6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	SUPER ROBOT MONKEY TEAM
10.30	LAYAR AIDILFITRI - 'Senafas Takbir Raya'
11.30	BERITA
11.45	SUNDAY MATINEE - 'Tripping Wire'
12.08	AZAN ZUHUR
12.30	SALAM LEBARAN

PETANG

1.15	FILLER
1.30	3 CS (CHILDREN CHAT CORNER)
2.30	DRAMA TELEMOVIE - 'Sinaran Kaca'
3.24	AZAN ASAR
4.15	JEJAK RASUL
4.45	NADWAH KHAS HARI RAYA
5.45	BERITA
6.08	AZAN MAGHRIB
6.15	DRAMA SITKOM MOU RTB/RTM - 'Sesal'
6.45	FILLER

MALAM

7.00	BRUNEI SIAK
7.17	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	TEMASYA PANTUN MOU RTB/RTM
10.00	NEWS AT 10
10.45	SUMBANGSH LEBARAN (POLIS)
1.15	LAYAR AIDILFITRI - 'Gong Do Re Me'
1.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 15 OKTOBER (nampak dilihat)

PAGI	
6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.05	ANIMATION SPECIAL - 'Postman Pat'
10.30	LAYAR AIDILFITRI - 'Aidi di Bulan Syaaban'
12.08	AZAN ZUHUR
12.15	CABARAN MINDA HARI RAYA

PETANG

1.30	AMERICA'S FUNNIEST HOME VIDEO
2.30	LAYAR AIDILFITRI - 'Kampungku'
3.24	AZAN ASAR
4.15	CAHAYA AIDILFITRI
5.45	BERITA
6.07	AZAN MAGHRIB
6.15	JEJAK RASUL
6.45	BIMBINGAN KELUARGA

MALAM

7.00	AMERICA'S FUNNIEST HOME VIDEO
7.17	AZAN ISYAK
7.25	LIPUTAN SEMASA
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA SITKOM - 'Paman Cafe Bertari Raya'
10.00	NEWS AT 10
10.45	SALAM AIDILFITRI (BOMBA)
12.15	LAYAR PILIHAN - 'Ahmad Albab'
2.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 16 OKTOBER (nampak dilihat)

PAGI	
6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
